



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KETIGA BELAS
PENGGAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA

SHAH ALAM, 20 NOVEMBER 2013 [RABU]

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
P.S.M., S.P.M.S., D.S.A.P. (Pelabuhan Klang)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Dato' Teng Chang Khim D.P.M.S.
(Sungai Pinang)

Y.B. Tuan Iskandar bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Puan Rodziah binti Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Sallehen bin Mukhyi (Sabak)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Puan Dr. Halimah binti Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Ganabatirau A/I Veraman (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Dr. Daroyah binti Alwi (Sementa)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)
(Timbalan Speaker Dewan Negeri)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Abd Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Dr. Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Tuan Dr. Xavier Jayakumar A/I Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Haniza binti Mohamed Talha (Taman Medan)

Y.B. Tuan Lau Weng San (Kampung Tunku)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Haji Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Hasbullah bin Mohd Ridzwan (Gombak Setia)

Y.B. Puan Lee Kee Hiong (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Puan Noor Hanim binti Ismail (Seri Serdang)

Y.B. Tuan Ng Sze Han (Kinrara)

Y.B. Tuan Dr. Idris bin Ahmad (Ijok)

Y.B. Tuan Ir. Haji Mohd Haslin bin Haji Hassan (Tanjung Sepat)

Y.B. Puan Yeo Bee Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Razaly bin Hassan (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Tan Pok Shyong (Pandamaran)

Y.B. Tuan Zaidy bin Abdul Talib (Taman Templer)

Y.B. Puan Lai Nyuk Lan (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Mohd Khairuddin bin Othman (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Ng Tien Chee (Balakong)

Y.B. Tuan Mohd Shafie bin Ngah (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Chin Cheh (Kajang)

Y.B. Tuan Hasnul bin Baharuddin (Morib)

Y.B. Tuan Loh Chee Heng (Teluk Datuk)

Y.B. Tuan Rajiv A/I Rishyakaran (Bukit Gasing)

Y.B. Puan Tiew Way Keng (Teratai)

Y.B. Dato' Mohd. Shamsudin bin Lias
D.P.M.S., J.S.M., S.S.A. (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro
D.P.M.S., A.S.A. (Jeram)

Y.B. Datuk Abdul Shukur bin Haji Idrus
PGDK., K.M.N., S.I.S., A.S.D.K. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abd Aziz
D.M.S.M., A.M.S., J.P. (Semenyih)

Y.B. Tuan Sulaiman bin Abdul Razak
S.M.S., P.P.N. (Permatang)

Y.B. Datuk Rosni binti Sohar
D.M.S.M., P.J.K. (Hulu Bernam)

Y.B. Tuan Jakiran bin Jacomah
A.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Bukit Melawati)

Y.B. Puan Halimaton Saadiyah binti Bohan
A.M.N., A.M.S., P.J.K. (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Kamarol Zaki bin Haji Abdul Malik P.J.K.
(Sungai Air Tawar)

Y.B. Tuan Budiman bin Mohd Zohdi (Sungai Panjang)

Y.B. Tuan Mat Nadzari bin Ahmad Dahlan (Batang Kali)

Y.B. Tuan Shahrum bin Mohd Sharif (Dengkil)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Puan Elya Marini binti Darmin
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana binti Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian binti Manan
Penolong Setiausaha

Puan Noor Diana binti Razali
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salina binti Muftar
Setiausaha Pejabat

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Puan Hajah Noridah binti Abdullah
Encik Ahmad Hafizan bin Yusoff
Pelapor Perbahasan

[Dewan disambung semula]

[Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat]

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh* dan salam sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Ketiga Belas bagi hari yang kedua 20 November 2013 dimulakan dengan bacaan Doa.

I BACAAN DOA.

II. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan Urusan Mesyuarat seterusnya, pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Selamat pagi semua. Baiklah soalan seterusnya Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK : Terima kasih Yang Berhormat Puan Speaker, soalan no. 16.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK
(SUNGAI AIR TAWAR)**

**TAJUK : GAJI / ELAUN JAWATANKUASA KEMAJUAN DAN KESELAMATAN
KAMPUNG (JKKK)**

16. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah gaji / elaun Pengerusi JKKK?
- b) Berapakah peruntukan untuk JKKK setiap kampung mengikut daerah?
- c) Apakah peranan JKKK bagi memastikan perpaduan masyarakat di peringkat akar umbi?

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih kepada Puan Speaker dan Sg. Burong.. Sg. Air Tawar. Sg. Air Tawar bertanya tentang gaji atau elaun kepada JKKK untuk makluman Sg. Air Tawar dan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pengerusi JKKK diberi elaun sebanyak RM800.00 sebulan dan kita ada 368 orang Pengerusi JKKK seluruh Negeri Selangor dan kita juga memberi elaun tambahan bagi Ketua Kampung iaitu Elaun Menghadiri Mesyuarat atau Program sebanyak RM40.00 setiap kali menghadiri mesyuarat.

Peruntukan mengikut daerah, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan RM10,000.00 setahun bagi setiap 491 buah kampung Tradisi, kampung Baru, Bagan dan Komuniti India berjumlah RM4,910,000.00 setahun dan peruntukan ini adalah bertujuan untuk menampung perbelanjaan pengurusan yang melibatkan penganjuran aktiviti kampung dan program mesra rakyat.

Perincian peruntukan mengikut daerah:-

Petaling ada 32 daerah jadi peruntukan untuk 2013 ialah sebanyak RM320,000.00.

Gombak sebanyak 54 kampung jadi mereka mendapat RM540,000.00.

Klang 44 kampung RM440,000.00.

Kuala Langat 40 kampung RM400,000.00.

Hulu Langat 77 kampung RM770,000.00.

Sepang 26 sebanyak RM260,000.00.

Kuala Selangor 74 kampung dapat RM740,000.00.

Hulu Selangor 51 makna RM510,000.00.

Sabak Bernam 93 kampung sebanyak RM930,000.00.

Jadi kita ada 491 buah kampung di mana Kampung Tradisi sebanyak 368, Kg. Baru 78, Komuniti India 45.

Soalan ketiga ialah bagaimana peranan JKKK memastikan perpaduan masyarakat di peringkat akar umbi. JKKK sebagai wakil Kerajaan Negeri Selangor yang di mana kita telah meletakkan Visi untuk menjadikan Selangor Negeri Idaman Maju Sejahtera dan Berkeadilan, sudah tentulah JKKK kita, JKKK sebagai pimpinan di kampung itu membawa dasar Kerajaan Negeri yang disampaikan kepada peringkat akar umbi di mana *good governance*, urus tadbir yang baik dibawa kepada akar umbi dan juga segala dasar baik merakyatkan ekonomi Selangor juga diberi tanpa mengira kaum, perbezaan politik dan semuanya kita salurkan terus kepada rakyat. Jadi inilah yang menyebabkan rakyat akan merasakan kenikmatan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat ini kerana peranan JKKK ini telah membawakan hasrat Kerajaan Negeri itu sendiri pada akar umbi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Sg. Air Tawar.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Soalan Tambahan, terima kasih, Puan Speaker. Saya ingin tahu apakah mekanisma yang memantau program-program JKKK ini kerana apa yang saya lihat lah di DUN saya program ini kadang kala

dianjurkan oleh pihak masjid tapi mereka ini mengambil gambar dan saya haraplah ya agar satu mekanisma ini perlu ditubuhkan untuk memantau program-program yang diadakan oleh JKKK ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Minta maaf Sg. Air Tawar, program apa tadi.

Y.B. TUAN KAMAROL ZAKI BIN HAJI ABDUL MALIK: Apakah mekanisma yang memantau program-program JKKK di setiap kampung.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Oh...Terima kasih. Mekanisma pemantauan program-program yang di bawah JKKK ialah kita ada ADO Pembangunan Sosial di Pejabat Daerah. Kita ada Penghulu yang memantaukan JKKK di seluruh mukim beliau dan juga kita ada pejabat ADUN yang melihat sendiri sama ada dasar yang kita beri yang program rakyat ekonomi Selangor adakah tuisyen dijalankan, adakah skim tunas diberi, adakah pemberian untuk sekolah-sekolah itu diberi. Inilah mekanisma yang kita buat dan juga Kerajaan Negeri sebagai Kerajaan yang terbuka sentiasa menerima kritikan, aduan bahkan mungkin ada maklum balas sekiranya ada pihak yang tidak menerima program rakyat ekonomi Selangor itu seperti yang telah dirancang dan diarahkan oleh Kerajaan Negeri Selangor.

TUAN SPEAKER: Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Puan Speaker. Saya.. soalan tambahan saya mengenai dengan JKKK ini, saya menyanjung peranan JKKK untuk menyatupadukan rakyat di kawasan kampung dan sebagainya. Walau bagaimanapun dalam konteks ini saya nampak, rakyat masih keliru kerana di kampung bukan sahaja ada JKKK tetapi wujud juga JKKKP maka dengan itu saya nak tanya ini telah menimbulkan keliru. Apa cadangan/cara Kerajaan untuk menangani permasalahan ini satu, kedua adakah kewujudan JKKKP ini membantu untuk menyatupadukan penduduk di kampung? Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HALIMAH BT. ALI: Terima kasih kepada Sekinchan. Memang ianya menjadikan satu cabaran bagi kita juga untuk mungkin mengasahkan lagi kebijaksanaan Kerajaan Pakatan Rakyat ini dan juga untuk menonjolkan bakat daya saing JKKK. Sebenarnya kalau ikut daripada soalan ini tadi bagaimana JKKK memainkan peranan untuk memastikan perpaduan. Kita mempercayai satu cabaran di mana Kerajaan Pusat sentiasa mahu mengganggu perpaduan di dalam kampung ini kerana sudah ada satu Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung, kenapa pula diwujudkan satu lagi Jawatankuasa yang seumpama dengannya? Tetapi bagi kita, insya-Allah kita telah pun melaksanakan, kita telah memulakan satu program di mana kita mahu rakyat di Selangor ini walau pun dia tidak berpihak kepada Pakatan dia masih juga berkompas, berkiblat kepada Barisan Nasional dengan program Spies De Village, kita membudayakan spiritual hati baik, hati bersih. Fizikal kita kongsi sama merakyat ekonomi Selangor tu merentasi apa sama ada ideologi politik atau pun tidak. Kaum, bahasa, bangsa dan semuanya. Ini ialah satu kaedah kita mengajar secara praktikal, secara amali bagaimana kita ini menjaga perpaduan. Walau kita tidak menghukum

orang yang tidak mengundi kita, tidak menyokong kita, walau pun kita telah memberi pelbagai faedah bagi mereka. Makna JKPP ni juga menjaga AJK-AJK JKPP pun dapat juga manfaat daripada program rakyat ekonomi Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Puan Speaker, soalan no. 17.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN
(TANJONG SEPAT)**

TAJUK : BELIA

17. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Akademi Kepimpinan Belia bagi melatih belia untuk bersedia sebagai kepimpinan masa datang?
- b) Berapa ramai bilangan belia yang mendaftar mengikut Skim Insentif Perkahwinan yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Puan Speaker, Tanjung Sepat ingin mengetahui sama ada Kerajaan Negeri bercadang untuk mewujudkan Akademi Kepimpinan Belia bagi melatih belia untuk bersedia sebagai kepimpinan masa datang? Bagi pihak Kerajaan Negeri kami sangat mengalu-alukan cadangan daripada Tanjung Sepat cuma buat masa ini kami belum lagi bercadang, Kerajaan Negeri masih belum lagi bercadang untuk mewujudkan Akademi Kepimpinan Belia seperti mana yang dimaksudkan oleh Tanjung Sepat. Walau bagaimanapun Kerajaan Negeri melalui Institut Pengajian Sains Sosial (IPSAS), Universiti Putera Malaysia sedang menjalankan kajian bagi pembentukan dasar belia Negeri Selangor yang mana hasil daripada kajian itu nanti, kita boleh lihat sama ada sudah tentunyalah ada keperluan untuk pembangunan kepimpinan di kalangan belia ini yang kita boleh lihat, cuma pada masa ini ada perbincangan yang dilakukan bagi daripada STANCO Belia ini dengan Institut Pengajian Sosial berkemungkinan yang kita akan mewujudkan satu bentuk inkubator terutamanya dalam bentuk memberikan latihan-latihan kepada belia-belia ataupun NGO-NGO belia di Negeri Selangor ini menekankan soal-soal kepimpinan pembangunan kepimpinan kepada anak-anak muda ataupun belia di Negeri Selangor. Walau bagaimanapun di peringkat Kerajaan Negeri melalui program-program belia yang mana kita ada organisasinya penggerak belia tempatan, kita juga menekankan di antara kategori yang kita telah tetapkan adalah berkaitan dengan soal kepimpinan dan sudah tentulah unsur-unsur kepimpinan ini menjadi satu perkara yang penting di dalam perancangan program dan pelaksanaan program yang dijalankan di peringkat Negeri Selangor.

Bagi menjawab soalan yang kedua berkaitan dengan insentif skim insentif perkahwinan belia yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri setakat ini melalui program insentif perkahwinan belia yang kita jalankan mulai Januari 2013 kita sudah ada 8 fasa melalui jumlah-jumlah permohonan yang dikemukakan oleh belia-belia yang sudah mendirikan rumah tangga. Fasa 1, saya ingat saya terus kepada jumlah ya yang telah memohon sejumlah 2,497 pemohon telah memohon daripada Januari sehinggalah 7 November 2013 ini yang mana saya katakan tadi 8 fasa kesemuanya dan kita telah meluluskan 2,181 permohonan dan saya kira kalau dilihat daripada statistik perkahwinan yang ada di Negeri Selangor melalui dapatan kita daripada Jabatan Agama Islam Negeri Selangor bahagian pendaftaran dan juga Jabatan Pendaftaran Negeri Selangor sejumlah lebih kurang purata 18,000 perkahwinan di kalangan mereka yang beragama Islam dan daripada Yang Bukan Beragama Islam lebih kurang 7,000 jumlah perkahwinan yang didaftarkan di dalam setahun kalau kita lihat perbandingan itu memanglah agak jauh dan setakat ini hanya sekadar 2,497 permohonan yang telah kita terima dan 2,181 yang telah kita luluskan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Tanjung Sepat dulu.

Y.B. TUAN IR. HAJI MOHD HASLIN BIN HAJI HASSAN: Terima kasih Puan Speaker, saya ingin tanya sekali lagi kepada Y.B. EXCO, apakah mekanisma ataupun perancangan bagi memastikan bahawa belia-belia yang berada di Negeri Selangor ini menjadi pemimpin masa akan datang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira antara tumpuan kita melalui penggerak belia tempatan yang kita wujudkan di setiap PBT bermakna kalau setiap PBT mempunyai 24 zon, kita ada 24 Jawatankuasa Penggerak Tempatan di peringkat zon-zon dan penggerak tempatan ini jawatankuasa ini mendapat sumbangan daripada Kerajaan Negeri untuk menjalankan pembangunan. Walaupun mungkin jumlahnya bukan besar tetapi melalui perancangan yang kita merancang termasuklah penekanan dalam sudut kepimpinan yang kita tekankan dalam program-program mereka. Itulah beberapa perkara ataupun apabila saya melihat laporan yang dijalankan ini banyak laporan-laporan juga yang ditekankan dengan dari sudut kepimpinan. Cuba daripada Peringkat Negeri juga pada tahun ini juga kita telah memulakan program pengucapan awam yang mana kita wajibkan kepada terutama Penggerak Belia Tempatan ini dan juga NGO-NGO atau pun anak-anak muda atau pun belia yang ada juga untuk turut terlibat sama dan setakat ini beberapa penggerak pihak Berkuasa Tempatan penggerak ini sudah mula mengadakan program ini dan saya kira daripada itu sudah tentulah ada perkara yang sekurang-kurangnya anak-anak muda ini sudah mula terlibat di dalam program-program untuk membentuk kepimpinan di masa akan datang. Dan saya melihat daripada penglihatan saya sebahagian daripada penggerak tempatan di sini dapat melahirkan kepimpinan-kepimpinan termasuk sebagai Ahli Majlis dan ada juga yang menjadi Ketua Kampung. Sebab itu saya melihat sudah tentu ada ciri-ciri kepimpinan di kalangan mereka yang akhirnya boleh mereka sebagai seorang pemimpin di peringkat masyarakat atau pun di peringkat tempatan itu sendiri.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Ah soalan saya kepada Y.B. EXCO, pertamanya apakah strategi yang digunakan oleh PABT untuk melahirkannya kepimpinan tersebut maknanya di akhir penggal pelantikan mereka itu maka lahir mungkin 10 orang di bawah seliaan mereka setiap PBT, PABT. Yang keduanya apakah program penerusan selepas pemberian skim insentif perkahwinan ini kerana kita dapati kadar perkahwinan yang tinggi di Selangor juga kadar perceraian di negeri Selangor berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Jadi tidak bermakna kalau kita menggalakkan mereka membina mahligai atau pun membina masjid tetapi selepas itu akan berlaku perceraian. Apakah program seterusnya? Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, pertamanya berkaitan dengan kriteria tinggi kepada anak-anak belia untuk dilahirkan sebagai kepimpinan. Saya kira antara perancangan kita apabila kita mewujudkan penggerak tempatan ini sebenarnya bukan hanya kursus untuk kita sebegini sebagai pemimpin tetapi kita merasakan bahawa perlu di peringkat PBT itu sendiri atau pun peringkat Serendah peringkat zon di peringkat bawa itu ada satu golongan atau pun jawatankuasa yang boleh menggerakkan belia-belia di kawasan tersebut. Mungkin seperti mana yang saya katakan tadi peruntukan tidak besar tetapi dapat menggerakkan belia-belia ini supaya sedar pentingnya belia-belia ini untuk terlibat di dalam kepimpinan kerana kita mengharapkan mereka yang akan menjadi generasi kepada pimpinan pada masa akan datang.

Untuk menjawab soalan berkaitan dengan skim perkahwinan ada beberapa perkara yang saya kira kita tekankan dalam skim ini pertamanya untuk meletakkan beberapa pemikiran kepada belia-belia yang berkahwin ini supaya ada satu agenda menabung sifatnya kerana skim yang kita berikan ini adalah skim tabung kepada yang beragama Islam dan simpanan Tabung Haji dan yang bukan beragama Islam adalah dalam bentuk Sijil simpanan premium. Tujuan yang saya katakan adalah menabung. Yang kedua supaya perkahwinan itu daftarkan kerana kita melihat betul kata Taman Medan tadi itu perceraian-perceraian juga tinggi di kalangan yang beragama Islam jumlah perkahwinan setiap tahun lebih kurang dalam 18,000 dan jumlah perceraian lebih kurang dalam 8,000 setahun. Tetapi ini lah ciri-ciri yang mana kita lihat sebenar penekanan itu untuk skim insentif perkahwinan ini sepatutnya adalah untuk menabung, yang kedua perkahwinan yang didaftarkan. Dan ekoran daripada itu kita merancang supaya perkahwinan ini adalah satu perkahwinan yang baik yang akan generasi masa akan datang dalam pemikiran mereka. Dan kita merancang akan mengadakan program-program perkahwinan iaitu yang melibatkan kursus-kursus perkahwinan yang sedia ada pemantapan belia-belia yang berkahwin dan juga selepas daripada berkahwin itu apakah perkara-perkara yang perlu untuk memperkukuhkan perkahwinan itu sendiri. Insya-Allah di dalam tahun hadapan kita akan terus merancang supaya ini akan berlaku.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Berkaitan dengan insentif tadi, kalau berlaku perceraian adakah insentif itu ditarik balik?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira menjadi hasrat oleh Kerajaan kita beri insentif supaya perkahwinan itu baik dan sekurang-kurangnya kita gemburkan apabila pencuaian ibu tunggal tidak ada sumber pendapatan sebagai tetapi saya melihat supaya ini akan menjadi satu bentuk mencetus kepada pasang menyimpan, menabung dan kita tidak akan menarik balik jumlah insentif yang telah kita berikan tersebut. Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Apakah hala tuju bagi belia di negeri Selangor ini selepas *blueprint* telah disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri Selangor? Terutama sekali dalam isu-isu perkahwinan dan perceraian ini. Soalan kedua saya ialah sejauh manakah keberkesanan bagi program-program PeBT-PeBT yang telah dianjurkan oleh PeBT-PeBT ditubuhkan di bawah Kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat EXCO jawab soalan pertama sahaja. Yang keduanya tidak berkaitan dengan soalan Tanjong Sepat dan saya juga minta Ahli-ahli Yang Berhormat semua tanya soalan tambahan satu sahaja, jangan yang pertamanya, yang keduanya, yang ketiga itu sudah tiga soalan tambahan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Hala tuju, hala tuju PBT. Ok, hala tuju *blueprint* PBT yang kita wujudkan sebenarnya kita melihat akhirnya daripada perancangan program kita mengadakan penggerak tempatan ini kita mahu lihat bahawa belia-belia kita ini mempunyai keterampilan yang tinggi di dalam kategori-kategori terutama yang kita tetapkan termasuklah sudah tentulah kita mahu belia-belia ini mempunyai satu kekuatan pendidikan bukan sahaja pendidikan akademik tetapi pendidikan daripada segi pembangunan kemanusiaan itu sendiri. Dan juga pendidikan dari segi jaya untuk meletakkan bahawa mereka ini adalah di kalangan rakyat negeri Selangor yang mempunyai keupayaan untuk berjaya. Dan itu pertama, yang kedua adalah soal yang berkaitan dengan kepimpinan seperti mana yang kita bincangkan tadi. Yang ketiga berkaitan penglibatan mereka ini di dalam bersosial kita mahu belia-belia mempunyai satu rasa kesukarelawan untuk bersosial di samping program-program kesukarelawan yang memang kita ke tekanan di dalam *blueprint* yang kita rancang. Yang seterusnya adalah berkaitan dengan penglibatan belia-belia ini dalam bersukan. Kita mahu belia-belia kita ini sihat dan kita mahu mereka mengamalkan cara hidup sihat dengan bersukan, dengan beriadah walaupun ini mungkin salah satu cara untuk jaga kesihatan tetapi kita mengharapkan belia yang sihat itu akan menjadi peneraju kepada negeri yang baik. Dan yang ke akhirnya adalah berkaitan dengan kebudayaan. Sudah tentu kita tahu di negeri-negeri Selangor ini kita tidak boleh nafikan atau pun negara

kita, kita tak boleh nafikan kepelbagaian kaum, kepelbagaian kebudayaan itu sendiri dan kita mahu juga supaya belia-belie kita ini mantap daripada pengetahuan tentang kebudayaan dan mengamalkan kebudayaan-kebudayaan yang baik yang akhirnya perpaduan di dalam negara kita dapat diperkukuhkan dengan lebih baik lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Paya Jaras.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Bertanya kepada Y.B. EXCO apakah ada usaha Persatuan Bola sepak Selangor untuk turun ke Kampung-kampung mencari bakat-bakat baru dalam bola sepak. Saya ada dua soalan tapi saya bagi pertama dulu.

TUAN SPEAKER: Yang bola sepak tak berkaitan dengan soalan Tanjong Sepat.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Berkaitan dengan Belia Tuan Speaker, kalau tak berkaitan saya ubah soalan saya.

TUAN SPEAKER: Ubah soalan.

Y.B. TUAN MOHD KHAIRUDDIN BIN OTHMAN: Soalan saya ubah. Persepsi masyarakat sekarang melihat EXCO belia banyak tertumpu pada belia Melayu. Apakah ada program khusus EXCO belia untuk turun menandangi belia-belie Cina, India itu relevan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Saya kira beberapa program yang sudah kita susun atur termasuklah dalam program hari Belia Antarabangsa di peringkat negeri contohnya ini sebagai contoh yang mana kita mahu melibatkan semua belia-belie yang ada dalam program itu juga melibatkan kebanyakan daripada belia-belie sepatutnya pelbagai kaum contohnya yang saya boleh lihat yang agak besar penglibatan dari kaum-kaum yang lain Pertandingan Catur yang kita sempena Hari Belia melibatkan ramai pelbagai belia-belie terlibat dan sebenarnya program-program yang kita telah lakukan di peringkat negeri ini bukan menjurus kepada satu kaum. Atas program-program kayuhan Belia Ehsan yang kita adakan setiap tahun di setiap PBT ia juga mendapat penglibatan daripada pelbagai kaum. Juga mendapat penglibatan daripada pelbagai kaum kira program-program yang bersifat Universal cuma mungkin penglibatan daripada kaum-kaum yang lain agak rendah kalau dibandingkan dengan kaum Melayu yang saya kira usaha ini akan tetap diteruskan. Atas Insya-Allah kepada 30hb ini kita akan mengadakan program meraikan atau pun program perkahwinan Perdana Peringkat negeri Selangor yang mana saya kira memang sebahagian besar terlibat adalah belia-belie Melayu dan setakat ini ada 4 belia India yang terlibat, 2 belia Cina yang pada peringkat awalnya telah mendaftarkan menarik diri datang memberitahu sebab ada program yang lain. Dan saya harapkan di setiap perhimpunan kita bukan menjuru sahaja kepada belia-belie Melayu dan strategi ini akan diteruskan. Mungkin ada program-program yang ada kesesuaian yang lebih kepada kaum-kaum yang lain yang perlu kita fikirkan bersama-sama. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 18.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN LEE KEE HIONG
(KUALA KUBU BAHARU)**

TAJUK: PEKERJA-PEKERJA LADANG

18. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

- a) Adakah Kerajaan Negeri berhasrat untuk mengemukakan cadangan pembinaan rumah kepada pekerja-pekerja ladang.
- b) Adakah Kerajaan Negeri bertujuan memberikan tanah kepada pekerja-pekerja ladang untuk penanaman secara kecil-kecilan dan penternakan bagi menambahkan pendapatan mereka.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Y.B. Kuala Kubu Baharu. Tuan Speaker, Kuala Kubu Baharu Y.B. dari Kuala Kubu Baharu inginkan tanya soalan berkenaan tentang Kerajaan Negeri. Adakah Kerajaan Negeri berasa untuk mengemukakan cadangan pembinaan rumah pekerja-pekerja ladang?

Tuan Speaker, di peringkat Kerajaan Negeri buat masa ini tiada rancangan yang khas bagi pembinaan rumah kepada pekerja-pekerja ladang. Namun Kerajaan Negeri amat prihatin dalam menangani isu kebajikan pekerja ladang dalam memastikan ada pampasan dan atau ada pembinaan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang apabila ladang ini dijual atau dibangunkan untuk perumahan. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan tambahan saya berkenaan dengan pekerja ladang ini ialah apakah bentuk bantuan yang boleh dikemukakan atau pun diberikan kepada pekerja-pekerja ladang yang pun sudah pun berpindah ke rumah yang baru kerana sebagai contoh di Bandar Putera Blok C. Mereka yang berpindah ke kawasan itu tidak mempunyai pekerjaan tetap yang mana akhirnya mereka ada satu keluarga itu terpaksa makan ubi kayu disebabkan kesempitan hidup. Apakah bantuan yang boleh diberikan oleh STANDCO yang terlibat bagi membantu meringankan mereka-mereka yang berpindah kepada kawasan ladang ini ke kawasan perumahan baru. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih kepada Y.B. Sri Muda. Sebenarnya kes berkenaan tanpa pindahan atau pun bekas-bekas pekerja ini dalam sesuatu kawasan memang agak menyedihkan disebabkan dari segi pekerjaan atau pun *skill work* mereka apa itu kerja mereka, pendidikan mereka dan juga *skill* yang mereka mempunyai tidak sesuai dengan mendapatkan pekerjaan di Bandar atau pun di mana-mana kawasan apabila mereka telah diberhentikan atau pun disebabkan usia umur yang melanjut mereka diberhentikan. Ada dua perkara dalam ini, bila mereka berpindah mereka duduk di tempat yang lain. Mereka bukan lagi dikehendaki sebagai pekerja ladang. Program-program yang mereka patut pohon kalau mereka dibawa ke Standco kemiskinan di mana mereka boleh Standco kemiskinan mereka ada *blueprint card* tersendiri di mana saya boleh jawab dalam soalan-soalan akan datang bagaimana *blueprint card* ini akan berfungsi. Dengan izin Tuan Speaker tadi ada juga soalan kedua daripada Y.B. Kuala Kubu Baharu yang mana saya telah gagal menjawab. Soalan kedua beliau adalah adakah Kerajaan Negeri bertujuan untuk memberikan tanah kepada pekerja-pekerja ladang untuk penanaman secara kecil-kecilan dan penternakan bagi menambahkan pendapatan mereka. Tuan Speaker Kerajaan Negeri dalam masa yang terdekat ini tiada rancangan untuk membuka tanah pertanian dalam masa terdekat. Namun saya menyambut baik sekiranya pihak pengurusan ladang di Selangor dapat membenarkan para pekerja ladang ini untuk mengadakan tanaman kontan atau pun ternakan secara kecil-kecilan di kawasan ladang yang mereka bekerja.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN MOHD SHAFIE BIN NGAH: Terima kasih Y.B. EXCO, saya ingin menarik perhatian tentang perkara pengambilan peralihan tanah oleh pemaju bagi kawasan-kawasan khususnya yang menempatkan perumahan kepada pekerja-pekerja ladang yang kebanyakan mereka pada orang-orang berusia emas. Malahan sekali bila mereka dipindahkan ke rumah-rumah pangsa yang tinggi lif rosak pula, ada yang sakit, ada yang meninggal dunia ini menjadikan saya sangat terharu dan tidak perlu kah dasar untuk menentukan kepada pemaju-pemaju yang mengambil alih kawasan-kawasan ini memastikan mereka menyediakan rumah teres untuk pekerja-pekerja ladang ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Saya sebenarnya amat kagum, terharu dengan keprihatinan anda. Memang kita sedar bahawa apabila kita buat perbincangan bersama dengan pemaju ataupun pemilik estet dalam memberi pampasan mahupun pembinaan perumahan untuk pekerja-pekerja ladang, khususnya seperti di Bukit Raja, Sime Darby di Klang, kita dapat memastikan mereka dapat rumah teres. Tetapi ada tempat pula apabila kita bandingkan dengan pemajuan dan juga saiz, pemajuan yang besar, yang membuat mereka, siapa-siapa yang tinggal dalam usia yang mereka telah, jangka masa mereka telah berkhidmat dalam estet tersebut, ladang tersebut. Kita perlu juga ada skop di mana membezakan pampasan yang sepatutnya diberi. Baru-baru ini di Kajang, apabila Bangi Estet, kita membuat dialog bersama dengan pemaju, pemaju telah membuat bersetuju akan memberi rumah pangsa dan juga apabila ada ura-ura suara daripada pekerja ladang yang rumah pangsa yang tinggi ini tak begitu sesuai, akhirnya pemaju bersetuju akan

beri kepada rumah pangsa setingkat, tingkat pertama kepada semua pekerja. So, kita sentiasa sebenarnya dari segi perbincangan dengan pemaju ataupun pemilik estet ini diteruskan dalam masa, dalam terusan perbincangan ini, memang kebajikan dan keperluan semasa pekerja ladang memang diutamakan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kuala Kubu Bharu.

Y.B. PUAN LEE KEE HIONG: Soalan tambahan. Memandangkan pekerja ladang tempatan telah banyak digantikan oleh pekerja ladang asing, yang mana mereka mempunyai Mykad seperti *security Guard*, dengan izin, di Ambank juga mempunyai Mykad yang bekerja di ladang. Dan adakah kerajaan negeri mempunyai sistem pendaftaran supaya pekerja ladang tempatan dapat menikmati kebajikan ataupun keperluan bantuan daripada kerajaan negeri.

Y.B. TUAN GANABATIRAU A/L VERAMAN: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kubu Bharu. Tuan Speaker, memang tidak dinafikan pengujudan Mykad yang dipegang oleh orang asing. Tapi kita tidak ada data yang teratur ataupun data yang kekal dikatakan berapa ramai sebenar pekerja asing yang bekerja dalam ladang-ladang di Selangor. Namun pihak UPEN sedang menjalankan satu pemantauan dan juga banciaan di ladang-ladang agar pekerja-pekerja ini dapat didaftarkan berapa ramai orang daripada warga Malaysia dan juga warga asing. Dalam pada itu adalah harapan tinggi kami selepas banciaan ini, dapat kita ketahui bahawa pekerja-pekerja ladang, pekerja-pekerja asing ini dapat dibezakan dengan pekerja-pekerja warga Malaysia. Dengan itu bila kita ada data-data yang berbeza ini, baru kita dapat tangkap bahawa apabila 10 tahun dahulu kalau mereka ini asing, ataupun 5 tahun dulu mereka ini asing, kenapa hari ini mereka ada *Mykad*. So, banciaan ini sedang dilakukan oleh UPEN. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih, Puan Speaker. Soalan nombor 19.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI
(SRI MUDA)**

TAJUK : PEMBINAAN SAMBUNGAN LRT KELANA JAYA – PUTERA HEIGHTS

19. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah kerajaan negeri sudah bersetuju sepenuhnya tentang projek ini dan bilakah persetujuan ini diberikan?
- b) Apakah usaha kerajaan negeri membantu penduduk setempat yang risau tentang keselamatan mereka disebabkan jajaran yang dibina adalah berisiko tinggi.

- c) Apakah pihak berkuasa tempatan (MPSJ dan MBSA) tidak berkuasa memantau situasi di kawasan pembinaan kerana aduan seperti pagar keselamatan dan kerja sehingga jam 10 malam terus berlaku.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Kerajaan Negeri melalui keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) pada 27 Mei 2009 telah bersetuju terhadap Projek Pembinaan LRT Kelana Jaya – Putera Heights.

Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri Selangor menyedari bahawa terdapat bantahan yang diterima daripada penduduk berhubung pembinaan dan jajaran LRT yang dianggap berisiko tinggi. Semua bantahan penduduk telah didengari melalui beberapa sesi pendengaran awam yang telah dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat.

Dalam hal ini Kerajaan Negeri melalui keputusan MMKN juga telah bersetuju bagi melantik 2 orang perunding, perunding bebas bagi menyediakan laporan kajian terperinci terhadap Risiko Kejuruteraan Geoteknik, Risiko Pembinaan di Tapak Sensitif dan pelbagai aspek teknikal yang terlibat di dalam pembinaan jajaran LRT tersebut.

Hasil kajian dan lawatan tapak mendapati bantahan penduduk adalah disebabkan kewujudan tasik buatan bekas kuari bersebelahan dengan kawasan perumahan mereka dengan kedudukan paras air yang melebihi permukaan tanah mereka. Sehubungan dengan itu, pelbagai langkah mitigasi telah disyaratkan kepada pihak pemaju projek untuk dilaksanakan bagi memastikan keselamatan penduduk terjamin.

Pihak Berkuasa Tempatan (MPSJ dan MBSA) mempunyai kuasa penuh terhadap sebarang tindakan yang boleh dikenakan kepada setiap pemaju projek. Ini termasuklah dalam mengeluarkan notis “*Stop Work Order*” jika pemaju gagal mengambil tindakan terhadap aduan yang dimaklumkan. Selain daripada itu, PBT juga mempunyai kuasa bagi tidak memberikan kelulusan kebenaran merancang jika pemaju gagal memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

TUAN SPEAKER : Ya, Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan Puan Speaker. Saya ingin bertanya kepada EXCO kerana dalam jawapan yang dikemukakan Pihak Berkuasa mempunyai kuasa untuk memberhentikan. Tetapi apa yang berlaku di kawasan tapak yang terlibat di sepanjang jajaran yang dibina itu, pagar keselamatan pun tidak ada, bahkan aduan yang dikemukakan oleh seorang pengadu dari Taman Subang Alam, yang mana belakang rumahnya adalah kawasan bukit, tempat pembinaan itu sudah mula runtuh tetapi sehingga ke hari ini belum lagi tindakan diambil oleh pihak berkuasa memantau ataupun memperbaiki keadaan yang diadukan oleh pengadu yang terlibat. Jadi kalau “*Stop Work Order*” boleh dikeluarkan, oleh Pihak Berkuasa Tempatan tetapi dalam kes ini, ia tidak berlaku. Dan inilah yang menimbulkan kebimbangan kepada penduduk yang terlibat serta penduduk di kawasan sekitar

bahawa kerajaan negeri mahupun Pihak Berkuasa Tempatan tidak memantau sepenuhnya. Jadi saya nak tanya kerajaan negeri apakah yang boleh diambil dalam mengatasi masalah ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, saya minta yang Berhormat Sri Muda untuk memberikan butir-butir berkenaan dengan bantahan tersebut kepada saya sekiranya tidak, memang benar bahawa tidak ada tindakan diambil oleh Pihak Berkuasa Tempatan, kerana saya percaya Pihak Berkuasa Tempatan sudah tentu akan mengambil tindakan. Kemungkinan keruntuhan yang diadakan itu tidak serius seperti yang dianggap oleh penduduk tersebut kerana persepsi orang, *lay man*, dengan persepsi orang yang mengambil kepakaran itu mungkin berlainan. Jadi saya tidak mahu membuat keputusan kesimpulan di sini, tapi memohon supaya butir-butir dapat dibekalkan kepada saya supaya saya dapat membuat arahan untuk membuat siasatan selanjutnya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Tuan Speaker, soalan nombor 20.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : RIZAB NEGERI

20. Kerajaan negeri berbangga mengumpulkan rizab kewangan negeri bernilai lebih RM 2 bilion

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah strategi sehingga dapat ditingkatkan jumlah rizab negeri?
- b) Adakah ini menunjukkan bahawa kerajaan tidak cekap berbelanja?
- c) Apakah kesan pada sosioekonomi negeri jangka pendek dan jangka panjang hasil peningkatan rizab ini?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Tuan Speaker, saya akan menjawab soalan ini bersama-sama soalan 62, Yang Berhormat Balakong, 117, Meru, 143, Rawang dan 217, Taman Medan.

Soalannya ialah mengenai rizab negeri. Semalam saya bantahkan bahawa rizab negeri ialah pada 31 Oktober 2013 ialah pada jumlah 2,712 juta. Pagi ini saya mendapat data yang terkini, iaitu 15 November 2013 di mana rizab negeri ialah 2,767 juta.

Kedua, soalnya rizab negeri ialah hasil daripada dua (2) perkara. Satu, peningkatan hasil, peningkatan hasil ialah antara lain peningkatan cukai, kedua, pemberian dari Kerajaan Persekutuan dan ketiga, perkara-perkara yang tidak termasuk dalam cukai tapi pendapatan negeri. Saya, apakah strategi yang meningkatkan rizab negeri. Jawapan yang sebenarnya ialah pengurusan dana negeri itu mesti teratur dan tetap. Kita mesti jaga hasil. Lebih banyak hasil lebih baik. Kita juga mesti jaga penggunaan, cara penggunaan juga mesti dijaga. Dan saya telah membentangkan kepada Dewan supaya belanjawan berasaskan hasil itu dilakukan. Sebagai contoh 2008, kita tidak ada usaha memantau kos untuk pembinaan. Dan sekarang kita boleh beritahu kalau dulu kita ada belanjawan untuk membuat masjid, sekarang kita boleh tunjukkan dengan belanjawan yang sama, kita boleh buat 3 masjid dari 2 masjid yang dibuat sebelum itu. (TEPUK). Jadi ada penjimatan dan penjimatan inilah yang memberikan kenaikan rizab. Dan kedua, apa gunanya rizab. Gunanya rizab ialah membolehkan kita menggunakan dana untuk pembangunan. Contoh, rizab negeri meningkat masa penjualan Bandar raya Kuala Lumpur juga Putrajaya. Tapi kita tak ada rekod tentang penggunaan rizab. Jadi secara ringkas, rizab negeri juga salah satu daripada faktor yang kita mesti ambil ukuran dalam pelaksanaan pengurusan sumber negeri Selangor.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Soalan tambahan, Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Permatang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Yang Berhormat Menteri Besar, saya cuma nak bertanya mengenai soalan tambahan saya mengenai kutipan cukai yang disebut tadi. Sama ada penambahan rizab ini kerana kejayaan kita ataupun kerajaan negeri mengutip cukai yang tertunggak dan sebagainya ataupun kerana penambahan cukai-cukai baru yang wujud ataupun kenaikan cukai-cukai yang ada termasuk contoh-contoh cukai-cukai perumahan yang meningkat, pembangunan dan sebagainya. Itu sebagai menandakan tanda rizab itu semakin meningkat. Dan kemudian juga saya nak bertanya mengenai aset, dari segi penilaian rizab selain daripada tunai ialah aset. Apa bentuk-bentuk aset yang termasuk dalam pengiraan sebagai rizab sama ada ia berupa bangunan, hartanah dan sebagainya atau saham dan sebagainya. (Ketawa)

TUAN SPEAKER: Yang Amat Berhormat boleh *on mic*.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tidak boleh bercakap panjang tapi insya-Allahlah saya. Salah satu kelemahan yang dibuat sebelum ini ialah kita tidak meninjau belanjawan itu secara total. Iaitu kita tidak ada yang dipanggil dalam sektor kewangan, bila saudara ada saudara tahu di mana datangnya hasil? Mengapa penambahan? Kenapa ia kekurangan? Ianya ada. Kemudian penggunaan? Jadi jawapannya, kita ada senarainya. Walau bagaimanapun saya ingin nyatakan kita tidak dapat menaikkan hasil tanah kerana takut ramai yang berasa terbeban dengan hal itu. Jadi apa yang kita lakukan ialah mengutip cukai itu dengan betul. Dua minggu dulu, saya telah memberi hadiah kepada tiap-tiap Pejabat Daerah kerana dapat mencapai kutipan 95% daripada hasil yang sepatutnya. Daerah Gombak dan daerah Petaling. Gombak kerana banyak, Petaling kerana jumlahnya sangat besar. Ini contoh peningkatan hasil. Kedua, kita juga

lihat bagaimana hasil ini. Jadi untuk rizab. Jadi saudara, kita tidak beli harta untuk rizab sebab rizab ini digunakan dalam bentuk kecairan. Kecairan ini bermaknanya kalau kita beli bangunan, dia tidak cair. Jadi apa yang kita lakukan hanya bila kita selesai, katakan hendak guna rizab untuk hal pembangunan, kita keluarkan daripada rizab dan tidak, dan kita pantau pengguna rizab dari segi kecairan. Kita pantau dari segi penggunaan,

Selepas rizab dari segi pembangunan. Jadi oleh sebab itu, pemantauan dari segi penggunaan dana untuk negeri Selangor pada masa hadapan ialah berterusan. Tidak lagi dan saudara dari Permatang tidak payah bertanya sebab Kewangan Negeri akan memberi rekod-rekod dan analisa tentang kesemuanya ini. Dan, kita mungkin akan bagi latihan kepada Ahli Dewan Negeri untuk memahami menganalisa kewangan kerana lebih cekap Yang Berhormat-Yang Berhormat dengan cara ini lebih baik Yang Berhormat-Yang Berhormat memantau tentang keadaan kewangan negeri. Dan sebab, rakyat baru tahu Wakil Rakyat tahu tentang kewangan, itu yang penting.

TUAN SPEAKER: Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya nombor 21.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN
(DUSUN TUA)**

TAJUK: LEBUH RAYA LEMBAH KLANG TIMUR (EKVE)

21. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan status perkembangan terkini berhubung Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE) dan di manakah jajaran sebenarnya Lebuhraya ini akan dibina terutamanya melalui DUN Dusun Tua dan berapakah kos sebenar.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Tuan Speaker, Dusun Tua bertanyakan mengenai status perkembangan terkini Lebuhraya Lembah Klang Timur ataupun EKVE melalui *Detail Environmental Impact Assessment* (DEIA) yang telah diberi pada 25 April 2013 bagi cadangan projek '*The Proposed East Klang Valley Expressway*' (Kuala Lumpur *Outer Ring Road-Eastern Route*). Kelulusan DEIA ini hanya terhad kepada kerja-kerja pembinaan dari CH0.000 sehingga CH 24000.000 sahaja sepanjang 24.16km bermula dari Sungai Long *Interchange* sehingga Ukay Perdana *Interchange*. Jawapan ini sebenar juga saya menjawab kepada soalan 191 daripada Kajang. Dan, ini bermakna kita tidak memberikan, Kerajaan Negeri tidak memberikan meluluskan sehingga ke Gombak ataupun merentasi kawasan hutan simpan kawasan tadahan air dalam kawasan Ampang.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri bertarikh 11 September 2013 yang telah disahkan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri pada 18 September 2013 bersetuju dengan perkara berikut:

Satu, penubuhan Jawatankuasa Pemandu yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar dan di anggotai oleh yang berikut:

1. Pengerusi Jawatankuasa Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam.
2. Pengarah Jabatan, JPBD Selangor
3. Pengarah, JKR Selangor
4. Pengarah JMG Selangor
5. Pengarah, Jabatan Perhutanan Selangor
6. PBT berkaitan
7. Pengarah Tanah Dan Galian Selangor dan yang diurusetikan oleh JPBD Selangor.

Jawatankuasa pemandu yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab memastikan pemantauan bagi meminimumkan kesan dan kepada alam sekitar dilaksanakan secara tegas dan berkala.

Dan, Jabatan Perhutanan Negeri diminta melaksanakan siasatan awam bagi tujuan pembatalan pewartaan kawasan hutan yang terlibat. Dan, melalui Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 30 Oktober, Kerajaan Negeri telah menubuhkan satu jawatankuasa penyiasatan awam ataupun (GTPA) yang mana jawatankuasa ini adalah dianggotai dan di pengaruhi oleh Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar dan ahli-ahlinya adalah Jawatan Tetap Belia dan Sukan, Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pengarah Jabatan Kerja Raya, Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran, Pengarah Jabatan Alam Sekitar, Pengarah Institut Alam Sekitar dan Pembangunan Lestari UKM, Ketua Pengarah Penyelidikan Hutan Malaysia ataupun FRIM, yang kelapan Pengarah Lembaga Urus Air atau LUAS, diurusetikan, urus setia oleh Pengarah Perhutanan Negeri Selangor.

Bagi kedudukan jajaran lebuh raya ini, jajaran EKVE akan merentasi kawasan DUN Dusun Tua seperti Bukit Enggang, Bandar Mahkota Cheras, Kuari Sg Long, Taman Sri Nanding, Kg Sg Michu dan Taman Pinggiran Delima.

Kos yang terlibat terdiri daripada kos pembinaan dan kos pengambilan tanah yang akan dimuktamadkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan. Ini bermakna projek ini adalah projek Kerajaan Persekutuan cuma Kerajaan Negeri terlibat di dalam proses-proses pengambilalihan tanah ataupun penentuan jajaran lebuh raya yang akan dibina ini.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Soalan tambahan, Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Dusun Tua.

Y.B. TUAN RAZALY BIN HASSAN: Terima kasih Speaker, EXCO yang terlibat saya ingin bertanya kerana sekarang ini di DUN Dusun Tua ini boleh dikatakan hari-hari jalannya agak *jam*, lebih-lebih lagi hari Sabtu/Ahad dan hari-hari cuti umum. Boleh saya tahu, bila agaknya jalan ini boleh siap? Dan adakah jalan ini banyak mengambil tanah-tanah orang kampung (persendirian) kerana saya dimaklumkan ada dua tiga juruukur yang telah pergi ke kawasan tersebut dan mengukur beberapa buah kampung dan orang kampung mula gelisah dengan keadaan ini, boleh Yang Berhormat maklumkan tanah-tanah kalau terlibat orang-orang kampung ini, berapa jumlah hartanah itu akan dibayar pampasannya ataupun bagaimana. Soalan pertama saya, bila siap jalan ini? Dan kaedah pengambilalihan tanah orang kampung?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Dusun Tua, saya rasa sehingga kita memuktamadkan jajaran ini dan memberikan kelulusan-kelulusan pengambilan tanah sebagainya barulah kita boleh beri jawapan bila lebuhraya ini akan selesai pembinaannya. Walau bagaimanapun, saya kira sudah tentulah sebahagian jajaran ini melibatkan tanah-tanah persendirian ataupun orang-orang kampung yang saya dimaklumkan secara umumnya tidak menjadi masalah besar dalam proses pengambilalihan tanah ini. Saya kira untuk *pendetailan* berapa jumlah tanah yang terlibat dengan harga tanah yang mungkin akan dikenakan dalam pengambilan semula itu, saya tidak mempunyai data pada hari ini dan kita boleh kemukakan pada Dusun Tua kemudian. Saya kira ini adalah satu alternatif kita dapat menghuraikan kesesakan lalu lintas untuk menghubungkan lebuhraya di antara utara dan selatan. Saya kira apabila selesai pembinaan lebuhraya ini banyak manfaatnya kepada penghuraian desakan yang akan berlaku di kawasan kesesakan di MRR 2 yang terlibat secara langsung dalam keputusan pembinaan lebuhraya. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker, soalan 22.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SZE HAN
(KINRARA)**

TAJUK: PELABURAN DARI CHINA

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila nyatakan jenis dan modal pelaburan dari China dalam 3 tahun yang lepas.
- b) Apakah langkah kerajaan untuk meningkatkan lagi pelaburan dari China?

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Terima kasih Kinrara. Jenis dan modal pelaburan dari China bagi tempoh 2010 hingga Ogos, 2013 adalah seperti berikut: -

Satu, produk elektronik & *electrical* RM1.213 Juta; produk plastik RM101 Juta. Maaf, saya ulang lagi produk elektronik & *electrical* RM1.213 Billion, produk plastik RM101 Juta, alat pengangkutan RM64 Juta, produk asas (metal) RM29 Juta, Produk tekstil RM26.7 Juta, alat mesin RM25 Juta, produk *chemical* dan alat-alat kimia RM9.7 Juta, produk getah RM5.9 Juta, produk bukan metalik dan mineral RM5 Juta, produk petroleum termasuk *petrochemical* RM3.9Juta, produk *fabricated* metal RM3.5 Juta, produk kayu kayan RM330, 000, dan lain-lain RM1.742 Juta. Jadi jumlahnya adalah, kita ada 13 jenis pelaburan daripada China, negara China dengan jumlah modal RM1.491 Bilion.

Kerajaan Negeri melalui agensi promosi pelaburannya, SSIC sering mengadakan lawatan dan menyertai pameran-pameran yang diadakan di China bagi mempromosikan peluang-peluang pelabur di Negeri Selangor kepada pelabur China yang berpotensi. Pihak SSIC telah mengadakan lawatan teknikal pelaburan ke Wilayah Xian, China pada 2 hingga 7 September 2013 di samping menyertai pameran China-Asian Expo di Nanning 2013 pada 3 hingga 6 September 2013. Hasil daripada lawatan dan penyertaan dalam pameran tersebut terdapat pelabur yang berminat untuk meneroka peluang pelaburan dalam industri bio-teknologi, produk halal, solar, perkhidmatan pergudangan dan logistik serta sektor hartanah.

Bagi tempoh Januari hingga Oktober 2013, SSIC telah menerima sebanyak 8 lawatan pelabur dari negara China ke Selangor yang berhasrat untuk mengembangkan perniagaan mereka di luar negara China dalam industri kitar semula, pembuatan mesin dan peralatan logam iaitu pun *metal* dan elektronik.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Boleh, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Terima kasih Tuan Speaker, soalan saya soalan 23.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANIZA BINTI MOHAMMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: PEMBANGUNAN SEMULA BANDAR

22. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Bagaimana kerajaan negeri menangani kawasan Bandar raya/bandar/pekan yang perlu mantapkan daya saing antara bandar-bandar dan pekan-pekan dan tingkatkan hubungan antara kawasan yang perlu dibantu dan kawasan yang mempunyai peluang?
- b) Apakah perancangan MBPJ untuk pembangunan kawasan PJ Old Town supaya tidak 'mati'?

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM: Tuan Speaker bagi menjawab pertanyaan ini, Kerajaan Negeri melalui Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor sedang menyediakan Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035. Hasil dari tinjauan kajian Draf Rancangan Struktur Negeri Selangor 2035 ini, telah mengenal pasti beberapa cadangan dasar dan langkah-langkah pelaksanaan yang melibatkan pembangunan semua Bandar bagi memastikan Bandar-bandar sedia ada dapat dipertingkatkan fungsi dan menjana ekonomi setempat. Antara cadangan dasar yang berkaitan adalah:

Dasar: Pembangunan baru perlu mengutamakan tapak-tapak dalam kawasan perbandaran sedia ada melalui pembangunan secara infill, pembangunan tapak *brownfield* dan pembaharuan bandar (*Urban Renewal*).

Antara langkah-langkah yang perlu dilakukan adalah seperti berikut:

- i) Membangunkan tanah kosong di dalam kawasan Bandar dengan syarat tidak melampaui keupayaan tampungan atau (*carrying capacity*) dengan izin kawasan tersebut.
- ii) Menjalankan kajian bagi mengenal pasti tapak-tapak brownfield dengan keutamaan di kawasan MPK, MBPJ, MPKj, MPS, dan MPAJ.
- iii) Melaksanakan pembaharuan Bandar melalui pendekatan samada *rehabilitation, restoration, redevelopment* atau *regeneration* dengan izin bagi bandar-bandar yang mempunyai kriteria berikut:
 - Bangunan atau kawasan kosong, dan bangunan usang,
 - Kawasan tanah kerajaan,
 - Guna tanah atau aktiviti yang tidak lagi bersesuaian dengan pembangunan sekitar,
 - Pembangunan atau guna tanah yang tidak optimum (termasuk kawasan *brownfield*); dan
 - Kawasan yang mengalami masalah akses.
- iv) Menyediakan insentif dan mekanisme bagi menggalakkan pembangunan semula kawasan terbiar, usang dan tertinggal.
- v) Pembangunan semula tanah hak milik kerajaan perlu mengutamakan pembangunan untuk kegunaan awam, Pembangunan secara

bersepadu berpadanan dengan potensi komersial dan nilai pasaran tanah dibenarkan dengan mengekalkan tanah hak milik kerajaan.

- vi) Mewujudkan bank tanah bagi memastikan peruntukan keperluan sosial akan datang dapat dilaksanakan.
- vii) Memastikan pembangunan baru mengambil kira aspek-aspek pembangunan mampan seperti berikut:
 - Pemuliharaan warisan dan bangunan;
 - Tahap keupayaan kemudahan infrastruktur sekitar;
 - Cadangan pembangunan yang harmoni dengan guna tanah atau aktiviti sekitar;
 - Cadangan pembangunan berupaya meningkatkan tahap kemudahsampaian;
 - Cadangan pembangunan semula bagi kawasan banjir kritikal tidak dibenarkan tanpa pelaksanaan projek tebatan banjir;
 - Cadangan pembangunan tidak akan mendatangkan masalah pencemaran dan kesesakan; dan
 - Penggunaan teknologi hijau.

Kawasan PJ Old town ini merupakan kawasan pembangunan yang awal dibangunkan dalam tahun 1960an merangkumi guna tanah kediaman berkepadatan rendah, komersial dan sebahagian kawasan perindustrian pembuatan. Sehubungan itu, pihak MBPJ memaklumi daripada aspek perancangan infrastruktur sedia ada yang lama, dan perlu dinaiktaraf, maka suatu perancangan pembaharuan semula bandar atau '*urban regeneration*' atau '*urban renewal*' yang melibatkan kawasan tersebut sedang dilakukan oleh pihak MBPJ. Ini akan melibatkan pembangunan semula bukan sahaja dari aspek guna tanah dan intensiti, tetapi merangkumi juga aspek aksesibiliti, kemudahan awam serta reka bentuk bandar yang baru. Konsep pembangunan semula ini akan dirumuskan di dalam penyediaan Kajian Semula Rancangan Tempatan Petaling Jaya 1 (RTPJ 1) yang akan dimulakan dalam tahun 2014.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HANIZA BT MOHAMED TALHA: Terima kasih atas pencerahan tentang pembangunan semula kawasan-kawasan yang telah lama dibangunkan, saya juga ingin tahu samada Kerajaan Negeri ada mencari jalan penyelesaian kepada pembangunan yang sudah ada yang tidak memenuhi dari segi syarat dari segi penyediaan kemudahan bagi orang awam, namun tanah atau kawasan persekitaran tidak lagi dimiliki oleh Kerajaan tetapi sudah mempunyai pemilik-pemiliknnya tersendiri. Adakah Kerajaan Negeri sanggup untuk membeli semula tapak-tapak tersebut bagi memenuhi keperluan-kemudahan-kemudahan awam, terima kasih.

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM: Tuan Speaker untuk aspek itu Kerajaan perlu melihat secara keseluruhannya dahulu kerana pengambilan tanah di kawasan-kawasan sedemikian melibatkan kos yang tinggi. Kerana kalau kita hendak mengambil tanah kita perlu membayar pampasan akan dilihat dari sudut kos keperluan untuk kemudahan awam yang kritikal maka terpaksa juga pihak berkuasa untuk mengambil tindakan untuk membuat pampasan demi kepentingan orang ramai., itu bergantung kepada kes.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya dapati terdapat kampung-kampung baru cina yang berada di tengah Bandar yang sangat tidak teratur. Adakah Kerajaan bersedia untuk membangun semula kampung baru cina ini?

Y.B. DATO' TENG CHAN KHIM: Sebenarnya di dalam Selangor ini tidak ada banyak kampung baru cina yang berada di pusat Bandar yang berdekatan adalah seperti Pandamaran dan Seri Kembangan. Walau bagaimanapun itu juga bergantung kepada geran kerana tanah di kawasan-kawasan tersebut juga nilainya tinggi sekarang, kita juga melihat kerana sekiranya kita melihat kepada keluasan kampung baru di Selangor ini khususnya Pandamaran dan Seri Kembangan antara kampung baru cina yang besar. Jadi perancangannya melibatkan perancangannya yang lebih terperinci diperlukan sebelum kita membuat apa-apa perancangan untuk memperbaharui kawasan-kawasan tersebut.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Tuan Speaker sebenarnya banyak kawasan di Petaling Jaya sudah dizonkan semula untuk pembangunan baru untuk beberapa tahun. Tetapi kita tengok keadaan pemaju tidak lagi melaksanakan pembangunan semula ini. Adakah Kerajaan akan meninggalkan kepada pemaju untuk membuat inisiatif sendiri ataupun ada tak Kerajaan memberi inisiatif kewangan ataupun membuat pengambilan semula tanah untuk pembangunan semula ini.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker di kawasan MPPJ ini sebenarnya PBT dan juga Kerajaan Negeri menghadapi masalah besar kerana suara daripada NGO, suara daripada penduduk, suara daripada ADUN, suara dari Ahli Parlimen itu memang lantang. Jadi itu menjadi sebenarnya suatu kadang-kadang halangan walaupun kita mengalu-alukan pandangan. Tetapi ya apabila kita terlalu menjaga kawasan supaya kepadatan yang tidak tinggi dan mengenakan terlalu banyak syarat itu menyebabkan pemaju tidak berminat untuk meneruskan membenarkan kos yang terlibat juga dan memandangkan juga kos sosial yang terlibat. Oleh itu mungkin kita perlu satu pemikiran satu anjakan paradigma untuk melihat semula bagaimana kita hendak menerima hakikat pembangunan yang akan membawa impak-impak yang tertentu. Jadi saya rasa kita perlu mengadakan lebih banyak dialog di antara pemaju

dengan penduduk ataupun wakil persatuan penduduk dan juga Kerajaan Negeri untuk mencari penyelesaian yang dapat memuaskan semua pihak.

TUAN SPEAKER: Morib

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih Tuan Speaker soalan no. 25.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN
(MORIB)**

TAJUK: HAL EHWAL WANITA

25. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah dana yang telah disalurkan untuk Pusat Wanita Berdaya di setiap DUN Selangor tahun ini?
- b) Berapakah DUN yang telah menubuhkan Pusat Wanita Berdaya?
- c) Sejauh manakah program ini dapat mencapai objektif dan keberkesanannya?

Y.B PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker saya menjawab soalan Morib. Morib ingin bertanya tentang Pusat Wanita Berdaya berapakah dana yang disalurkan bagi setiap DUN. Jadi ingin saya nyatakan di sini 30 Oktober 2013 sebanyak RM807,500.00 telah diberikan ataupun disalurkan kepada setiap DUN mengikut perincian yang akan saya bacakan dan peruntukan ini disalurkan samada dalam bentuk peralatan nilainya ataupun dalam bentuk program-program yang distrukturkan. Senarai yang akan saya bacakan ini iaitu Sg. Air Tawar sebanyak RM30,000.00, Sabak RM25,000.00, Sungai Panjang RM25,000.00, Sekinchan RM30,000.00, Hulu Bernam RM25,000.00, Kuala Kubu Baharu RM10,000.00, Batang Kali RM22,500.00, Sungai Burong RM7,500.00, Permatang RM20,000.00, Bukit Melawati RM22,500.00, Ijok RM25,000.00, Jeram RM22,500.00, Kuang RM7,500.00, Rawang RM25,000.00, Taman Tampler RM20,000.00, Batu Caves RM17,500.00, Gombak Setia RM17,500.00, Hulu Kelang RM17,500.00, Bukit Antarabangsa RM27,500.00, Lembah Jaya RM15,000.00, Chempaka RM20,000.00, Teratai RM10,000.00, Semenyih RM17,500.00, Kajang RM15,000.00, Kinrara RM10,000.00, Seri Setia RM25,000.00, Taman Medan RM30,000.00, Kampung Tunku RM10,000.000, Kota Damansara RM15,000.00, Kota Anggerik RM25,000.00, Batu Tiga RM27,500.00, Meru RM7,500.00, Sementa RM25,000.00, Selat Klang RM25,000.00, Seri Andalas RM15,000.00, Sri Muda RM25,000.00, Sijangkang RM30,000.00, Morib RM15,000.00, Tanjong Sepat RM10,000.00, Dengkil RM10,000.00, Sungai Pelek RM27,500.00 yang membawa jumlah RM807,500.00. Sebanyak 46 DUN di seluruh Selangor minta maaf sebanyak 46 DUN yang telah pun mewujudkan ataupun menubuhkan Pusat Wanita Berdaya dari 56 DUN yang ada dan kita lihat soalan yang seterusnya apakah ia mencapai objektif. Alhamdulillah sepanjang ianya dilaksanakan sejumlah 82,102

wanita yang telah pun berjaya mendapat manfaat daripada program ini dalam bentuk perkhidmatan atau pun mengambil bahagian dalam program-program yang telah ditawarkan ataupun dilaksanakan di bawah program-program PWB. Dan antara usaha-usaha yang kita dilaksanakan di bawah PWB ini adalah usaha untuk memastikan bahawa misi Pembudayaan Wanita Negeri Selangor dapat mencapai supaya kualiti hidup diri, keluarga dan masyarakat khususnya wanita dalam bidang ekonomi, kewangan, kesihatan, kepimpinan sosial dan teknologi maklumat merupakan kursus kepimpinan yang kita ingin sarankan dan salah satu contoh saya begitu gembira untuk mengumumkan dalam Dewan Negeri ini salah seorang daripada Penyelia Pusat Wanita Berdaya telah berjaya diangkat menjadi ADUN iaitu Y.B. Damansara Utama. Jadi itu jawapan saya Terima kasih.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Morib

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Saya hendak bertanya Puan EXCO untuk Penyelia Pusat Wanita Berdaya tidak diberikan elaun yang tetap, peranan yang mereka mainkan amat penting dan juga belanjawan yang telah kita salurkan untuk Pusat Wanita Berdaya di seluruh Negeri Selangor agak tinggi. Sebagaimana elaun yang telah diberikan oleh koordinator pembangunan Modal Insan. Adakah Puan Exco bercadang untuk memberikan elaun yang tetap kepada Penyelia dan juga di peringkat Parlimen juga diwujudkan dipanggil Ketua Penyelia ini untuk diberikan elaun yang tetap? Sekian.

Y.B PUAN RODZIAH BT ISMAIL: Terima kasih Morib Tuan Speaker saya ingin menyatakan di sini ucapan terima kasih sayalah kepada Morib kerana prihatinnya peranan yang dimainkan oleh Penyelia dan sebenarnya saya tidak menolak malah saya terharu dan gembira untuk menyatakan atau mengumumkan insya-Allah elaun tetap ini telah dalam pertimbangan Ahli Mesyuarat dan Insya-Allah saya akan angkat ke dalam mesyuarat tidak lama lagi iaitu bulan depan. Sebab bagi saya sudah sampai masanya Penyelia-penyelia Pusat Wanita Berdaya seramai 46 dan kita jangkakan akan mencapai 56 orang ini diiktiraf secara rasmi oleh Kerajaan Negeri sebagai wakil kerajaan untuk mencapainya misi pembudayaan wanita di seluruh Selangor sebagaimana peranan yang dimainkan oleh Ketua-ketua Kampung. Kerana bagi saya usaha ini penting disebabkan Jabatan Pembangunan Wanita Negeri Selangor tidak bersama dalam mengambil usaha dalam membangunkan wanita negeri. Jadi doakan tidak lama lagi Penyelia kita akan mendapat elaun tetap dari Kerajaan Negeri. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sekinchan

Y.B TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker soalan saya No.26.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: JAMBATAN KE-3 KLANG

26. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:
- a) Sila nyatakan apakah perkembangan terkini cadangan pembinaan jambatan tersebut?
 - b) Sila nyatakan berapakah jumlah anggaran kos pembinaan Jambatan tersebut dan bilakah ianya akan dimulakan?
 - c) Sila nyatakan apakah peranan Kerajaan Persekutuan dalam konteks pembinaan Jambatan Ke-3 Klang?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker Sekinchan bertanyakan tentang perkembangan terkini cadangan pembinaan jambatan tersebut. Sukacita saya memaklumkan kita kena membuat pembedaan bukan lagi cadangan tetapi projek pembinaan. Pihak JKR Selangor melalui perunding Vast Consultants Sdn. Bhd. Sedang dalam proses reka bentuk terperinci dan dijangka siap pada Februari 2014. Disamping itu, kerja-kerja awal bagi tujuan pengumpulan data seperti kajian impak trafik, kerja ukur tanah dan hidrologi serta kerja penyiasatan tanah sedang giat dijalankan. Tempoh siap bagi keseluruhan kerja ini dijangkakan pada awal bulan Disember tahun ini. Pelan Pengambilan Tanah serta dokumen yang berkaitan bagi proses Pengambilan Balik Tanah di bawah Seksyen 4, Akta Pengambilan Tanah 1960 telah dihantar kepada Pejabat Daerah dan Tanah Klang pada pertengahan Oktober lalu untuk tindakan lanjut pejabat tersebut. Anggaran kos awal pembinaan bagi projek ini adalah RM281 juta termasuk pengambilan balik tanah dan yuran perunding. Proses pembinaan dijangka akan bermula pada Julai 2014. Kerajaan Persekutuan melalui Ibu Pejabat JKR Malaysia berperanan sebagai penasihat teknikal bagi projek ini.

TUAN SPEAKER: Batu Caves

Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI: Soalan No 27.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN AMIRUDDIN BIN SHARI
(BATU CAVES)**

TAJUK: SKIM SEROJA DAN PASUKAN KESELAMATAN KAMPUNG (PKK)

27. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah peruntukan bagi setiap komuniti yang melaksanakan program PKK dan Seroja?
- b) Berapakah jumlah keseluruhan yang digunakan setakat ini?
- c) Apa rasional kerajaan negeri menetapkan peruntukan skim seroja dan PKK tidak selaras dari segi jumlah peruntukan dan insurans sedangkan kedua-duanya adalah dari kerajaan negeri?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera dan *Bismillahi Rahmanir Rahim*. Skim Seroja telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Bil.17/2013 pada 19 Jun 2013 selaras dengan Manifesto Pilihan raya Pakatan Rakyat bagi tahun 2013 untuk menjadikan Skim Seroja sebagai Projek Perintis Keselamatan Rakyat Negeri Selangor. Setakat ini ada lima kawasan yang akan dilaksanakan dan telah dilaksanakan untuk tahun ini iaitu di Sri Era, Desa Latania kawasan MBSA, Puchong Permai Blok A27-A30 kawasan MPSJ, Pangsapuri Mawar Cempaka kawasan MPK, Pangsapuri Laksamana Jaya A di mana ianya pelancaran telah dilakukan di kawasan MPS, Pangsapuri Megah Villa kawasan MPSp. Buat makluman Yang Berhormat sekalian, terima kasih di atas pertanyaan. Yang telah kita belanjakan atau diperuntukkan untuk tahun 2013 adalah sebanyak RM35,000.00. RM35,000.00 ini datang daripada peruntukan STANCO Perumahan. Dan untuk tahun-tahun yang akan datang ianya kita telah memperuntukkan dan telah diluluskan dalam Mesyuarat Ahli-ahli Lembaga Perumahan Hartanah Selangor sebanyak RM1 juta setiap setahun. RM1 juta setiap setahun bermakna dalam lima tahun yang akan datang Skim Seroja ini akan mendapat peruntukan sebanyak RM5 juta. Dan kita berhasrat untuk melaksanakan sebanyak 50 skim satu tahun, bermakna *target* kita adalah sebanyak 250 skim untuk lima tahun, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya, Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya sama ada PKK maksudnya satu skim yang baru diwujudkan untuk kawasan kampung kalau tidak salah saya juga akan di bekalkan dengan Skim Insurans sebab memandangkan sekarang mereka cuma untuk permulaan atau pun *starting point* ini dengan izin diberi RM5,000.00 sahaja untuk beli peralatan dan sebagainya untuk penganjuran program tetapi tidak masukkan Skim Insurans untuk mereka. Memandangkan mereka perlu jalankan kerja-kerja rondaan ini, jadi saya ingin bertanya sama ada kerajaan negeri akan memasukkan Skim PKK ini dan juga untuk insurans.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Walau pun ianya di bawah EXCO yang berbeza dari segi tanggungjawabnya tetapi kerajaan negeri dari segi kalau kita hendak meminta orang membuat, meminta rakyat untuk membuat rondaan perlu ada suatu skim. Bukan skim insurans seperti mana dalam Skim Seroja ini, skim ini adalah kita meletakkan sejumlah wang tabung, di mana kalau berlaku apa-apa kemalangan atau pun perlu pergi mendapatkan rawatan perubatan awak akan dibayar daripada

tabung ini. Bukannya kalau kita bayar kepada insurans bermakna duit itu akan hangus begitu sahaja. Jadi bermakna bahawa tidak ada masalah PKK ini akan di sekalikan. Perlu ada wujud juga satu tabung supaya manfaat akan diberikan jika berlaku sebarang kemalangan atau pun berlaku sebarang perkara-perkara yang tidak diingini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tuan Speaker, Tuan Speaker....

TUAN SPEAKER: Ya.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan saya ada merujuk kepada PKK. Yang PKK belum dijawab lagi. Mungkin satu soalan dua EXCO kena jawab kot.

TUAN SPEAKER: Baiklah mana soalan yang belum dijawab Yang Berhormat Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Soalan saya merujuk kepada Skim Seroja yang telah dijawab oleh Yang Berhormat EXCO. Dan yang keduanya merujuk tentang PKK sebab dia sistem keselamatan kawasan komuniti. Yang saya persoalkan sebab dia ada perbezaan dari segi jumlah peruntukan dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Jadi C lah....

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Ermm...ermm...

TUAN SPEAKER: Bahagian C.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, tentang keselamatan ini memang ada peruntukan RM5,000.00 dibekalkan kepada Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung. Tetapi tidak ada jumlah peruntukan yang khusus diberikan kepada Jawatankuasa Penduduk dan buat setakat ini penduduk menjalankan itu sebagai kerja sukarela. Dan sementara itu PBT seperti MBPJ telah pun memberikan peruntukan untuk membantu mereka yang melakukan rondaan itu secara sukarela dan memang PBT, pihak kerajaan negeri juga menggalakkan supaya pihak Persatuan Penduduk atas kerelaan mereka sendiri untuk membantu dalam kerja rondaan ini.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya Batu Caves.

Y.B. TUAN AMIRUDIN BIN SHARI: Terima kasih Yang Berhormat EXCO dan Ahli-ahli Kabinet Negeri. Pertamanya bila program ini dilaksanakan kebajikannya saya dapat lihat kita dapat mengurangkan sedikit risiko jenayah yang berlaku sebagaimana rekod yang kita dapati. Jadi adakah kerajaan negeri ada merancang untuk membina

satu pasukan yang lebih komprehensif maksudnya ia tidak terpisah Seroja, PKK dan sebagainya dan ada peruntukan yang jelas. Dan ini akan dapat membantu usaha kerajaan untuk mengekang kegiatan jenayah di masa depan, terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih. Kita pun telah berbincang atau pun kita tahu tentang permohonan kerajaan negeri untuk mewujudkan atau pun untuk mendapatkan mewujudkan polis bantuan bagi PBT. Ia memang benar, kita melihat sama ada Seroja ini atau Skim Seroja dan juga PKK ini berjaya atau tidak. Selepas itu kita akan melihat sama ada atau mengkaji sama ada ianya boleh diletakkan di bawah satu payung iaitu Skim Keselamatan bersepadu untuk kerajaan negeri. Tetapi sekarang ini yang berjalan adalah Seroja di 5 kawasan. Kalau ini berjaya bermakna bahawa kita akan satukan kesemuanya supaya ini adalah suatu Skim Keselamatan bersepadu untuk kerajaan Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ijok, Ijok dahulu.

Y.B. TUAN DR. IDRIS BIN AHMAD: Terima kasih Tuan Speaker. Ada kena mengena dengan keselamatan kampung. Di sini kita bincang tentang pasukan, *infrastructure* kampung sepatutnya di perbaiki. Saya misalnya kawasan-kawasan yang banyak jenayah ialah kawasan-kawasan gelap, kampung-kampung. Adakah rancangan kerajaan untuk menerangkan kawasan-kawasan gelap yang banyak kemalangan atau pun jenayah di kampung-kampung, sekian.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya rasa apa ini Yang Berhormat tentu tahu bahawa betapa seriusnya kerajaan negeri untuk menangani masalah di kampung-kampung dan di desa-desa di mana telah kita mewujudkan satu portfolio yang baru iaitu Pembangunan Desa. Jadi insya-Allah benda ini terletak di bawah skop Pembangunan Desa dan juga bercampur dengan infrastruktur, terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Rawang.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Rawang ingin bertanya sebenarnya sudah ada satu Jawatankuasa sebenarnya, Jawatankuasa Bandar Selamat di bawah PBT, setiap PBT untuk membincangkan jadi ada tak pihak kerajaan negeri untuk selaraskan semua Unit ini di bawah Jawatankuasa tersebut dan kita perkasakan peranan jawatankuasa tersebut supaya satu perancangan menyeluruh boleh diadakan sama ada PKK ke, Seroja ke macam mana Jawatankuasa tersebut supaya kerja kita untuk menangani kadar jenayah ini boleh disegerakan. Bukannya banyak Unit yang perlu kita habiskan masa untuk selaraskan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Seroja ini hanyalah satu inisiatif untuk Pangsapuri di mana bahawa terdapat inisiatif-inisiatif lain. Saya bersetuju bahawa kita

perlu ada suatu Jawatankuasa seperti mana Jawatankuasa Pengangkutan Awam Negeri Selangor untuk menyatukan atau untuk *co-ordinate* dengan izin *co-ordinate* kesemua inisiatif-inisiatif keselamatan Negeri Selangor. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Jeram, saya kena tangguhkan soalan Yang Berhormat ke hari esok kerana Yang Berhormat boleh... Minta maaf, Jeram kemukakan soalan.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No. 28.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO
(JERAM)**

TAJUK : STATUS PENSTRUKTURAN INDUSTRI AIR

28. Kerajaan Persekutuan ada menetapkan konsep *Willing Buyer & Willing Seller* bagi penstrukturan dan pengambilalihan syarikat operator air oleh kerajaan negeri.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Bagaimanakah kerajaan negeri menyelesaikan pengambilalihan syarikat operator air berdasarkan konsep tersebut?
- b) Berapakah nilai tawaran kerajaan negeri untuk pengambilalihan ini dan nilai sebenar dari syarikat operator air?
- c) Apakah mekanisme dan dari manakah sumber kewangan negeri untuk pengambilalihan ini?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, soalan daripada Jeram adalah berkenaan dengan penstrukturan industri air dan ianya melibatkan isu-isu banyak isu iaitu saya minta izin untuk masa yang lebih panjang. Ya, Tuan Speaker dalam proses untuk mengambil alih semula perkhidmatan bekalan air dari Pemegang Konsesi untuk diuruskan oleh kerajaan negeri sepenuhnya, ia perlu melalui proses *deprivatisation* dengan izin yang akan melibatkan banyak pihak. *Deprivatisation* akan menjurus kepada penamatan perjanjian konsesi sedia ada. Perlembagaan Malaysia memperuntukkan bahawa tiada seorang pun boleh dilucutkan hartanya kecuali mengikut undang-undang dan tiada undang-undang yang boleh memperuntukkan pengambilan atau penggunaan harta dengan paksa tanpa pampasan yang memadai.

Dalam menentukan nilai pampasan dalam bentuk tawaran pengambilalihan Syarikat Konsesi Air, kerajaan Negeri Selangor mengutamakan kepentingan pengguna, *value for money* dengan izin dan rakyat tidak terbeban dengan kos pengambilalihan tinggi yang

menguntungkan Syarikat KONSESI Air berbanding dengan kepentingan pengguna khususnya rakyat Negeri Selangor. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengutamakan kebajikan serta keamanan generasi sekarang dan generasi akan datang supaya tidak terbeban dengan pelbagai hutang atau *unnecessary debt*.

Sehingga hari ini, rundingan mengenai penstrukturan semula industri perkhidmatan air Negeri Selangor masih belum dapat dimuktamadkan atas sebab pendirian yang berbeza di antara Kerajaan Negeri Selangor dan Kerajaan Persekutuan dalam menentukan nilai tawaran kepada Syarikat KONSESI Air. Kerajaan Persekutuan dalam beberapa surat kepada Kerajaan Negeri Selangor masih menegaskan bahawa dalam merealisasikan pelaksanaan Model Holistik yang dicadangkan, Kerajaan Negeri Selangor hendaklah menyelesaikan apa-apa isu pengambilalihan syarikat konsesi air melalui transaksi komersial *willing buyer willing seller* dengan izin.

Kerajaan Negeri Selangor berpendirian bahawa konsep transaksi komersial *willing buyer willing seller* adalah bertentangan dengan hasrat dan semangat penggubalan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 (Akta 655). Penggubalan Akta 655 berdasarkan kepada intipati bahawa perkhidmatan air adalah perkhidmatan asas kepada rakyat yang hendaklah diuruskan oleh agensi kerajaan bukan di tangan swasta yang boleh menggunakannya sebagai senjata untuk memeras ugut sebuah kerajaan dan menindas rakyat dalam hal kenaikan tarif serta memberi perkhidmatan sewenangnyanya apatah lagi keperluan kepada air tidak ada gantinya. Lebih malang lagi apabila perkhidmatan ini dimonopoli oleh satu syarikat.

Akta 655 tidak mensyaratkan secara mutlak akan rundingan-rundingan di antara Kerajaan Pusat, Kerajaan Negeri dan syarikat-syarikat konsesi agar diadakan berasaskan “bersetuju membeli, bersetuju menjual”.

Dalam pengambilalihan Syarikat KONSESI Air, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menekankan bahawa sebahagian besar aset yang digunakan oleh Syarikat KONSESI Air telah dibina semenjak zaman Jabatan Bekalan Air Selangor dan Perbadanan Urus Air Selangor (PUAS) melalui cukai yang dikutip dari rakyat di Selangor, Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Maka sewajarnya kepentingan rakyat Selangor serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya dibela dan bukannya mengutamakan Syarikat KONSESI Air melalui konsep *willing buyer willing seller* dalam menetapkan tawaran pengambilalihan tersebut.

Penetapan nilai tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor kepada Syarikat KONSESI Air adalah berdasarkan kepada analisa yang telah dibuat ke atas *Audited Account* dengan izin setiap Syarikat KONSESI Air. Nilai yang ditawarkan itu telah mengambil kira faktor-faktor berikut :

- i) Aset Air akan diambil oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB)
- ii) Ekuiti Pemegang saham termasuk semua bentuk pelaburan dan sumbangan oleh para pemegang saham seperti biasa atau saham

keutamaan, pendahuluan dan di mana alat berkenaan, ekuiti hutang juga diambil kira.

- iii) Pulangan atas Ekuiti Pemegang Saham dikira pada 12% setahun sehingga 31 Disember 2012 dengan tidak pengkompaunan dengan potongan bagi mana-mana pembayaran dividen sahaja.
- iv) Liabiliti yang akan diambil alih oleh PAAB termasuk semua hutang tertunggak yang berkaitan dengan air yang terhutang oleh Pemegang Saham yang termasuk :
 - a) Bon yang diperoleh oleh Acqua SPV Berhad (Acqua SPV) atau berada di dalam pasaran modal;
 - b) Pinjaman komersial, jika berkenaan; dan
 - c) Pinjaman kerajaan, jika berkenaan.

Kerajaan Negeri Selangor adalah tidak berupaya untuk menawarkan nilai pengambilalihan berdasarkan kepada tuntutan Syarikat Konsesi Air menggunakan konsep *willing buyer willing seller*. Kerajaan Negeri Selangor amat menitik beratkan mengenai nilai yang akan dibayar kepada Syarikat Konsesi Air kerana apa jua bayaran yang akan dibayar kelak adalah merupakan duit pembayar cukai iaitu duit rakyat.

Sebarang peningkatan dalam nilai yang akan dibayar kepada Syarikat Konsesi Air akan memberikan kesan yang banyak kepada Industri Perkhidmatan Air Negeri Selangor seperti kadar sewa pajakan dengan PAAB yang tinggi yang akhirnya akan memberi kesan kepada kos operasi yang akhirnya akan ditanggung oleh pengguna dalam bentuk tarif yang tinggi. Keadaan ini adalah bertentangan dengan hasrat kerajaan negeri dalam mencapai Agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor.

Justeru itu untuk menyelesaikan masalah berhubung nilai yang dituntut oleh Syarikat Konsesi Air melalui konsep *willing buyer willing seller*, Kerajaan Negeri Selangor telah meletakkan syarat di dalam tawaran pengambilalihan Syarikat Konsesi Air iaitu sekiranya Syarikat Konsesi Air tidak berpuas hati dan merasakan tawaran yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor itu rendah dan tidak munasabah, maka sebarang Syarikat Konsesi Air itu bolehlah merujuk isu pertikaian ke atas nilai tawaran tersebut kepada Tribunal Timbang Tara yang berpusat di London. Badan Timbang Tara tersebut hendaklah tidak memutuskan harga yang lebih rendah dari harga tawaran yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor.

Rujukan kepada Tribunal Timbang Tara tersebut adalah satu langkah yang adil dan saksama dalam menyelesaikan sebarang pertikaian dan ke atas nilai tawaran Kerajaan Negeri Selangor. Tuan Speaker dalam membuat penilaian ke atas setiap pemegang konsesi air Kerajaan Negeri Selangor amat menitikberatkan harga berpatutan yang tidak membebankan pengguna disamping tidak merugikan syarikat konsesi air,

penilaian terhadap harga yang ditawarkan kepada pemegang konsesi air adalah berdasarkan analisa yang telah dibuat oleh Kerajaan Negeri ke atas *Audited Account* setiap syarikat konsesi air, dengan mengambil kira faktor-faktor berikut:- (1) Aset air akan diambil alih oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAB) serentak dengan pengambilalihan ekuiti oleh KDEB (2) Ekuiti pemegang saham termasuk semua bentuk pelaburan dan sumbangan para pemegang saham seperti biasa atau saham keutamaan pendahuluan dan di mana alat berkenaan ekuiti hutang perlu diambil kira (3) pulangan atas ekuiti pemegang saham dikira pada 12 peratus setahun sehingga 31 Disember 2012 dengan tidak ada pengkompaunan dengan potongan bagi mana-mana pembayaran dia punya sejarah (4) liabiliti yang akan diambil oleh PAB termasuk semua hutang tertunggak yang berkaitan dengan air yang terhutang oleh pemegang saham yang termasuk Bon yang diperoleh Aqua SPB Berhad atau Brother di pasaran modal (b) pinjaman komersil dan (c) pinjaman Kerajaan. Kerajaan Negeri Selangor telah mengemukakan tawaran bagi mengambil alih syarikat konsesi air sebanyak empat kali di mana ringkasan tawaran yang telah dikemukakan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah seperti berikut:- Tawaran (1) 13 Februari 2009 kepada ABBAS 252 kepada SPLASH 2064 pada puncak 1608 pada SYABAS 1512 jumlahnya RM5,709000.00 juta. Tawaran(2) pada 25 Jun 2009 kepada ABBAS RM946 juta pada SPLASH RM2975 juta pada PUNCAK RM1936 juta kepada SYABAS RM3361 juta jumlahnya RM9218 juta. Tawaran (3) pada 6 Januari 2011 kepada ABBAS RM402 juta, kepada SPLASH RM2772 juta kepada PUNCAK 2040juta kepada SYABAS RM4013 juta jumlahnya RM9227 juta, tawaran (4) pada 20 Februari 2013 kepada ABBAS RM992.2 juta kepada SPLASH RM1834.6 juta kepada PUNCAK RM2477 juta kepada SYABAS RM4347.8 juta jumlahnya RM9651.6 juta harga yang ditawarkan untuk pengambilalihan syarikat konsesi air ini adalah anggaran sahaja harga sebenar ditentukan selepas proses ketekunan wajar atau dengan izin *due diligent* disempurnakan sekiranya wujud perbezaan atau ketidaktepatan ke atas nilai yang dianggarkan selepas proses *due diligent* disempurnakan maka nilai sebenar yang akan dibayar kepada pemegang konsesi akan diselaraskan sebagaimana patut. Tuan Speaker bagi tujuan pembiaya pengambilalihan syarikat konsesi air Kerajaan Negeri Selangor akan menyerahkan aset-aset air milik Kerajaan Negeri Selangor yang digunakan oleh syarikat konsesi air kepada Pengurusan Air Berhad (PAB) bayaran yang diterima daripada PAB akan digunakan untuk membayar kos pengambilalihan syarikat konsesi air dengan kaedah ini syarikat SPB yang terbentuk selepas pengambilalihan syarikat konsesi air tidak dibeban dengan kos pembangunan atau kerana semua kos ini akan diambil alih oleh PAB, Syarikat SPB akan membayar pajakan kepada PAB atas aset-aset yang digunakan, Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan lebih dari jam 11.30 pagi, Dengan ini, saya menanggungkan sesi pertanyaan untuk urusan seterusnya.

III. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya, sambungan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014/2013 semua peringkat

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sekarang saya kemukakan Rang Undang-Undang ini untuk dibahaskan. Ya Ketua Pembangkang Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Puan Speaker, *Assalamualaikum*, Salam Perpaduan dan Salam 1Malaysia, kita tak mahu ke jadi 1Malaysia, kita tak mahu ke perpaduan, Y.A.B. Dato' Menteri Besar pun nak perpaduan. Terima kasih kerana Sungai Burong diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan 2014 yang baru sahaja dibentangkan oleh YAB Menteri Besar Selangor dalam perbahasan bajet 2014 di dewan yang mulia ini kami Ahli-ahli Dewan Barisan Nasional akan membuat penilaian secara terperinci berhubung dengan bajet 2014 dan juga pelaksanaan bajet sebelumnya terutamanya mengenai janji-janji yang telah dibuat oleh Kerajaan Pakatan Rakyat yang masih belum ditunaikan walaupun Pakatan Rakyat telah diberi mandat dua pertiga majoriti negeri pada PRU 13 yang lalu keputusan tersebut tidak membebaskan sama sekali Kerajaan Negeri Selangor sekarang daripada teguran-teguran dan pelaksanaan janji-janji yang telah diberikan dijanjikan dalam PRU 12 dan PRU 13.

Puan Speaker, dalam bajet 2014 YAB Menteri Besar telah membentangkan bajet berimbang berjumlah RM1.85 bilion dengan perbelanjaan bernilai RM1.85 bilion Y.A.B. Menteri Besar juga memaklumkan bahawa terdapat tambahan penggunaan rizab Negeri yang telah mencapai jumlah tertinggi iaitu 2712.8juta untuk digunakan bagi tujuan pembangunan berjumlah RM430 juta. Y.A.B. Menteri Besar juga telah membentangkan untuk menggunakan sebahagian bajet tersebut bagi tujuan-tujuan pembangunan Y.A.B. Menteri Besar juga telah memberi jaminan untuk memastikan bahawa perbelanjaan pembangunan tidak melebihi daripada 30 peratus keseluruhan perbelanjaan berkenaan. Kalau kita perhatikan di peringkat awal dibentangkan perbelanjaan berjumlah RM1.85 bilion yang mengandungi perbelanjaan pembangunan sebanyak RM624,9797 juta iaitu 33 peratus daripada jumlah perbelanjaan keseluruhan tetapi dengan menambah perbelanjaan tambahan sebanyak RM437,30,00 juta ia menjadikan jumlah perbelanjaan pembangunan sekarang ialah RM154,999,790 juta iaitu 46 peratus jadi jumlah ini telah melebihi daripada jaminan yang telah diberikan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Sungai Burong

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bahawa perbelanjaan pembangunan adalah tidak melebihi 30 peratus

TUAN SPEAKER: Seri Muda nak, bertanya

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya baru menyatakan angka dah nak bertanya

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Saya nak memperbetulkan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya belum, belum

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Saya nak memperbetulkan, soalan saya tadi saya nak memperbetulkan bukan RM430,000.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tunggu, tunggu ni giliran Sungai Burong berucap kalau dia tak bagi peluang maka tak boleh ni

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Setuju Tuan Speaker, tapi angka tu 430juta bukan 430,000.00juta itu salah

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok betul dia, RM430 juta campur tu tadi jumlahnya sebanyak 154 kalau tidak memang sebutan itu tak sama dengan angka yang saya jumlahkan tadi.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN HAJI SHAFIEI: Mengaku jer la tadi

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, kebetulan itu saya mengucapkan terima kasih, ini bermakna saya nak membangkitkan di sini yang pertama ada percanggahan dari segi angka-angka yang telah cuba dibentangkan oleh bajet sempurna Y.A.B. Dato' Menteri Besar dia kata dia nak bagi jaminan supaya bajet pembangunan ini tidak melebihi 33 peratus bagi bajet 2014 tetapi selepas membentangkan bajet didapati bajet pembangunan ini telah melebihi daripada jaminan yang ingin dinyatakan ini adalah angka ini bukan tujuan pembangunan ini untuk apa tetapi ternyata dalam membuat pernyataan itu kita kena berhati-hati dan meneliti YAB Menteri Besar telah menyatakan penyediaan bajet mesti dirancang dengan teliti atau adakah kemungkinan-kemungkinan bahawa bajet ini telah dipinda diubah di saat-saat akhir bagi memberikan gambaran-gambaran bajet yang diperlukan yang baru ini teguran saya, saya minta Y.A.B. Dato' Menteri Besar memberikan penjelasan, saya juga Y.A.B. Dato' Menteri Besar juga menyatakan bahawa pembentangan bajet ini adalah merupakan bajet berimbang saya amat bimbang mengenai bajet berimbang yang telah dibentangkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar samada ia dapat pertahankan saya ingat niat atau nawaitu mula-mula adalah untuk membentangkan bajet berjumlah RM1.8 bilion tetapi belum pun sampai bajet ini diluluskan tengok sudah ada perubahan daripada 1.8 kepada tambahan RM430,000.00 juta walaupun dia diambil daripada rizab secara orang kata *mathematically* bahawa tidak ada orang kata berimbang yang dinyatakan kalau dia kata berimbang 1.8, kalau dia kata berimbang RM2.28 bilion kena RM2.28 bilion daripada mulanya sepatutnya dihuraikan seperti dibincangkan. Jadi samada persiapan bajet ini dibuat secara teliti.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ingin bertanya, terima kasih Sungai Burong, apakah yang difahamkan oleh Sungai Burong tentang perkataan berimbang adakah dia bermaksud kalau Kerajaan Negeri dapat 1.8billion dan Kerajaan Negeri melalui belanjawan ini juga akan membelanjakan RM1.8 bilion bukankah itu berimbang? Apakah pemahaman Sungai Burong terhadap berimbang. Apakah pemahaman Sungai Burong terhadap ini?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, terima kasih. Sebenarnya tak ada masalah sebab kalau dibentangkan RM1.8 bilion, belanja RM1.8 bilion daripada awal, ini menunjukkan berimbanglah. Sepatutnya dibentangkan RM2.2 bilion. Bajet yang diambil daripada hasil dan rizab. Kemudian dibelanjakan sebanyak RM2.28 bilion. Ini saya jadi *suspicious* lah dari segi itu. Jadi ini menunjukkan.....

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ada sedikit penjelasan.

TUAN SPEAKER: Peraturan Tetap ya, Yang Berhormat Sungai Burong. Yang Berhormat Sungai Pinang nak sebut Peraturan Tetap.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, ok.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap 36(6), Tuan Speaker. Saya berpandangan bahawa Sungai Burong ada buat sangkaan jahat kerana pertamanya beliau menyebut bahawa Dato' Menteri Besar menyebut jumlah untuk pembangunan tidak melebihi 30%. Tapi sebenarnya kalau kita ada membaca anggaran perbelanjaan, sebenarnya pembangunan 33.78% dan dalam ucapan Y.A.B. Dato' Menteri telah pun diedarkan, jelas bahawa yang disebut pembangunan adalah lebih daripada 33%. Saya dah semak, Dato' Menteri Besar tidak pernah bercakap bahawa dia tidak melebihi 30%. Itu sangkaan jahat.

Keduanya, ha.... belum lagi, keduanya. Kita kena baca.... belum lagi. Ada alasan sangkaan jahat. Ada dua (2) alasan. Duduk dulu, belum habis. Duduk dulu, belum habis lagi.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, Sungai Burong.. Ini giliran Sungai Pinang, Peraturan Tetap.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sabar, saya akan dengar saudara untuk satu (1) jam. Jadi, sangkaan jahat kita betulkan dahulu. Ini sangkaan jahat sebab dia tak baca angka. Dia tak cakap mengikut *facts and figures*. Itu satu sangkaan jahat tu. Yang keduanya, bajet yang semalam, saya baca juga ucapan bajet daripada Dato' Menteri Besar yang lebihan RM430 juta daripada rizab itu..... itu adalah perbelanjaan di luar bajet. Yang bajet ini jelas dari sini. Bajet teguh bergantung pada berapa hasil yang dianggarkan akan kita terima pada tahun depan dan dari situ berapa yang kita akan belanja. Itu bajet. Tapi ini kita pakai simpanan kita. Itu dari segi perakaunan bukan sebahagian daripada bajet. Jadi saya kira mungkin Tuan Speaker, Dewan ini perlu mengadakan satu kursus hantar pembangkang berkursus. Kalau tidak dia tidak faham bajet dan di luar bajet.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak apa Tuan Speaker, kalau nak hantar kursus pun boleh. Apa salahnya, saya tak ada masalah. Tapi kenyataan tentang 30% bajet ini memang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya tetap dengan pendirian seperti itu dan saya pernah membuat

TUAN SPEAKER: Baik, kalau rujuk Yang Berhormat Sungai Burong, saya pun ingat boleh rujuk kepada teks ucapan beliau, jelas. Mungkin semalam kurang dengar ucapan Menteri Besar tapi dia sebut bahawa dia mahu lebih daripada 30%. Itu disebut, ada dalam teks ucapan itu. Minta diperbetulkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya teruskan ya. Nanti saya akan semak benda itu ya. Saya pun akan teruskan bajet ini sebab ada beberapa perkara yang saya ingin teruskan. Kemudian, saya sebenarnya bimbang bajet ini tidak berimbang kerana pengalaman. Dalam masa-masa yang lepas pun kita lihat bajet ini pada awal-awal tahun dinyatakan sebagai berimbang tetapi apabila sampai kepada proses dalam tahun berkenaan, bajet ini telah menjadi bajet ada peruntukan-peruntukan tambahan yang dipohon oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Tuan Speaker. 36(6) lagi. Ini alasan yang baru. Rujuk 36(6). Semalam juga Dato' Menteri Besar dalam ucapannya ada menyebut, "Ya, ini adalah cara kita membuat bajet dan selepas 6 bulan kita akan kaji semula melihat kepada hasil sebenar yang akan kita pungut dan daripada itu bila kita ada hasil yang berlebihan, maka kita akan membuat bajet baru untuk membelanja untuk yang lebih yang kita terima. Jadi itu juga saya rasa sangkaan jahat. Saya kira Sungai Burong tak baca teks ini, dia tak faham apa yang dicakapkan oleh Dato' Menteri Besar.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya baca dan saya faham tapi hakikatnya dalam pelaksanaan bajet ini kita kena merancang. Dalam pembentangan bajet, dalam perbincangan yang lepas pun Yang Amat Berhormat Menteri Besar telah menjelaskan dan saya telah membangkitkan kalau misalnya kita..... ini proses bajet ini misalnya kalau kita telah membentangkan bajet yang berkenaan, bajet itu hendaklah dipatuhi kerana pada masa yang sama, sebelum kita memohon peruntukan-peruntukan tambahan, kita juga kena memastikan bahawa perbelanjaan itu dikawal dan dilaksanakan. Saya nak menarik perhatian.....

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, Yang Berhormat, saya nak betulkan ini. Saya nak betulkan ini.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pinang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya nak menarik perhatian ini ya, kerana pengalaman kita dalam pembentangan bajet 2009, 2010 dan 2011 termasuk 2012 dan 2013. Semua menyatakan bajet berimbang. Dalam masa bajet disebut bajet berimbang. Dalam

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Pinang, ya Sungai Burong tak bagi laluan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Ya, saya tunggu sampai bagi laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dalam pembentangan bajet 2009, kita dapati Kerajaan Negeri meluluskan tambahan sebanyak RM120 juta bernama kenaikan 86% daripada RM1.4 bilion kepada RM1.52 bilion. Ini

TUAN SPEAKER: Bagi laluan ke tak, Sungai Burong? Sungai Burong bagi laluan ke kepada Sungai Pinang?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang nak dibentangkan ni bajet berimbang dan bajet yang apabila dilaksanakan terdapat peruntukan-peruntukan tambahan yang menjadikan sebenarnya bajet itu tidak berimbang.

TUAN SPEAKER: Ya atau tidak? Nak tahu, kalau itu saya bagi Sungai Burong teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada, saya nak habiskan. Saya nak habiskan ya. Bajet.....

TUAN SPEAKER: Sungai Pinang, sila duduk. Dia nak teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tambahan sebanyak..... 2010, tambahan sebanyak RM194 juta, terdapat kenaikan RM14.9% daripada RM1.3 bilion kepada RM1.94 bilion. Bajet 2011, 3 kali tambahan peruntukan berjumlah RM1,190.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti saya habiskan ini, ya?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Nanti bagi ya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti saya bagi lepas ini. Saya nak habiskan bajet ini sikit ya.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Jangan mungkir janji.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nak terangkan daripada 2009 hinggalah 2013. Baru kita nampak bahawa apa dimaksudkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Saya tidak menyatakan fitnah, saya ingin mengeluarkan apa yang fakta-fakta daripada tempoh tersebut sehingga sekarang menunjukkan bahawa bajet berimbang itu sudah tidak menjadi bajet berimbang. Kalau tidak setuju boleh berhujah lepas ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, saya minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku, minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak habis lagi..... jangan bimbang, sekejap. Saya tak habis lagi, sampai 2013.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya nak minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong tak bagi laluan, Kampung Tungku. Duduk, duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Duduk dulu. Jangan degil, duduk dulu. Ikut peraturan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Yalah, janji bagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bukan tak berani, lepas ni. Saya nak habiskan ayat sebab ayat tak habis lagi ya. Lepas ini saya nak jemput dia.

TUAN SPEAKER: Bertenang Sungai Burong ya, Speaker adil ya. Ok.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, Tuan Speaker yang baru tetapi telah mengikut peraturan dengan baik. Demi keadilan antara kita Ahli-ahli Dewan berhujah pada hari ini. Bajet 2011, 3 kali tambahan berjumlah RM199,980,700 juta. Kenaikan sebanyak 13.98% daripada RM1.43 bilion kepada RM1.6 bilion. Bajet 2012, 2 kali tambahan berjumlah RM167,124,939 juta. Kenaikan sebanyak 10.4% daripada jumlah RM1.6 bilion kepada RM1.767 bilion. Bajet 2013, Mesyuarat Kedua Penggal Pertama Dewan Negeri ketiga belas pada Julai yang lalu telah meluluskan Perbekalan Tambahan lagi sebanyak RM761.44 juta iaitu pertambahan sebanyak RM46.7% daripada jumlah bajet 2013 sebanyak RM1.63 bilion menjadikan jumlah belanjawan 2013, RM2,391,440,000 merupakan tambahan-tambahan yang telah diluluskan. Apa yang ingin saya nyatakan ya, pada prinsipnya bajet berimbang ini menunjukkan bahawa kita belum pastikan apa yang kita rancang pada awal tahun hendaklah mengambil kira perbelanjaan-perbelanjaan dan apa yang menyedihkan sekali..... Sekinchan tunggu kejam, saya nak bagi Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ok, boleh?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti kejam, ayat saya tak habis lagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ada lagi? Kata bagi.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Belum lagi..... sebab saya nampak Sekinchan bangun. Jadi, janganlah bangun berdiri, karang letih. Jadi suruh duduk dulu, nanti kita bagi giliran.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bagi Sungai Pinang dulu sebab Sungai Pinang tidak diberi peluang tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sungai Pinang dah cakap dah tadi, banyakkah?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Itu Peraturan Tetap. Sekarang saya nak minta laluan untuk ini. Kalau nak kata angka.....

TUAN SPEAKER: Tak apa Yang Berhormat, kita bagi peluang kepada penyokong Kerajaan dulu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kampung Tunku ya. Jadi ini menunjukkan.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Boleh, boleh? Sebut pula nama saya tapi tak bagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Apa yang mengecewakan, macam 2013. Sudahlah minta peruntukan tambahan ya. Tetapi dari segi perbelanjaan kita dapati tidak dapat dibelanjakan sepenuhnya. Saya semalam baca kenyataan akhbar daripada Bukit Antarabangsa, dia kata perbelanjaan daripada JPS tidak dibelanjakan sepenuhnya. Tetapi kita lihat Kerajaan Negeri memohon dalam tahun 2013 perbelanjaan tambahan. Ini menunjukkan perancangan apa? Saya hanya berpendapat kerana ini duit perlu dilaksanakan secara terkawal. Tidak membelanjakan wang, kita akan menyekat *opportunity laws* kepada memaksimumkan, manfaat kepada kumpulan sasaran kita di mana motif dan matlamat belanjawan itu dilaksanakan. Ok, saya berhenti dulu. Saya nak bagi Kampung Tunku. Silakan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Sungai Burong. Sebenarnya perkara ini telah pun diperjelaskan dalam sidang-sidang Dewan yang lepas. Setiap kali Kerajaan membentangkan Enakmen Perbekalan Tambahan, Kerajaan Negeri hanya akan melakukan sekiranya ada peruntukan tambahan.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Faham, faham. Kalau itu soalnya.....

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya belum habis lagi, macam mana Yang Berhormat boleh faham? Ialah, saya belum habis lagi, jadi Yang Berhormat, sabar, sabar.

TUAN SPEAKER: Terus, terus kepada pertanyaan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terus kepada soalan, apa dia soalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Iaitu soalan saya ialah perkara ini telah pun diperjelaskan, kalau ada peruntukan tambahan, ada pendapatan tambahan baru boleh dibelanjakan. Maksudnya, ia masih berimbang walau pun ada Enakmen Perbekalan Tambahan. Jadi saya berasa amat terperanjat kepada Yang Berhormat Ketua Pembangkang tidak dapat memahami keadaan ini. Tambah lagi semalam.....

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Faham, faham. Dah cukuplah, kalau itu maksudnya, faham. Saya.....

TUAN SPEAKER: Sebelum saya berikan kepada Sungai Burong, saya nak minta semua yang bertanya, semua kena tanya kebenaran Yang Berhormat Speaker dahulu. Bukan terus kepada yang hendak ditanya. Ikut Peraturan Tetap. Ok, teruskan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingat saya nak cadangkan jugalah, semasa dipanggil kursus nanti, panggil juga Kampung Tunku supaya dia tahu apa itu belanjawan. Saya ni, saya ni mengingatkan sebagai Ketua Pembangkang yang ingin mengkritik, membuat teguran di mana benda itu kita rasakan tidak betul. Bajet ini adalah perancangan, *budgetting* bukan dah duit itu..... ini. Membuat unjuran hasil pada tahun berkenaan, kemudian kita membuat perancangan perbelanjaan pada tahun berkenaan. Kalau perancangan kita perancangan yang cemerlang, profesional, sistematik, sepatutnya kita ada *perfection*. Ini yang kita nak kata sebab kita nak menjulang negeri Selangor ini menjadi negeri cemerlang dan kita diberi penghormatan sebagai Ketua Pembangkang untuk memastikan apa yang dilakukan kalau boleh, saya cuma nak mengingatkan dalam bajet 2014 nanti kita tak nak lihat pertengahan tahun sudahlah diberi peruntukan banyak RM2.2 bilion sahaja, nanti minta tambahan pula. Jadi saya nak ingatkan awal-awal lagi. Ha, itulah sebabnya saya nak ingatkan bajet itu mesti bajet berimbang.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, ni Sekinchan dah minta *queue* dah dari tadi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Ketua Pembangkang. Terima kasihlah kerana beri laluan kepada Sekinchan. Saya nampak sejak daripada tadi Ketua Pembangkang asyik berputar dengan angka dengan berimbang, tak berimbang dan sebagainya. Saya nampak ada satu perkara yang cukup penting Tuan Speaker, satu perkara yang cukup penting, di mana Ketua Pembangkang kita sejak 5 tahun yang lalu dia belum membiasakan budaya Pakatan Rakyat. Yang Amat Berhormat Tan Sri setiap kali menekan dalam ucapan bajet semalam pun dia menekan sekali lagi. Dalam usaha kita memperkenalkan amalan, menyemak belanjawan negeri setiap 6 bulan. Setiap 6 bulan Kerajaan Negeri sebenarnya telah memulakan konsep semakan berkala ini apabila Perbendaharaan Negeri digesa membuat imbalan pada Penyata Kewangan pada setiap hujung bulan. Dengan cara ini kita dapat memantau keseimbangan di antara perbelanjaan dan pendapatan negeri agar kita tidak berbelanja di luar kemampuan sehingga mengakibatkan defisit macam di peringkat Persekutuan. Jadi kita amalkan 6 bulan, 6 bulan kita semak. Kalau ada lebih duit kita bagi bajet tambahan. Ini jaga budaya Pakatan Rakyat negeri Selangor sejak 5 tahun yang lalu tetapi Ketua Pembangkang dah duduk 5 tahun, tak faham-faham dengan budaya Pakatan Rakyat. Jadi kita kena budayakan dia dulu. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, sebelum saya ni, pertanyaan tu saya nak jelaskan. Muka surat berapa tadi yang dia *quote* tu? Muka surat berapa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: 17.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: 17 ya. Ok. 17. Saya sebenarnya tertariklah dengan saranan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya kita membuat, apa dipanggil, semakan penilaian dengan izin, *half yearly, quarterly, monthly*..kalau ini, ini sebenarnya dari segi teori ya, teorinya. Kalau dari segi pelaksanaan, kalau ia dibawa betul, takkanlah sampai Bukit Antarabangsa ada memorandum yang dihantar kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar, supaya peruntukan-peruntukan ini dikaji. Ini yang saya,

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kalau ini lah pembudayaan

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan. Sg Burong, Sekinchan ingin bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak ada bercakap Tuan Speaker, ayat saya pun tak habis. Saya dah bagi tadi Sekinchan, cukup banyak. Daripada awal, itu maknanya daripada Sekinchan tu sampailah ke Shah Alam. Bagi saya pula nak menjelaskan. Kan? Pertama, dia kata saya kena ikut budaya PKR. Saya rasa tak perlu ikut budaya PKR. Saya bukan, kita ni Ahli-ahli Dewan Negeri, bukan nak kena terikat dengan budaya tapi kalau dia kata budaya nilai-nilai kecemerlangan, budaya nilai-nilai baik, nilai-nilai *constructive criticism*, haa itu saya akan pergi kursus dia, seminar ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi saya menerangkan tadi, memang disarankan, pertanyaan..

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Speaker, minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Pertanyaan yang ditanyakan oleh Sekinchan memang disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Dan saya bersetuju 100 peratus supaya nanti kalau bajet 2014, pastikan betul-betul supaya nanti tidak berulang, insiden-insiden di mana ada agensi, jabatan-jabatan ini sampai terlanjur, nasi dah menjadi bubur.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Minta laluan.

TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong, Permatang dan Sekinchan nak bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Duit dalam kantung tetapi tidak boleh dibelanjakan dan kita kata kita tak buat semakan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan..minta laluan.

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan dan Permatang nak bertanya Sg. Burong. Yang mana?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, saya pilih kawan saya sebelah ni. Permatang saya kena bagi lah laluan kepada Permatang. Sekinchan dah dapat satu, cukuplah ya. Ok. Tak apa, nanti-nanti lah ya. Bagi orang lain

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Sekejap saja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bagi orang lain pula ya. Ini kawan pembangkang pula nak bercakap. Nak bertanya.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Terima kasih. Terima kasih Sg. Burong. Tuan Speaker, saya mohon mencelah. Apa ni, Sg. Burong. Setahu sayalah, di sepanjang sama ada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri, sebelum mereka membuat bajet, biasanya mereka akan ada buat *roadshow* ya, daripada kawasan-kawasan, minta pendapat daripada orang ramai, buat simposium, buat berbagai-bagai bentuk lah, dapatkan input supaya buat bajet. Jadi, saya dengar tadi Yang Berhormat Sg. Burong ada sebut mengenai memorandum. Jadi, saya nak tanyalah, memorandum itu sepatutnya tak timbul kalau dibuat bajet ini ambil kira pendapat-pendapat ADN-ADN, Pakatan Rakyat, daripada orang ramai. Jadi, saya nak tanya Yang Berhormat Sg. Burong sama ada memorandum itu berupa cadangan ataupun ugutan agaknya kepada pihak kerajaan dalam membuat bajet ini. Itu saya nak minta pendapatlah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Permatang ya. Nanti kalau saya buat persepsi, Sg. Pinang kata saya pula buat sangkaan jahat. Kan? (Ahli Dewan ketawa) Ha, itu yang saya tak mahu. Kita sebenarnya, nak berdebat, ya.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Itu bukan bersangka jahat, bukan sangkaan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ha, ia lah.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Betul, kadang-kadang Yang Berhormat

TIMBALAN SPEAKER: Sekejap, Sg. Pinang, Sg. Burong bagi laluan ke tak?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Dah cakap dah, bagi lah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya tak nak bagi lah. Saya tengah cakap ni. Dah

TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong tak bagi laluan. Sg. Pinang, Sg. Burong tak bagi laluan.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Sekejap, sekejap. Saya tak cakap panjang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ha, ok, ok. Sekejap saja. Saya sebenarnya nak bagi tau, saya belajar ni dengan sifu saya. Sifu saya bekas Ketua Pembangkang dulu (ketawa). Yang sekarang jadi EXCO Sg. Pinang. Dia kalau benda sikit tak betul, pensel ini tak tajam pun dia akan kritik, Dewan Undang Negeri. Jadi, saya baru kritik sikit yang *constructive*, jangan lah kata sangkaan jahat. Ini guru dengan anak murid. Nanti kita makan tengah hari, boleh lah cakap..(ketawa)

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Jadi, murid kena bagi guru satu can ni.. (Ahli Dewan ketawa). Ya, Tuan Speaker. Begini keadaannya. Sebenarnya saya dah buat perancangan untuk perbelanjaan tahun depan, untuk peribadi saya, bajet. Bajet, ya, sebab saya tahu berapa saya dapat, RM6,000 sebulan. Jadi, saya dah bajet tahun depan macam mana. Itu dah buat bajet dah. Isteri pun tahu, anak pun tahu, ibu bapa pun dah tau dah. Dah memang dah lulus. Keluarga saya dah lulus dah bajet saya berdasarkan gaji saya RM6,000 tu. Tapi, tiba-tiba semalam, Yang Amat Berhormat Tan Sri dah umumkan akan naik gaji. Sudah tentu, bila tahun depan, bila gaji naik, saya dapat hasil lebih, saya buat perbelanjaan dengan bajet baru. Ha, itu cara kita belanja, baru betul. Takkan tahun depan naik gaji, Yang Berhormat Sg. Burong tak belanja, simpan dalam bank, nak tunggu tahun 2015, takkan kita buat begitu. Sebab itu kita buat cara yang praktikal. Yang praktikal. Bila hasil bertambah kita belanja lebih. Sebab tu, dalam tahun-tahun yang sebelum ini, bacalah, bacalah penyata kewangan Kerajaan Negeri Selangor. Tahun 2012, anggaran kita, hasil kita RM1.6 bilion. Itu anggaran. Lepas tu,

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, peraturan ni.. ini nak tanya ke nak ambil perbincangan?

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Bererti kita belanja lebih..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, nak tanya ke nak perbincangan ni? Sebab kena menjawab. Kalau nak menjawab, nanti ada peluang untuk menggulung.

TIMBALAN SPEAKER: Ok, Yang Berhormat Sg. Pinang. Saya juga minta Ahli-ahli MMKN sebab semua ada peluang untuk menggulung. Kalau boleh gunakan peluang tersebut sebaiknya. Bagi peluang kepada penyokong kerajaan dan pembangkang untuk berbincang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABD. RAZAK: Boleh mencelah sikit Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Celah lagi ya.

TIMBALAN SPEAKER: Tak jawab lagi, macam mana nak mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Ha betul, saya tak jawab lagi macam mana. (ketawa)

TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong dah jawab ni.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia kalau banyak ni, kalau banyak *traffic light* ni kadang ya, kita nak jalan kejam ya, tahan-tahan. Jadi semangat nak bekerja keras ni. Fasal dengar elaun tu nak dinaikkan. Tapi ini saya dengar baru kajian. Saya harap, janganlah kaji-kaji (Ahli Dewan ketawa).

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tak, tak. Elaun Ketua Pembangkang dah ok dah. Dah lulus dah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi saya bukan cakap untuk saya, untuk semua ya, ADN-ADN ni (ketawa). Apa tadi, fasal apa, *participatory, participation, participatory*, dengan izin, dengan *English* ya. Saya memang setuju dan disarankan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar juga, ya, dalam bajet supaya, dia kata kita nak mengadakan bajet *participatory*, ni fasal kita orang Jawa ni, loghatnya lain sikit ya (ketawa). Penyertaan, Bajet Penyertaan, selaras dengan kesaksamaan dan pendemokrasian. Kalau kita ikut ini, memang seperti yang ditanyakan oleh apa, yang disoalkan oleh Permatang. Sebabnya, proses bajet ni, sebab perancangan. Perancangan ini menentukan kita kajian, fakta, maklum balas ya, baru kita dapat mengadakan perancangan yang tepat dan jitu. Kalau perancangan kita tidak mengambil kira-kira, ini yang kadang-kadang berlaku meleset, tergelincir, ha..yang menyebabkan menjadi orang kata, ungkitan-ungkitan ataupun kalau nak kata, kalau kata tadi adakah memorandum ini satu desakan. Mungkin itu desakan dan kalau itu desakan, kita boleh kata adakah bajet 2014 ini, satu bajet desakan? Bila kata ini, pembentangan bajet desakan 2014, pun boleh juga. Ini persepsi lah, nanti kalau persepsi saya saja, nanti kata sangkaan jahat. Saya cuma nak jawab apa yang apa ni, pertanyaan daripada Permatang, dan saya bersetuju. Saya sangat bersetuju dengan Yang Amat Berhormat Menteri Besar, kena ada penyertaan dalam bajet ini. Kena pergi dapatkan maklum balas-maklum balas supaya nanti bajet ini tak tertumpu kepada hanya perkara-perkara yang barangkali pendekatan *populist*. Kita kena serta, itu satu penggal cukuplah. Bila kita penggal kedua, Selangor telah menjadi sebuah negeri maju pada 2025, kita kena bergerak ke hadapan.

Kita berpaksi kepada bagaimana kita boleh memakmurkan sepenuhnya kemajuan dan ia tidak boleh dilakukan dengan hanya bajet kebajikan sahaja. Teori-teori ekonomi mengatakan bahawa bajet kebajikan ini hanya akan menambahkan liabiliti pada masa yang sama, kita mesti mencari kekayaan sumber bagi membolehkan kita mendapat cukup wang, mungkin daripada sistem percukaian dan bentuk-bentuk apa orang kata, hasil daripada bukan cukai yang kita boleh kemudian tu limpahkan balik oleh kerajaan. Seperti hari ini mengenalkan, yang telah diperkenalkan GST oleh Kerajaan Persekutuan, ya. GST ni, kita boleh lah berhujah ya tapi ini bukan forumnya, ini forum

pembentangan bajet Kerajaan Negeri Selangor ya, bukan pembentangan bajet Kerajaan Persekutuan. Kalau nak bincang, yang bajet Persekutuan, boleh pergi, kita, jadi lah Ahli Parlimen, ya. Ok, saya nak meneruskan tadi..Sekinchan nak tanya? Ha, Sekinchan pun dah terlupa sekejap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dia jemput, dia tak lupa Sekinchan. Terima kasih Ketua Pembangkang kita. Saya nampak. Tuan Speaker, saya nampak pagi ini, Ketua Pembangkang kita agak ceria sedikit, memandangkan ada dua, tiga berita baik lah. Baik, yang satunya, semalam Yang Amat Berhormat umum buat kajian lah ya. Yang keduanya, kita Selangor proaktif. Selangor peneraju Dewan Negeri Selangor Malaysia, di mana kita telah mengiktirafkan kedudukan Ketua Pembangkang dan kita bagi elaun tambahan. Ha, ini nampak, ada sedikit peningkatan ya nampak ada sedikit, walaupun dia berlegar-legar dengan angka, walau bagaimanapun, saya nak tanya kepada Yang Berhormat Sg. Burong, kalau pagi ini begitu prihatin dengan akaun-akaun, kenapa, kenapa Sg. Burong tak nak ambil jawatan PAC yang kita tawarkan? Pengerusi PAC, ini selaras dengan cakap serupa bikin, terima kasih. (Ahli Dewan ketawa).

TIMBALAN SPEAKER: Tak ada kena mengena dengan bajet lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Saya tak kena jawab ke? Sebenarnya saya dah jawab. Ada dalam teks *hansard*, boleh tengok, mengapa prinsip, dasar prinsip yang saya menolak sebagai PAC, ha kan. Itu saya tak perlu jawab lah, tak perlu jawab.

TIMBALAN SPEAKER: Sikit tak salah Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh, dasar prinsip saya ialah kalau nak bagi *empowerment*, kita mesti efisien dan efektif. Kalau saya sorang saja jadi Pengerusi, tetapi saya tidak ada majoriti, macam di sinilah, saya hanya *participatory*. Kalau *participatory*, saya hanya menyumbang kepada PAC. Saya pun malah, Ahli Jawatankuasa PAC dan kita telah, Kerajaan Negeri pula telah mengangkat Sekinchan menjadi Pengerusi. Ha, dan saya sokong Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Nanti kejap, ha ini kena minta kebenaran Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta laluan sekejap.

TIMBALAN SPEAKER: Sg. Burong nak bagi laluan ke tak? Ini masa Sg. Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Fasal ini dah orang kata, dah *sideline* dah ni

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, Sg. Burong tak bagi laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Walaupun tak relevan dengan akaun-akaun ini, tapi..

TIMBALAN SPEAKER: Faham, faham, tapi ini giliran Sg. Burong.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya, sikit lagilah, (bahasa Jawa)

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak ada, saya tak baginya. Saya jawab. Saya jawab..

TIMBALAN SPEAKER: Kalau nak pakai bahasa Jawa, dengan izin ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM:Ya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya jelaskan, tadi tanya pada saya mengapa menolak PAC, saya jawab, jawab tak habis lagi, dah nak bertanya soalan lagi. Hai, nanti tak habis saya hanya, nanti meng *accommodate* soalan-soalan dari sahabat saya Sekinchan ini. Saya lama-lama tak berbahas lah ya. Jadi, saya ingat cukuplah. Saya menyokong PAC, saya, jemput hadir mesyuarat saya datang mesyuarat. Saya bagi pandangan, saya bagi komen yang *constructive*. Jadi, saya memainkan *role* sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri yang dilantik sebagai ahli PAC, tidak menghalang sama ada saya ni dilantik sebagai Pengerusi PAC untuk memberi sumbangan kepada PAC negeri Selangor. Saya ingat jawapan itu jelaslah, tak usah diungkit lagi lah ya, nanti keluar lagi *hansard* pada masa akan datang ya. Itulah, saya sebenarnya nak menyatakan lagi sebenarnya bajet 2014 yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar ini sebenarnya tidaklah ada apa istimewanya sangat. Walaupun dia kata yang tertinggi, kutip hasil yang tertinggi. Saya puji. Dia seorang tokoh yang berjaya mengutip hasil negeri yang tertinggi. Tapi saya, saya nak kata, kalau bajet ni yang banyak pun, kalau kita lihat perbandingan, negeri-negeri lain yang telah membentangkan bajet ya, kita lihat mereka pun mempunyai bajet-bajet yang tinggi juga ya. Dan kadang-kadang bajet dia lebih, lebih, bukannya berimbang, *surplus*, *surplus budget*, saya nak bagi contoh ya, Johor, negeri Johor, kerajaan Barisan Nasional membentangkan bajet berlebihan sebanyak RM2.02 juta dengan perbelanjaan sebanyak RM1.6257 bilion dengan unjuran hasil sebanyak RM1,6459 bilion. Negeri Pahang, negeri yang kira kita negeri yang agak terkebelakanglah ya, juga membentangkan bajet yang berlebihan, bajet *surplus*, sebanyak RM2.19 juta dengan perbelanjaan sebanyak RM8.1 juta dan unjuran hasil sebanyak RM1.1 bilion. Negeri Sarawak, negeri Sarawak membentangkan bajet berlebihan, *surplus budget*, dengan izin, sebanyak RM258 juta dengan perbelanjaan RM4.27 bilion dan mengunjurkan hasil sebanyak RM4.534 bilion ya. Negeri Sabah belanjanya tinggi, RM4.7 bilion bajet dia. Jadi, kita perhatikan, ya angka-angka yang besar ini sebenarnya negeri-negeri lain pun kita boleh lihat ada bajet yang sama. Jadi itu bukanlah perkara yang sangat penting ya. Yang kita lihat, yang kita perlu perhatikan ialah sebenarnya bagaimana kita membelanjakan bajet ya. Sebenarnya kita ni jangan terpukau, kadang-kadang kita terpukau dengan keseronokan sehingga kita tidak dapat melihat kenyataan. Saya

bukan saya yang cakap, kita lihat teguran-teguran yang diberikan kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar.

Dewan ini adalah dewan untuk kita memberikan teguran. Kita mesti berani. Kalau benda yang tak betul, kita katakanlah tak betul. Kalau kita salah dia betulkan. Inilah orang kata demokrasi dalam dewan. Dalam inilah saya memang puji dari segi apa orang kata kutipan hasil ini tapi bukanlah maknanya kutipan hasil sahaja. Kalau kita perhatikan teguran-teguran ini bukanlah dibuat kalau kita kata pembangkang ini pembangkang apa yang kerajaan negeri tidak betul. Tapi kalau teguran itu dibuat oleh Penasihat Ekonomi Negeri Selangor yang menyatakan mengapa Yang Amat Berhormat Menteri Besar tidak memantau dan memberi nasihat. Kita pun berasa hairan kalau kita lihat kenyataan daripada Ahli Parlimen Permatang Pauh yang juga Ketua Pembangkang, hebat itu, Ketua Pembangkang Dewan Rakyat tentunya pandangan mereka kita tidak boleh lekeh. Menasihati Menteri Besar, mengapa terlalu menumpu kepada projek-projek, program-program yang orang kata tidak menekankan kepada memberikan pembangunan kesejahteraan rakyat. Tidak menumpukan kepada pembangunan. Ini dia, dia sanggup teruk jadi saya ingat inilah perkara yang kena kita perhatikan dan saya nak pergi kepada perkara itu. Sebenarnya kita hari ini terlalu fokus kepada populariti. Bila populariti kita membentangkan bajet-bajet yang sebenarnya untuk mendapatkan popular rakyat. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Program Merakyatkan Ekonomi Selangor ini sebahagian daripada yang menyumbang kepada kemenangan di dalam PRU yang ke-13 lalu. Ini mungkin betul. Tetapi kita hendak melihat apakah sekadar itu kita dapat memberikan masa depan ke hadapan kepada Negeri Selangor. Kita...

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Tuan Speaker minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer minta mencelah.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Sungai Burong ada menyebut tadi berkenaan dengan teguran daripada Penasihat Ekonomi Ahli Parlimen Permatang Pauh. Saya hendak tanya apa respons MB. Apa respons MB dan bagaimana sikap kepimpinan Pakatan Rakyat apabila teguran-teguran demikian.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ialah itu kalau dia hendak terima teguran, tak nak terima teguran kita tak tahu, orang kata dalam hati itu mana kita tahukan tapi yang nyata...

TIMBALAN SPEAKER: Baik-baik Sungai Burong sangkaan jahat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Itu sebab saya tak berani tadi sebab rambut boleh jadi sama hitam, macam saya dengan Meru ini rambutnya dah beruban, kalau Sekinchan masih top, masih hitam.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Taman Templer minta mencelah lagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Oklah kalau itu katanya, responsnya ya saya nak nyata sebelum respons itu teguran itu menunjukkan bahawa kita ini sebagai pemimpin tadbir tak lepas daripada melakukan kesilapan dan sebenarnya

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: .. dalam bajet ini saya akan juga menghargai terdapat persediaan yang besar untuk membuat anjakan paradigma daripada tumpuan kepada projek-projek Merakyatkan Selangor sahaja yang merupakan projek populariti ataupun orang kata *goodies* ini kebajikan ini kita *safe* dengan izin ya kepada projek-projek pembangunan yang sekarang ini diunjurkan dibentangkan dalam bajet ini sebanyak 1 bilion.

TIMBALAN SPEKER: Yang Berhormat, Kota Anggerik pula hendak bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya lah, boleh.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya tertarik dengan projek *goodies*, bukankah BRIM itu *goodies* Persekutuan yang juga populis hendak menang pilihan raya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya setuju, saya tak kata projek Merakyatkan Negeri Selangor itu diberhentikan. Itu berbeza. Begitu juga projek-projek kebajikan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan seperti Kerajaan contohnya BRIM tadilah tetapi yang saya nyatakan ialah tumpuan pada masa yang lepas oleh Kerajaan Negeri Selangor ini Negeri Pakatan Rakyat ialah hanya kepada itu sehingga ditegur oleh Penasihat Ekonomi Selangor, itu yang saya *quote* saja, ini kenyataan dan hari ini dalam pembentangan bajet ada perubahan yang diharapkan. Dan saya sebenarnya ingin mengucapkan syabas atas inisiatif BBC yang menghantar memorandum untuk apa orang kata mendapatkan bajet-bajet tambahan dan juga melihat beberapa kelemahan-kelemahan dalam bajet yang lepas supaya ditambah baik lagi.

TIMBALAN SPEAKER: Luar biasa ya, Ketua Pembangkang puji BBC, puji Penasihat Ekonomi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak, kita terbuka dan Menteri Besar kata itu terbuka. Mana yang baik kita sokong mana yang tak baik kita jadikan iktibar, jadikan pengajaran supaya kita bertambah baik. Islam menuntut kita supaya.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mohon mencelah, mohon mencelah Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bertambah baik daripada hari ini kalau boleh kita baik hari ini lebih daripada hari semalam dan kemudian kita cuba adakan iltizam untuk menjadikan esok lebih baik daripada hari ini.

TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer ingin mencelah Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bertanya ke mencelah?

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mencelah saya tak bagi.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bertanya ok.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Terima kasih kerana Sungai Burong memberikan penghormatanlah, pujian dan sebagainya. Cuma soalan saya cuba bandingkan dengan teguran-teguran yang dibuat oleh Ahli Parlimen misalnya dari Pakatan Rakyat dari peringkat Parlimen respons daripada pemimpin Barisan Nasional adakah sama juga macam Menteri Besar kita bersedia untuk ditegur dan sebagainya, jadi itu mungkin pertanyaan saya macam mana.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mungkin ini andaian-andaian, kalau saya jadi Ahli Parlimen kat sana bolehlah, saya tahu kan. Saya tak duduk kat sana apa yang berlaku kat sana pun tak tahu. Kalau saya bercakap saya kata sangkaan jahat pula jadi ini tak perlu jawablah kan sebab ini andaian-andaian. Saya tadi hendak menyokong, apa pun persepsi terhadap pada memorandum ini sama ada positif atau negatif kita memerlukan penjelasan-penjelasan daripada Yang Amat Berhormat Menteri Besar terhadap memorandum yang dikemukakan dengan niat baik supaya apa yang dibangkitkan ini dijelaskan kemudian diambil kira kalau ada kelemahan diperbaiki. Di antaranya banyaklah memorandum ini, tapi antaranya ialah permohonan tambahan perbelanjaan pembangunan daripada 600 juta kepada 800 juta, itu yang pertama. Yang kedua mengapa hanya 40% daripada peruntukan MARRIS sebanyak RM400 juta disalurkan kepada 12 PBT di mana perlaksanaannya disalurkan melalui setiap DUN 5 juta, mengapa ia tidak disalurkan terus kepada agensi-agensi kerajaan. Kita ada agensi kerajaan yang ada skop tugas untuk melaksanakannya seperti JKR memastikan ketelusan dan integriti ini dan untuk mengelakkan ketirisan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang ketiga pembiayaan.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kota Anggerik nak mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya nak betulkan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Pernyataan-pernyataan.

TIMBALAN SPEAKER: Pernyataannya Sungai Burong, kalau Sungai Burong bagi baru boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Saya hendak betulkan, ADUN-ADUN hanya untuk memastikan projek tersebut dilaksanakan. Agensi pelaksana masih lagi di PBT. Ayat tadi seolah-olah ADUN yang belanjakan peruntukan tersebut. Salah itu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Oklah tapi sebab sekarang dah tak jadi EXCO kalau tidak dia yang menjawab, Kota Anggerik tapi dia tolong membetulkan jawapan masa menggulung. Bolehlah nanti dijelaskan masa menggulung betul tak betul. Saya ini cuma membentangkan memorandum. Ketiga pembiayaan 9,000 kalau betul, kalau tak betul kena bagi jelaskanlah dan saya bersedia ditegur. Pembiayaan 11,000 untuk program perumahan rakyat yang sepatutnya dipertanggungjawabkan bersama kerajaan melalui PKNS dan Lembaga Perumahan Hartanah Selangor dengan pihak swasta. Cadangan perkhidmatan bas percuma di waktu puncak di kawasan-kawasan industri dan bandar berkepadatan tinggi. Ketelusan proses permohonan dan penggunaan Geran Selangorku sebanyak RM300 juta dalam bajet 2013 yang telah juga dibangkitkan. Jadi perkara-perkara ini saya ingatlah eloklah Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam bajet ini mungkin dapat memberi penjelasan dan mungkin perkara-perkara ini bolehlah diambil kira bagi tujuan untuk memastikan pelaksanaan bajet ini dapat diberi matlamat sebenar. Tuan Speaker, Negeri Selangor merupakan Negeri yang paling maju di Malaysia selepas Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Barisan Nasional telah meletakkan landasan yang kuat dalam pembangunan sosioekonomi politik dan telah mengisytiharkan Negeri Selangor sebagai Negeri Maju pada tahun 2005. Malahan Kerajaan Pembangkang Selangor Pakatan Rakyat Selangor sangat bertuah kerana mewarisi daripada Barisan Nasional sebuah kerajaan yang telah menyediakan *infrastructure*, jangan gelak ya Meru. *Infrastructure* dengan jalan-jalan kemudahan-kemudahan, dengan *airport-airport* dan pelabuhan yang menjadi aset Negeri Selangor yang menjadikan Negeri Selangor ini mantap dari segi orang kata dia punya *footing* itu bagi menghadapi to *move forward* ke hadapan bagi memenuhi tuntutan-tuntutan pembangunan, sosioekonomi dan politik. Ini satu realiti walaupun kita ditertawakan tapi satu perkara yang telah tidak dapat dinafikan.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh kejap nanti saya habiskan sebab saya punya mukadimah tak habis lagi.

TIMBALAN SPEAKER: Ini baru mukadimah saja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kepada apa yang saya hendak cakap, minta maaf. Saya hendak cakap bahawa Negeri Selangor ini sebuah negeri maju, telah maju cuma..

TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku duduk dulu. Bagi Sungai Burong teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi kalau hendak tanya pun, apa yang nak ditanya, Negeri Selangor negeri maju. Yang hujah saya tak cakup lagi.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya kurang faham Yang Berhormat.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Jadi saya hendak usulkan.

TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku, Sungai Burong hendak bagi laluan ke tak kepada Kampung Tunku?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya hendak teruskan sedikit.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong hendak teruskan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tunggu ya, tunggu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tunggu berapa lama?

TIMBALAN SPEAKER: Duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Oleh itu menjadi tanggungjawab kerajaan pembangkang yang telah diberi mandat oleh rakyat Selangor pada PRU 12 dan PRU 13 untuk meneruskan dan memperkukuhkan warisan ini.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Meru hendak bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Berbalik pada pasca 205

TIMBALAN SPAEKER: Sungai Burong, Meru hendak bertanya Sungai Burong. Hendak bagi atau tidak?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: (Ketawa). Meru, bolehlah.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Allahuakbar. Terima kasih tuan Speaker. Cuma saya hendak bertanya dua soalan sajalah. Adakah ketua pembangkang menerima hakikat bahawa semua nikmat-nikmat yang telah diberi ini semuanya bukan dari manusia tapi datang dari Allah SWT. Zaman Firaun pun yang bagi semua itu dari Allah bukan Firaun. Adakah yang keduanya, adakah pembangkang.

TIMBALAN SPEAKER: Kuang, senyap dulu Kuang.

Y.B. TUAN ABDUL RANI BIN OSMAN: Yang keduanya, adakah seolah-olah Ketua Pembangkang mengatakan bahawa rakyat Selangor ini dia tidak pandai dalam memilih Pakatan Rakyat bukan memilih Barisan Nasional.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasihlah. Yang sebenarnya yang ini pun tak ada kaitan sangat dengan bajet. Tapi tak apalah. Kita sebagai orang Islam kita memang percaya itu akidah. Kita kalau tidak percaya apa ketentuan daripada Allah kita masuk dalam apa orang kata, awak ustaz boleh jawabkan. Ini akidah boleh menyebabkan kita keluar daripada Islam. Apa yang kita lakukan kita pasrah hakikatnya kita ini adalah orang kata yang tunduk kepada kuasa Allah SWT. Itu dia. Itu yang pertama tapi ustaz lagi pandailah tentang ceramah agama saya ini cuma oran Islam sahaja, makmum dari segi itu. Yang keduanya dari segi kita menidakkan. Saya tidak menidakkan, setiap apa yang kita lakukan *even* hatta katakanlah kuku yang pendek ini ada juga kuku kita yang pendek ini mengorek lubang hidung kan itu ada tiap-tiap anggota badan kita ini ada dia punya manfaat dan kebaikan kalau kita kepada kebaikan memang ada dan saya tak nafikan itu Cuma saya nak menerangkan saya ada alasan-alasannya mengapa kita kena pergi pada *move forward*. Kerajaan Selangor bukanlah perlu kita bukan saya kata tak tuju pada program-program *one off* mesra rakyat dan menjadikan kerajaan popular tapi kita mesti ada KPI Selangor sebagai sebuah negara maju. Di antaranya ialah kita perlu merancang pembangunan lestari dan mampan selaras dengan agenda 21 *local* agenda 21. Kedua kita mesti mencapai kadar pertumbuhan pelaburan ekonomi yang tinggi sebagai *leading state* kita kena antara kalau boleh 6 hingga 10 peratus. Semalam Yang Amat Berhormat Menteri Besar mengatakan bahawa kita Selangor mengunjurkan 6.1% tapi mungkin ini sebagai *leading state* kita perlu melihat bagaimana apabila pelaburan pada suku 8 bulan yang terakhir ini di Selangor ini telah merudum dari segi amaun walaupun jumlahnya tinggi, peluang pekerjaan banyak tetapi kita kena merancang sebagai manusia, ketentuan itu di tangan Ilahi ustaz ya tapi kita perlu merancang *forward* ke hadapan. Agenda 21. Kita tahu agenda hari ini, kita tahu ini musim tengkujuh, hujan 2 jam telah banjir kilat, kita lihat banjir kilat di mana-mana. Apakah perancangan tindakan Kerajaan Negeri menjadikan satu agenda fokus tambahan dari segi lestari pembangunan ini. Agenda yang besar, saya ingin menyarankan kalau boleh pertama yang menjadikan kawasan-kawasan Negeri Selangor ini bebas daripada mungkin kawasan banjir kilat bukan banjir. Kita bukan cakap macam orang kata banjir besar macam yang berlaku di CCP itu bukan yang 100 tahun. Kita banjir kilat. Kilat saja banjir, dalam sejarah, tak pernah dalam sejarah Tol Sungai Rasah, itu Sungai Rasah sebab saya lalu situ. Sekinchan pun lalu situkan kalau dari Sekinchan.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dua jam hujan dah banjir.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Mohon mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Kota Anggerik nak mencelah.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Banjir kilat ini akibat perancangan tidak dirancang sebelum 2008. Keduanya, Kuala Lumpur pun banjir. Kuala Lumpur di

bawah Barisan Nasional maknanya Barisan Nasional juga punya perancangan yang buruk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya sangat setuju. Itu saya kata kalau di Parlimen pun saya akan cakap benda yang sama. Itulah dia. Tapi saya Ketua Ahli Dewan Negeri Selangor. Saya cakap dalam konteks Negeri Selangor

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Mohon dijelaskan sikit.

TIMBALAN SPEAKER: Hulu Klang ini tempat sungai mana hendak bertanya?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebelum sampai ke Sungai Burong saya sampai ke Permatang. Kita bagi Hulu Klang.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Saya hendak bertanya, eh saya dulu, Permatang dulu.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Hah, sabar Permatang. Sungai Burong pernah mendengar pendengaran SELCAT yang membuktikan bahawa pada Rancangan Malaysia ke-10 Kerajaan Pusat telah memberi peruntukan sebanyak 119 juta kepada Selangor untuk program penebatan banjir tapi dalam rancangan Malaysia seterusnya hanya 1.9 juta dianugerahkan ke Selangor hanya semata-mata Selangor pada masa itu diperintah oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Ada makluman tak? Jadi maknanya siapa yang buat silap kat situ?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dengan izin ya, saya nak baca ayat (Ayat Al-Quran) insya-Allah ya kalau kita bersyukur dengan nikmat yang Tuhan berikan kat kita, Tuhan akan tambahkan lagi nikmat kita. Saya tak nak jadi ustaz apa yang saya hendak nyatakan Negeri Selangor ini kena bersyukur, Menteri Besar hebat. Kutip levi banyak hasil, ini yang ditegur oleh Penasihat Ekonomi dan saya sebenarnya bersetuju pandangan ini. Pandangan daripada Ketua Pembangkang Parlimen Dewan Rakyat ini. Duit dah banyak, kita kena tumpu kepada pembangunan. Kalaulah katakanlah Kerajaan Federal pun tidak membantu Kerajaan Negeri Selangor, di Selangor pun dah ada duit, mungkin ini saya ini persepsi tanggapan saya mungkin saya salah. Agaknya Kerajaan Persekutuan itu dia tak beri sebab dia tahu Menteri Besar nya tokoh korporat banyak pandai kutip hasil jadi dia kena pandai belanja untuk pembangunan. Jadi sepatutnya tidak ada masalah. Kalau dia bubuh bajet, fasal bajet ini nak bercakap pun kita kena pusing kat bajet. Bila kita cakap fasal bajet belanjawan yang diberikan itu levi yang ada bersama kita ini bolehlah bagi.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Permatang dan Kampung Tunku hendak bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ok, ok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasih Sungai Burong. Saya amat menyokonglah apa yang Sungai Burong sebut mengenai apa fokus selain daripada *goodies* fokus, isu banjir. Saya fasal teringat di dalam ini sebab sudah hampir 4 tahun, 4 kali dewan, tiap-tiap kali sidang dewan, saya kesian sahabat saya Sri Muda sampai dah keluar. Sri Muda ini menjerit-jerit minta 20 juta, 30 juta tiap-tiap kali mesyuarat jawatankuasa dia sampai dia kata satu hari dua kali banjir. Pagi banjir kering, petang banjir lagi. Malam banjir lain, banjir juga mungkin. Jadi maknanya, saya hendak bertanya kepada Sungai Burong, sepatutnya *reserve* yang banyak ada 2.8 bilion gunakanlah jangan harap yang Kerajaan Persekutuan apa ini Hulu Klang. Gunakanlah belanja itu untuk fokus kepada isu-isu utama rakyat. Baru ini kita dengar, tengok kat TV bagaimana rintihan orang di Klang banjir. Habis hilang, rosak kenderaan, rumah rosak, harta habis, setiap orang kerugian hampir 5,000 hingga 10,000. Jadi fokus ini, jadi saya amat sokonglah Sungai Burong. Ini saya kesian kawan saya daripada Sri Muda ini tak selesai tapi dia menang jugalah pilihan raya, itu rezeki dialah. Kalau ikut orang banjir tak bolehlah marah dia. Saya minta komen Sungai Burong lah.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong sebelum saya teruskan cuba hendak minta jaga masa lah nanti sebab kita bagi masa ekstra untuk Ketua Pembangkang cuma sebab nak pastikan semua dapat terlibat dalam perbahasan itu. Takut-takut masa hendak tolak ke apa boleh cakap kepada Speaker. Insya-Allah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya ingat kalau saya *speed* saya *increaselah*, kalau boleh saya hendak *cover* apa yang saya hendak cakapkan itu. Saya sebenarnya dalam suasana kita ber *debate*, saya sebenarnya bersetuju dan sangat bersimpatilah. Berapa 20 juta? Dah dapat ke belum? Kalau belum saya ingat kita boleh cadangkan dimasukkan ke dalam bajet 2014. Kita kena ada 2 perancangan sebab saya menekankan bajet perancangan kita kena ada perancangan. Kalau perancangan ada dua. Satu perancangan yang kita buat daripada awal. Kedua perancangan yang kita tidak tahu yang hanya Allah sahaja mengetahui kata Ustaz tadi kan. Jadi perancangan ini dia macam benda-benda yang dikatakan bencana alam. Jadi kita kena ada persediaan kontigensi dan kita kena respons. Kalau kita tak respons ini yang menimbulkan teguran. Nasib baik Kota Anggerik menang ya, kalau orang marah sangat, asyik banjir kilat masih mungkin subuh-subuh hari Kota Anggerik pergi ke surau atau masjid.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Minta mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer dan Kota Anggerik hendak mencelah. Kota Anggerik ya, ok.

Y.B. TUAN DR. YAAKOB BIN SAPARI: Tidak ada satu kawasan pun di Kota Anggerik yang banjir saya bagi tahu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tadi yang dilekehkan fasal apa dengan izin. Saya ingat sebab itu saya tanya dah dapat ke betul ada. Tapi di kawasan Kota

Anggerik yang banjir saya tahu ini yang tentu banjir kilat ini sebab pengalaman saya Tol Sungai Rasa ini menunjukkan kita kena ada perancangan. Saya perancangan dari segi orang kata penebatan banjir.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Tuan Speaker minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ini sebahagian daripada, sebahagian daripada pembangunan mampan lestari agenda 21 yang perlu dijadikan sebagai paksi bergerak dalam bajet 2014.

TIMBALAN SPEAKER: Taman Templer dan Seri Serdang minta laluan. Mana nak bagi?

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Bagi Seri Serdang, orang lainlah pula.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Terima kasih Tuan Speaker pada Sungai Burong bila dikata kelemahan merancang dari segi perparitan menyebabkan banjir kilat. Tempat Ketua Pembangkang sebelum ini di DUN Seri Serdang dan perkampungan beliaulah yang paling banjir, paling teruk di DUN Seri Serdang. Jadi untuk mengungkap kembali peristiwa-peristiwa yang lalu di bawah Pentadbiran Barisan Nasional tempat Ketua Pembangkang yang sentiasa banjir tetapi Alhamdulillah diambil alih oleh Pakatan Rakyat. Baru-baru ini kita telah melaksanakan perparitan untuk makluman Ketua Pembangkang jadi perancangan dan strategi perancangan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, Ketua Pembangkang ini tempat saya ..

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Ketua Pembangkang sebelum ini. Saya menyebutkan Ketua Pembangkang sebelum ini.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Mantan.

TIMBALAN SPEAKER: Mantan. Marah Sungai Burong.

Y.B. PUAN NOOR HANIM BINTI ISMAIL: Marah Sungai Burong. Mantan Ketua Pembangkang bila saya teruja bila Ketua Pembangkang sekarang ini menyebut tidak ada perancangan yang rapi jadi di sini Seri Serdang ingin menyatakan bahawa kelemahan Barisan Nasional tidak ada perancangan yang rapi menyebabkan tempat mantan Ketua Pembangkang itu banjir besar setiap tahun sebelum Pakatan Rakyat. Alhamdulillah baru-baru ini terlaksana dengan peruntukan yang ada. Sekian terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tak apalah itu maklumat ya bukan penjelasan. Oklah itu kalau dah buat itu Alhamdulillah menyelesaikan masalah rakyat. Jadi dari segi pembangunan *move forward* tadi ya kita perlu ada transformasi Selangor menjadikan negeri industri tadi. Kita kalau boleh, saya hendak bagi contoh kawasan-

kawasan industri bagaimana kita hendak menggalakkan pelaburan. Kawasan-kawasan industri baru ini kena lihat dari segi prasarana-prasarana infrastrukturnya. Saya boleh bagi contoh kawasan perindustrian di Kapar, paritnya tidak ada sistem perparitan yang sempurna. Setiap kali hujan lebat sikit dua tiga bulan rumput tinggi meninggi. Dan kalau kita lihat mesin-mesin menggali parit ini hanya dapat berkeliaran, hari ini banyak, hari ini sebab musim tengkujuh tapi sebelum pergi ke tengkujuh itu tidak ada dibuat kawasan-kawasan industri. Kita hendak menarik pelaburan. Lampu jalan saya boleh pergi saya boleh tunggu kat situ, lampu jalannya sekerat-kerat. Kalau pekerja itu nasib pekerjanya Bangladesh ataupun pekerja pendatang asing dari luar jadi kita tak adalah rasa tapi kalau rakyat kita mungkin kita berlaku perkara-perkara yang tidak diingini dan sebagainya dan ini semua keselamatan dan sebagainya dari segi pekerja-pekerja mungkin perkara-perkara yang mungkin kita boleh fikirkan. Saya mengajak dari segi bajet ini kita jangan memaparkan pelaburan-pelaburan yang banyak dan tinggi sahaja di Negeri Selangor tetapi kita kena memastikan bahawa perancangan menarik pelaburan di Negeri Selangor ini dipertingkatkan supaya selaras sesuai dengan kedudukan negeri Selangor ini sebagai *leading state*. Seterusnya ialah penurunan kadar kemiskinan bandar dan luar bandar di bawah paras 3%. Kita telah berjaya menurunkan kadar kemiskinan daripada 30% semasa kita merdeka dahulu hingga hari ini kepada kadar 3% tapi kalau boleh kita mesti berusaha bersungguh-sungguh untuk memastikan bahawa insiden kemiskinan mutlak di negara ini kita dapat apa orang kata minimalkan seminimum mungkin kalau boleh kita sifarkan. Kestabilan kedudukan sosioekonomi dan politik, masyarakat penyayang, penambahan industri mesra alam dan ekososial, transformasi Selangor sebagai kuasa ekonomi antarabangsa, peningkatan kualiti kemahiran dan inovasi rakyat Selangor, pembangunan seimbang di antara kawasan Lembah Klang dan Luar Lembah Klang, penjagaan alam sekitar, pengkerasan gejala sosial. Jangan kita menggalakkan gejala sosial. Hari ini pertambahan rumah-rumah urut yang secara haram jadi kita asyik menuding jari, masing-masing menyalahkan Kerajaan Negeri menyalahkan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Persekutuan menyalahkan Kerajaan Negeri tetapi berlaku merata-rata di negeri Selangor, di Sekinchan sendiri pun, di Kuala Selangor sendiri, banyak-banyak rumah urut. Kita mungkin melihat dari segi positif. tiap-tiap yang positif ada negatif. Gejala negatif mempertingkatkan gejala sosial.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker, mohon mencelah.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan minta mencelah, sebab dia kata ada rumah urut.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya hendak cakap sedikit sahaja, jangan tuduh sembarangan saja.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Laki-laki urut laki-lakilah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hah kena betulkan fakta itu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Sekinchan minta mencelah. Sebab dia kata ada rumah urut, jadi Sekinchan...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: .ada rumah urutkan...

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Jangan tudung sembarangan...

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: .tak apa urut lelaki-lelaki urut lelaki-lelaki lah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Itu perbetulkan fakta itu.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya cakap itulah, bukan rumah urut tak ada, ada tapi ini yang haram ini. Yang rumah urut negatif ini yang berleluasa di Negeri Selangor hari ini. Yang ini perlu kita perhatikan. Penjagaan alam sekitar, berulang pula tadi. Pembasmian gejala sosial, penyelesaian masalah perumahan rakyat fokus kepada peningkatan pembinaan rumah kos rendah, sederhana untuk golongan yang berpendapatan rendah. Pemodenan sektor pertanian, perladangan. Peningkatan pengeluaran bahan makanan. Peningkatan kefahaman dan penghayatan agama Islam sebagai agama Persekutuan. Peningkatan program latihan tenaga pekerja mahir dan penggunaan teknologi tinggi. Peningkatan program pembangunan usahawan, terutama kepada usahawan-usahawan bumiputera yang masih belum berdaya saing dibandingkan dengan rakan-rakan bukan bumiputera. Jadi, tumpuan-tumpuan kita mesti berikan kepada melahirkan dalam kita mencapai tahap kualiti negara maju ataupun *World Class* ataupun dengan izin ataupun *First Class* kita kena berusaha untuk melahirkan apa yang disebut sebagai *Civil Society* dengan izin dan kalau *Civil Society* ini merupakan satu cabaran besar, memberikan pendidikan program pendidikan, bagaimana kita boleh melahirkan disiplin. Disiplin yang pertama, barangkali kita boleh menggunakan sesuatu rasa penyatuan sebagai rakyat yang cintakan kita satu negara satu Malaysia ini dan kita cuba mengurangkan insiden-insiden perbezaan yang menimbulkan orang kata, kefanatikan dalam persepsi kita terhadap satu sama lain. Terutamanya di kalangan kita, kita diajarkan sebagai orang Islam bahawa orang Islam itu adalah bersaudara. Jadi kalau kita beza politik pun saya dengan Kota Anggerik kita boleh *medang* dengan izin, di kedai kopi sama. Itulah harapan kita. Supaya kita dapat menarik masyarakat yang bersatu padu dalam membina disiplin di negara ini dan kita juga mengharapkan daripada pembaziran. Kadang-kadang kita kena berikan keutamaan sebagai contoh saya nak bagi pembaziran ialah barangkali usaha-usaha yang barangkali, usaha-usaha di luar kotak yang mungkin baik. Projek pembaziran belanja RM5,000,000.00 untuk laluan basikal. Kita kena tengok realitinya, hari ini berapa ramai pekerja-pekerja kita yang ada basikal. Setahu saya pekerja-pekerja negara kita ini yang paling banyak bermotosikal dan berkereta. Tetapi kita menyediakan laluan berjalan untuk laluan basikal. Berapa ramai yang akan menggunakan basikal ke tempat kerja, adakah kita nak menjadikan contoh teladan yang baik. Barangkali Y.A.B. Dato' Menteri Besar boleh memulakan kita pergi kerja

naik basikal dan kita ADN-ADN Negeri Selangor bekerja pergi naik basikal. Tapi saya ingat kalau...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN : Yang Berhormat, minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tapi yang jauh itu, Sabak Bernam dan di Hulu Selangor itu mungkin berbasikal habislah kita ya.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Kejap lagi, saya habiskan sikit je.

TUAN SPEAKER: Ok.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak bagi ke.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Boleh jadi, yang ramai.

TUAN SPEAKER: Duduk Kampung Tunku, duduk.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang ramai ini yang ada basikal setahu saya ialah pekerja-pekerja kilang yang terdiri daripada pendatang-pendatang asing seperti orang Bangladesh. Barangkali kita boleh buat satu program agaknya lah ajak dia orang, 40,000 orang Bangladesh ajak naik basikal beramai-ramai pergi ke tempat kerja. Kemudian, isu-isu tentang perobohan...

TUAN SPEAKER: Sungai Burong, Kampung Tunku minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti kejap, saya habis dah ini, saya dah habis saya bagi. Kejap. Sabar ya. Boleh-boleh duduk kejap. Isu perobohan gerai-gerai peniaga, jadi ini kita dulu saya dengar falsafah Pakatan Rakyat ini kata penerokaan setinggian-setinggian ini kita tak boleh sebut setinggian dia disebut sebagai peneroka. Hari ini peneroka-peneroka gerai hari ini telah di *demolish* dengan izin. Dirobuhkan gerai-gerai perniagaan mereka di kawasan Kajang. Tapi yang anehnya, ada kedai kereta yang di sebelah itu pun juga gerai merupakan perniagaan yang tidak ada lesen tetapi tidak dirobuhkan. Jadi, isu-isu seperti ini lah yang sebenarnya akan boleh orang kata menjejaskan hasrat dan cita-cita untuk melihat orang kata program memajukan negeri Selangor ini sebagai sebuah negara maju yang orang kata sejahtera dan melahirkan masyarakat sivil. Jadi, ok. Saya bagi peluang Kampung Tunku. Nak tanya soalan ke atau...

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, nak tanya soalan tentang basikal ini. Sebenarnya Yang Berhormat dulu pun orang tidak bawa kereta, tapi mengapa kita nak bina jalan yang lebih banyak. Maksud saya ialah kalau Kerajaan bercadang nak wujudkan budaya berbasikal ini, ertinya adalah satu perkara untuk mengurangkan *carbon foot print* khususnya di bandar-bandar besar. Saya tidak faham mengapa Yang Berhormat

Ketua Pembangkang perlu membawa isu ini dalam bentuk seperti memperli usaha murni daripada Kerajaan Negeri ini, kerana ianya adalah untuk kebaikan bukan sahaja generasi ini tetapi juga untuk generasi yang akan datang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Itu sebenarnya, setiap yang kita buat untuk tujuan kebaikan, tapi dalam perancangan kita ada keutamaan. Keutamaan, saya rasa kalau keutamaan dalam menghadapi negara maju ini negeri Selangor kena fokus kepada pengangkutan, penguraian kesesakan lalu lintas yang ada di kawasan-kawasan negeri Selangor. Kita tahu negeri Selangor 90% adalah perbandaran. Kita tidak mengelak ciri-ciri perbandaran. Ini *urbanization process* dengan izin akan berlaku di mana akan menimbulkan keperluan-keperluan perkhidmatan baru, seperti keperluan untuk pengangkutan dari rumah ke tempat-tempat kerja dan kita hari ini merupakan satu isu yang utama di negeri Selangor ini dan terutamanya di Lembah Kelang.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Minta penjelasan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS : Jadi penguraian sistem ini pada saya lebih pro aktif dibandingkan dengan mengadakan projek-projek....

TUAN SPEAKER : Kampung Tunku..

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sebagai projek pilot contoh. Ya.

TUAN SPEAKER: ... dan Teratai minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ingat saya dah jawab tu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ada lagi, ada lagi.

TUAN SPEAKER: Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Terima kasih. Boleh saya minta penjelasan atas sistem pengangkutan awam itu; itu adalah di atas tanggungjawab kerajaan Persekutuan Barisan Nasional atau alihkan bebannya kepada kerajaan negeri Selangor semata-mata. Soalan kedua saya ialah, infrastruktur yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sungai Burong, apakah pendapat Sungai Burong terhadap infra yang disediakan sebelum 2005 seperti mana PKFZ atau Jambatan Klang yang telah dijanjikan untuk dibina oleh Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional tetapi akhirnya ialah Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat yang binakan. Terima kasih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Yang kedua itu ialah, kalau maknanya kita ini negeri Selangor ini saya nak beri contoh. Kebajikan Kerajaan negeri Selangor buatlah kebajikan. Kerajaan Persekutuan buat kebajikan. Negeri Selangor buat

kebajikan. Mengapa buat kebajikan dua-dua. Apa salahnya dua-dua, sebab ia nya sepatutnya seiring *complementary*. *Supplementary* dengan izin *and complementary*.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: *Supplement* dan *Complement* di mana ada *gap* kosong untuk demi lestari pembangunan. Saya cakap lestari pembangunan kita bukan soal ada masalah orang kata *fire fighting*. Ini kita cakap lestari pembangunan. Dalam pada itu..

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing ingin mencelah.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Nanti. Saya tak jawab Teratai lagi.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing. Oh Teratai.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya Teratai dah habis, jadi itu yang nak disebutkannya. Kalau misalnya kerajaan Persekutuan dia buat sebenarnya dia buat LRT untuk penguraian tetapi ia tidak dapat *accommodate*. Dia ada kekangan bajet di Federal kan. Sebab dia nak agihkan kepada 13 negeri. Selangor ini kita negeri, kita buat mainkan peranan *complementary* untuk membantu kerajaan Persekutuan bagi kita menguraikan sistem pengangkutan ini supaya akhirnya *the best in tourist* adalah rakyat Selangor. Kalau rakyat Selangor semua bahagia, tentu sokongan akan diberikan kepada kerajaan Pakatan Rakyat. Kalau tak bahagia dia beralih kepada Barisan Nasional pula dalam 2014. Itu dia. Kemudian dari segi infrastruktur ialah kerajaan dulu ada janji kerajaan *Federal* tak buat, sekarang kerajaan Selangor nak buat. Silakan dan saya berterima kasih kerana tanggungjawab diberikan oleh kerajaan negeri Selangor untuk membina jambatan Klang yang ketiga.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya nak minta, Tuan Speaker nak minta Sungai Burong bagi penjelasan sedikit.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Burong bagi. Bagi ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Terima kasih. Sebab saya ikuti ucapan Ketua Pembangkang kita daripada awal dia sebut dia menghayati prinsip keadilan. Dia janji itu, dia cakap itu janji dari dulu dan sampai sekarang. Lepas itu dia kata kan saling lengkap melengkapi tapi tadi saya rasa tadi apa contoh-contoh yang kawan saya sebutkan tadi di Jambatan Klang termasuk peruntukan Jabatan Pengairan dan Saliran Selangor (JPS) itu yang dijanjikan memang tidak ditepati. Jadi saya rasa, untuk bersikap adil kita sebenarnya rakyat Selangor membayar cukai 25% kepada kerajaan Persekutuan. Itu yang kita layak dapat itu soal kebolehan lain. Itu memang kemampuan bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, tapi apa yang dijanjikan oleh kerajaan Persekutuan kepada rakyat Selangor yang banyak bayar cukai itu, itu patut diberikan bukan boleh ditolak ansur dengan banyak alasan itu. Saya minta penjelasan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia ada dua perkara itu, dia ada sistem percukaian. Satu ialah hak rakyat dengan hak negara. Sebenarnya percukaian ini hak rakyat yang di jumlah nya kepada negara. Dari segi percukaian. Sebenarnya kalau rakyat Selangor membayar cukainya sebab ada beberapa sebab, sebab yang pertama ia kerana banyaknya pembangunan yang telah dilestarikan di negeri Selangor. Dalam tempoh sejak Merdeka hingga sekarang hingga menarik *population group* bukan sahaja *natural corporation group* di negeri Selangor yang dilahirkan oleh kita yang produktif. Tetapi ialah migrasi dari luar. Jadi, dia sebenarnya adalah rakyat satu Malaysia yang bayar cukai ini. Jadi dari konsep kesaksamaan ini sama ada kita nak bagi konsep kesaksamaan ataupun konsep keadilan sama rata dengan keadilan itu perkara yang berbeza. Dari ekonomi ada dua perkara, satu ialah ekonomi *for group* satu lagi ekonomi *gross and derivation*. Kalau kita menghayati konsep ini maka kita sebagai sebuah kerajaan *federal* kena memikirkan tentang *distribution* kepada seluruh negara, bukan sahaja negeri Selangor, kalau negeri Selangor telah diberikan lestari pembangunan negeri terhebat ertinya macam kita telah dibantu hingga kita boleh berlari dengan sendiri seharusnya *the management of Selangor* boleh berdikari. Itu konsepnyalah, barangkali ini persepsi saya lah untuk menjawab soalan yang tersebut. Jadi soal keadilan ini kita boleh bahaslah. Pada saya, tak salah kalau kerajaan memberikan penumpuan walaupun cukai diperolehi daripada rakyat negeri Selangor ini lebih besar daripada negeri-negeri lain. Tetapi mungkin Sabah, walaupun pembayar cukainya kecil oleh kerana dia masih merupakan wilayah yang kurang membangun dengan aktif dengan negeri-negeri di semenanjung, maka tumpuan pembangunan bolehlah diberikan kepada rakyat itu demi keadilan. Itu untuk...

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Mencilah sikit.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya..

TUAN SPEAKER: Permatang ingin bertanya, Sungai Burong. Sahabat, nanti tak makan tengah hari.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: .. nak habis, kalau dah nak habis saya bagi laluan. Kalau tak nak teruskan. Ok, terima kasih. Saya pun dengar juga ucapan Rawang disebut tak adil bayar cukai banyak, tapi tak dapat di bagi kepada Selangor. Serupa juga kita di dalam Dewan Undangan Negeri ini kita pun menang pilihan raya 12 orang ini menang pilihan raya tapi bila di bagi peruntukan DUN yang menguruskan ketua-ketua cabang PKR. Pengerusi-pengerusi pusat khidmat yang dilantik oleh kerajaan negeri...

TUAN SPEAKER: Ini nak buat pertanyaan kepada Rawang ke kepada Sungai Burong?.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Sebab dia yang kata tadi itu, Tuan Speaker jadi kata tak adil, serupa juga peruntukan setiap tahun, berapa juta diberi

kepada DUN Permatang. Contoh, yang menguruskan ketua cabang PKR bukan saya. Saya yang dipilih di dalam Dewan Negeri saya tak dapat pun uruskan benda itu. Jadi, pada saya itu Sungai Burong pun kena minta lah saya minta jelaskan setuju tidak dengan kenyataan itu. Jadi, pada saya sebenarnya soal adil ini, saya bersetuju dengan Sungai Burong adil itu berdasarkan pertimbangan orang yang punya, kita akur ini walaupun kita menang tapi yang mentadbir itu kerajaan Pakatan Rakyat, ok tak apa bagilah. Kepada pemimpin Pakatan Rakyat peruntukan itu menguruskan kita tak uruskan pun. Saya minta penjelasan Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih, soalan itu. Saya setuju lah dengan pandangan daripada Permatang tadi. Tapi dia tak pandang Sungai Burong.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Tuan Speaker.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Dia pandang Rawang itu, tak apalah.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Minta laluan.

TUAN SPEAKER: Andalus nak bertanya.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Andalus. Sila-sila.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Saya pelik sikit dengan apa yang dikatakan oleh Ketua Pembangkang sebab Permatang pun kata juga tadi katakan kalau ada lebih *funding* kita boleh bagi kepada semua. Tetapi saya nak minta kepada Ketua Pembangkang berapa peratus daripada pembayaran cukai yang dibayar oleh penduduk di negeri Selangor kepada Pusat? Tahu ke Ketua Pembangkang?. Kalau daripada peratusan itu, yang saya tahu 24 peratus keseluruhannya dekat RM150 bilion yang dikutip. Kalau 24% yang dibayar oleh penduduk negeri Selangor banyak. Dari itu berapa peratus di bagi balik kepada Selangor. Kalaulah Barisan Nasional adil bagi balik 10% pun daripada yang kita katakan dikutip daripada negara semua orang sini boleh dapat peruntukan yang lebih.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih. Sebenarnya, soalan itu saya boleh jawab dalam dua perkaralah. Pertama kalau kita betul-betul nak, kita boleh buat satu kajian berapa pembayar cukai yang bayar pada 25%, kemudian itu berapa yang kerajaan Pusat dah bagi kepada kerajaan negeri Selangor ini dalam peruntukan-peruntukan infrastruktur. Termasuk Port Klang, Pelabuhan Utara dan Pelabuhan Selatan ini semua pembangunan-pembangunan dalam negeri Selangor. Kalau kita nak kira, kita boleh buat *due diligence* lah. Dengan izin ya, kajian ya. Kalau boleh kita bersama dan kita peruntukan berapa dari segi keperluan-keperluan yang kita tengok pertemukan di antara adakah benar kita ini dipinggirkan negeri Selangor oleh kerajaan Persekutuan ataupun kita sebenarnya diberikan pertimbangan sebenarnya oleh kerajaan Persekutuan. Boleh saya teruskan ya. Saya ingat dari segi kejayaan Barisan Nasional dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, jam sudah menunjukkan 1.00 petang. Jadi saya minta Yang Berhormat tangguhkan dulu lah. Boleh pergi makan dengan Permatang.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya. Ok, terima kasih. Kalau Tuan Speaker nak *join* sekali pun boleh.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, masa telah menunjukkan jam 1.00 petang. Maka saya menangguhkan sesi perbahasan ini sehingga jam 2.30 petang ini. Perbahasan ditangguhkan.

[Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari]

(Dewan disambung semula)

TIMBALAN SPEAKER: Perbahasan bersambung, Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker kerana mengizinkan saya menyambung semula perbahasan ini. Tuan Speaker, kejayaan pembangunan sosioekonomi negeri Selangor adalah juga bergantung kepada kestabilan kedudukan politik. Apa juga perancangan bajet belanjawan yang ingin dilaksanakan kalau tiada kestabilan dalam kedudukan politik ia akan boleh menjejaskan rakyat. Bukan sahaja *intra-party* tetapi juga *inter party* sama ada di antara pihak parti dengan pihak pembangkang tetapi yang penting kestabilan kedudukan politik Kerajaan Pakatan Selangor itu sendiri. Sebenarnya rakyat negeri Selangor mengharapkan bahawa selepas 5 tahun 7 bulan diberi mandat memerintah negeri Selangor apa lagi selepas diberi mandat baru dalam PRU13 perpaduan, kerjasama dan persefahaman 3 parti politik yang mendukung Kerajaan Pakatan Negeri Selangor PKR, DAP dan PAS sepatutnya sudah mencapai satu tahap yang boleh bertindak sebagai satu pasukan yang mantap di bawah satu kuasa pusat politik yang kuat dan berkesan *strong and the united command* dengan izin Tuan Speaker. Sepatutnya sudah dapat mencapai kesepakatan mengenai pelbagai perbezaan ideologi mengenai dasar perjuangan setiap parti yang terlibat. Antara PAS, PKR dan DAP mempunyai ideologi politik yang berbeza, yang sama hanya hendak berkuasa di Putrajaya. PAS bercelaru dengan dasar negara Islam dan hudud, lantas beralih kepada negara berkebabjikan. DAP dengan konsep *Malaysian Malaysia* dan lantang menentang negara Islam dan hudud. Sementara PKR taksud untuk ke Putrajaya meletakkan Penasihat Ekonomi Selangor sebagai Perdana Menteri. Kecelaruan ke tidak kesepakatan berlarutan tanpa noktah inilah yang menyebabkan banyak dasar dan program-program Kerajaan Negeri tidak dapat dihayati dan di dokong sepenuhnya oleh Kerajaan Pakatan Rakyat. Yang Amat Menteri Besar dalam banyak perkara tersepit dengan pelbagai tekanan daripada sekutu-sekutu yang mempunyai kelainan kepentingan dan agenda politik, yang menjadi mangsa ialah rakyat negeri Selangor. Apabila Jabatan Kehakiman Syariah Kelantan membuat kenyataan bahawa Negeri Kelantan sudah bersedia melaksanakan hukum hudud di Kelantan, DAP melenting. Tindakan Pengerusi DAP yang mewakili DAP secara terbuka membidas cadangan pelaksanaan hukum hudud yang disifatkannya tidak sesuai kerana Malaysia adalah sebuah negara majmuk. Pengerusi DAP Nasional tetap dengan penilaiannya, langkah mayatnya dahulu. Malahan Pengerusi DAP Nasional turut mencadangkan pembatalan mana-mana parti

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Tuan Speaker, Peraturan

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Berdasarkan pelbagai kaum dan agama, parti mana, parti PAS

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap,

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong, minta duduk kejawab sebab Peraturan Tetap.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Ya, okey.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap, Peraturan 31. "Seseorang Ahli hendaklah menghadkan percakapan kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan. Dan sekarang kita sedang membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2013, jadi tidak ada berkaitan tentang soal fahaman politik dan sebagainya, tidak ada berkaitan langsung.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong saya minta Yang Berhormat fokus kepada ucapan, tadi pun Sungai Burong kata jangan sentuh fasal belanjawan Pusat, jadi atas dasar yang sama, jangan melencong jauh sangat. Sikit-sikit boleh, kalau jauh sangat saya tak bagi.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya sebenarnya tadi saya cakap berkenaan dengan bajet. Bajet ini kalau dilaksanakan macam mana pun, tetapi kalau tidak ada dia punya paksi kekuatannya itu, jadi ia boleh menjejaskan rakyat. Itu yang saya cakap, perlunya ada *central command* dalam memastikan bahawa kejituan, kesempurnaan dan kejayaan. Orang kata impak tinggi, pelaksanaan program-program yang dibuat dalam bajet ini dapat dilaksanakan. Ini yang kita ketengahkan tadilah ye. Saya tidak larilah, Insya-Allah. Malahan Pengerusi DAP Nasional turut mencadangkan pembatalan mana parti atau persatuan berdasarkan kaum dan agama. Parti mana, UMNO, PAS atau parti di Sabah dan Sarawak sudah barang tentu bagi Pengerusi DAP bukan parti DAP, walaupun pada realitinya DAP adalah sebuah parti perkauman. Isu ini juga telah menimbulkan kemarahan

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong, Yang Berhormat Morib ada pertanyaan.

Y.B. TUAN HASNUL BIN BAHARUDDIN: Terima kasih, boleh.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Saya ni dah nak habis ye, nak bagi peluang, lepas ni berbahaslah ye, saya tak bagi peluang, minta maaf ye.

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong tak beri laluan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, berikutan dengan kegagalan mewujudkan persamaan itu mengenai beberapa perkara dasar ideologi perjuangan mereka ini, kita tidak terperanjat apabila seperti banyak program-program dan tindakan-tindakan agensi Kerajaan Negeri

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tuan Timbalan Speaker, Peraturan Tetap, Peraturan Tetap

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tidak mendapat sokongan sepenuhnya memimpin Kerajaan Negeri Selangor

TIMBALAN SPEAKER: Sungai Burong minta duduk dahulu, Peraturan Tetap. Yang Berhormat Sungai Burong minta duduk dahulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Peraturan Tetap 36(i) sebenarnya tadi Sungai Pinang sudah pun menyebut tetapi saya rasa Peraturan Tetap 36(i) memerlukan seseorang ahli yang berucap hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkait dengan perkara yang dibincangkan itu. Perkara yang kami bincangkan sekarang ialah bajet ataupun belanjawan Kerajaan Negeri Selangor untuk tahun 2014. Ucapan pihak eksekutif semalam tidak menyentuh tentang PAS, DAP, KEADILAN ataupun mana-mana parti politik ataupun apa-apa ideologi politik pun. Jadi saya rasa ucapan perbahasan daripada Ketua Pembangkang sebenarnya telah jauh melencong. Ini berlaku untuk kali kedua. Saya rasa ia telah melanggar Peraturan Tetap 36(i).

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat Sungai Burong sebagaimana saya peringatkan, nak sentuk sedikit boleh, tetapi kalau dah jauh sangat memang saya tak akan bagi, sebab kita nak fokus kepada ucapan belanjawan sebagaimana Sungai Burong pun sebut tadi, kalau Sungai Burong pun nak suruh fokus kepada belanjawan negeri maka kalau dah jauh sangat sampai ke isu-isu ideologi dan sebagainya saya rasa tak perlu disentuh di sini.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Terima kasih Tuan Speaker. Saya memang turus kepada bajet ini, program-program, tindakan-tindakan yang dilaksanakan, peruntukan yang akan diberi kepada agensi-agensi yang melaksanakan program ini ialah kerana perlu dilihat supaya menjurus kepada isu-isu yang dapat menyelesaikan masalah di negeri Selangor. Tetapi kita lihat ada isu-isu yang berada ini tidak dapat diselesaikan misalnya isu penjualan arak, isu kalimah Allah, pemeriksaan gereja *methodist* Damansara Utama, penggunaan masjid, surau sebagai medan politik dan banyak lagi isu-isu yang melibatkan Jabatan Agama Islam yang termasuk di dalam bajet belanjawan ini tidak mendapat dukungan sepenuhnya daripada Kerajaan Negeri.

Kawalan-kawalan dan pemantauan aktiviti-aktiviti hotel-hotel bajet dan pusat-pusat hiburan yang tumbuh seperti cendawan, setengahnya tanpa lesen dan kebenaran, tidak dapat dikawal dengan berkesan kerana terdapat perbezaan pendapat keutamaan pendekatan serta kepentingan yang berbeza antara parti-parti yang mendukung kerajaan di negeri Selangor ini. Pelaksanaan dasar serta program-program untuk bumiputera yang tidak lagi menjadi keutamaan kerajaan sekarang. Bagaimana pula

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Peraturan Tetap, Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat Sungai Burong, sila duduk. Ya Teratai.

Y.B. PUAN TIEW WAY KENG: Saya merujuk kepada Peraturan-peraturan Tetap 36 (10C) yang mana Yang Berhormat Sungai Burong telah menyatakan sesuatu atau melakukan, menyatakan perkara yang menaikkan perasaan sakit hati atau permusuhan.

TIMBALAN SPEAKER: Teratai, saya tak rasa dia sampai ke tahap itulah. Saya rasa kita benarkan Sungai Burong tetapi hendaklah fokus kepada Peraturan, saya bagi, tetapi fokus kepada belanjawan.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Sakit hati ya Yang Berhormat Teratai, tiada niat saya untuk melukakan hati Yang Berhormat. Tadi saya cakap sebenarnya bukannya fasal belanjawan, fasal lesen, fasal rumah-rumah hotel-hotel bajet, pusat hiburan yang secara haram yang tumbuh, ini fasal kawalan bajetlah, saya tak lari daripada itu ye, tentang isu pelaksanaan di bawah Jabatan Agama Islam Negeri, titah ucapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor mengenai penggunaan kalimah Allah di negeri Selangor selaras dengan Seksyen 9 Bahagian 1 Enakmen Agama Islam, Bukan Islam, Kawalan Pengembangan Di Kalangan Rakyat Islam 1988 dan keputusan mahkamah rayuan pada 24 Oktober yang lalu mengenai perkara ini. Kita ingin mendapat penilaian Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengenai perkara ini.

Penutup. Tuan Speaker, sebagai pihak pembangkang yang bertanggungjawab, di Dewan Undangan Negeri Selangor yang mulia ini dan demi kepentingan serta masa depan rakyat negeri Selangor, kami ADUN-ADUN Barisan Nasional adalah bertanggungjawab bersama memberikan teguran, ulasan, cadangan-cadangan balas dalam usaha tidak lain dan tidak bukan niat kita adalah untuk menambah baik bajet 2014 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar. Kalau teguran-teguran kita tidak betul, sila betulkan, saya akan terima dengan hati yang terbuka. Walau bagaimanapun, sebagai kesimpulannya saya ingin menekankan sekali lagi 3 perkara penting yang perlu diambil perhatian oleh Kerajaan Negeri dalam pembentangan bajet ini:

- (i) Bagaimana hendak mempertahankan prinsip bajet berimbang jika tidak dapat dipertahankan seperti di masa-masa yang lalu. Bagaimana hendak mengawal perbelanjaan supaya defisit tidak melebihi 10% daripada bajet asal.
- (ii) Selain daripada meneruskan pelbagai program *one off* kerajaan popular hendaklah ada program-program, projek-projek jangka pendek dan jangka panjang bagi memastikan KPI Selangor Negeri Maju dapat dicapai dan juga bagi menjamin kelas tarian dan kemapanan pembangunan sosioekonomi negeri Selangor sebagai sebuah negeri maju yang dibanggakan oleh rakyat negeri Selangor.
- (iii) Pelaksanaan bajet 2014 hendaklah dijalankan dengan cekap dan telus laras dengan prinsip-prinsip urus tadbir baik dan kewibawaan.

Dengan harapan inilah tuan Speaker saya mengakhiri ucapan saya. Sekian, terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih kepada Sungai Burong. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker, Tuan Timbalan Speaker. Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Ahli-ahli Yang Berhormat, Ketua Jabatan dan kakitangan serta para pemerhati yang saya muliakan, salam sejahtera, salam bersih serta reformasi untuk semua. Berbagai sogokan telah diberikan. Barisan Nasional menjanjikan bermacam-macam, rakyat Selangor bijak buat pilihan, kejujuran Kerajaan Pakatan menjadi pilihan. Di dalam Dewan yang mulia ini, Sekinchan ingin turut serta perbincangan belanjawan 2014 yang dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar dalam Persidangan Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Yang Ketiga Belas ini.

Tuan Timbalan Speaker, setelah meneliti dan mendengar panjang lebar sejam lebih perbincangan daripada Yang Berhormat Ketua Pembangkang Sungai Burong, saya nampak walaupun ada peningkatan sedikit daripada cara yang dikendalikan dulu tetapi kandungan inti pati yang dibawa tidak lain tidak bukan mayat yang dikitar semula. Iaitu mengulangi perkara tentang imbalan dan saya telah beritahu sebentar tadi, bahawa kepada Dewan yang mulia, Selangor di era Pakatan Rakyat ini kita cukup berdisiplin dalam mengurus tadbir kewangan. Bagaimana kita kendalikan bajet, bagaimana kita kendalikan belanjawan ini dalam tempoh 5 tahun sudah terbukti di mana rizab kita bertambah dan teguran laporan Ketua Audit Negara setiap tahun memberi kepuasan memberi kredit kepada negeri Selangor. Ini satu bukti, dan saya nak beritahu Ketua Pembangkang Sungai Burong bahawa soal pembekalan tambahan ini bukan persoalannya, yang penting Selangor mempunyai kewangan yang kukuh, kutipan hasil yang cukup untuk dibelanjakan. Jadi saya nak bagi tahu Sungai Burong supaya faham perkara ini, tak perlu diungkit berulang kali setiap Sidang Dewan saya dengar Tuan Timbalan Speaker, *podowai (cakap jawa)* dengan izin *sambi mawon (cakap jawa)* iaitu serupa sahaja *is the same* sama, alunannya yang muzik yang didendangkannya sama. Jadi saya minta sidang akan datang adalah sedikit pembaharuan, ha ini yang saya minta.

Setelah meneliti dan memperhalusi kandungan belanjawan reformasi yang bertemakan 'Selangor Negeri yang Semakin Maju' dan ia merangkumi semua aspek sosioekonomi, pendidikan, kebudayaan, pembangunan wanita, modal insan, pembangunan belia, kebajikan rakyat dan sebagainya yang diperlukan untuk meneruskan kesinambungan pembangunan negeri Selangor sejajar dengan kandungan dan tawaran dalam manifesto Pakatan Rakyat pada PRU 13 yang lepas. Setelah 6 bulan ini (6 bulan PRU berlalu), kerajaan negeri Pakatan Rakyat pimpinan Y.A.B. Tan Sri Khalid Ibrahim terus bekerja kuat bersama barisan EXCO dan seluruh warga kakitangan kerajaan untuk membangunkan negeri Selangor yang tercinta ini.

Belanjawan berimbang 2014 yang bertemakan 'Belanjawan Berhemat dan Berimpak Tinggi Maslahat Rakyat' memperuntukkan RM1.85billion iaitu yang tertinggi dalam

sejarah negeri Selangor setakat ini. Ini masuk penggal kedua Pakatan Rakyat Negeri Selangor terus diberi kepercayaan dan mandat yang lebih besar oleh rakyat negeri Selangor yang majoritinya tidak kira Melayu, Cina, India dan lain-lain berani bangkit menongkah arus, menolak Barisan Nasional buat kali kedua dengan begitu hebat dan luar biasa. Buktinya kita dapat 44 kerusi dan Barisan Nasional 12 kerusi.

Tuan Timbalan Speaker, Belanjawan 2014 ini juga menekan pentingnya aspek pembangunan untuk rakyat di mana sejumlah RM624,919,790 diperuntukkan untuk tujuan tersebut. Tambahan pula terdapat rancangan yang saya kira tepat pada masanya, rancangan yang dialu-alukan iaitu sudah sampai masa kita menggunakan rizab negeri yang berjumlah RM430 juta yang diumumkan oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar semalam.

Satu, pembinaan jambatan ketiga Klang RM190 juta. Yang kedua, pembinaan rumah mampu milik RM100 juta. Yang ketiga, pembangunan usahawan dan pembudayaan belia RM50 juta, pembangunan binaan sekolah RM50 juta. Yang kelima, pembangunan desa RM50 juta. Yang keenam, pembudayaan wanita RM30 juta. Seluruhnya (di campur) RM430 juta. Oleh itu, jumlah sebegini besar ini telah mencecah paras RM1.22 billion bersamaan dengan 53.7% pada tahun 2014. Bayangkan bagaimana rancaknya pembangunan di negeri Selangor pada tahun hadapan di bawah kerajaan Pakatan Rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, sehubungan dengan itu, pelbagai pendekatan yang diambil oleh Y.A.B. Dato' Menteri Besar khususnya dalam konteks pengurusan kewangan telah menunjukkan hasil dan keberkesanan yang jelas di mana kedudukan kewangan negeri setakat ini telah kukuh serta rizab telah bertambah seperti apa yang saya tegaskan tadi rizabnya tambah RM2.7 billion. Pendekatan yang amat bertanggungjawab dan berhemat mengurus kewangan negeri di atas landasan yang betul. Sesungguhnya Y.A.B. Dato' Menteri Besar memang sangat menitik berat disiplin kewangan apabila berbelanja dan mempraktikkan budaya menabung untuk kegunaan masa depan walaupun sering diasah, didesak oleh pelbagai pihak agar memberi peruntukan yang lebih besar termasuk BBC kita sendiri, tetapi Y.A.B. Dato' Menteri Besar tetap tidak berganjak, tetap dengan pendirian disiplin kewangan. Dengan erti kata lain, kita berbelanja mengikut keperluan dan juga kemampuan bukan untuk kemewahan.

Setelah meneliti belanjawan kurang manis (bajet kurang manis) kerajaan persekutuan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri (Dato' Seri Najib) baru-baru ini bukan saja kekal meneruskan kecemerlangan rekod luar biasa yang dipegang oleh kerajaan Barisan Nasional dengan membentangkan bajet defisit lebih 16 tahun berturut-turut. Ini juga meneruskan kecemerlangan defisit bajet. Malahan belanja mengurus seperti apa yang saya nampak dipinta persekutuan semakin mengembang 82% mengurus, manakala belanja pembangunan mengecut (kecil). Berapa? 18% pembangunan untuk rakyat. Ini satu petanda yang cukup tidak membawa manfaat yang baik untuk rakyat. Ini menunjukkan kepada kita bahawa semakin lama Barisan Nasional memerintah, semakin kecil peruntukan untuk pembangunan. Saya sangat khawatir trend sedemikian. Jika dibiarkan berlanjutan, sudah pastinya dalam masa dua (saya jangkakan) atau tiga

tahun akan datang berkemungkinan peruntukan pembangunan untuk rakyat bajet kerajaan kurang manis akan susut ke tahap yang lebih kritikal iaitu mungkin di bawah 10%. Walaupun begitu kritikal sekali kedudukan kewangan, namun wakil-wakil pembangkang Barisan Nasional di sini masih bangga dan hebat mempromosikan pencapaian mereka. Ini sesuatu yang luar biasa.

Tuan Timbalan Speaker, ada sesuatu yang unik dalam pembentangan bajet kerajaan persekutuan. Yang saya nampak (saya amat terkejut) dengan sikap Perdana Menteri tiba-tiba begitu prihatin terhadap kesihatan rakyat dengan memotong subsidi RM0.34 kononnya mengelakkan rakyat daripada banyak ambil gula dan kena kencing manis (kencing *legi*) dengan izin. Manis. Kencing manis. Persoalannya kita tidak menafikan pengambilan gula yang lebih akan memudaratkan kesihatan, tetapi alasan yang diberi terlalu remeh.

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Sekinchan. Cakap jawa ke cakap Arab ke cakap bahasa apa pun dengan izin.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh dengan izin. Saya akur, saya patuh dengan arahan. Tuan Timbalan Speaker, isu yang relevan dalam konteks ini ialah subsidi seperti gula rakyat dipotong, manakala subsidi untuk syarikat kroni tetap tidak berganjak dan terus dipertahankan. Sebagai contoh subsidi untuk IPP (*independent power plan*) yang dikuasai oleh syarikat kroni terus kekal. Oleh itu, slogan 'rakyat didahulukan pencapaian diutamakan' telah bertukar kepada 'rakyat dikenakan kroni diutamakan'. Jalan-jalan ke Putrajaya, singgah sebentar membeli tongkeng

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon mencelah Tuan Speaker.

TIMBALAN SPEAKER: Y.B. Sekinchan, Dengkil minta laluan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini mana ni? Dengkil ya? Oh... anak muda, kita bagi peluang.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Sekinchan. Yang Berhormat tadi bercakap berkenaan dengan bajet perbelanjaan persekutuan yang mana di dalam bajet persekutuan juga ada menyebutkan tentang Bantuan Rakyat 1 Malaysia yang telah ditambah nilai daripada RM500, sekarang dah jadi RM650, daripada golongan RM3,000 ke bawah, ada golongan RM4,000 ke bawah yang dapat juga bantuan BR1M. Bantuan ini menyeluruh. Tapi saya nak tanya kepada Y.B. Sekinchan, mengapakah bantuan seperti Jom *Shopping* yang dikatakan untuk membantu golongan kurang berkemampuan diberhentikan dan kemudian ianya tidak menyeluruh seperti bantuan BR1M? Kalau rizab kerajaan negeri banyak, kalau programnya begitu baik, mengapakah tidak diteruskan? Terima kasih.

TIMBALAN SPEAKER: Ini macam dah lantik Sekinchan jadi EXCO ni.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Tak. Saya minta dia jawab pasal bajet persekutuan tadi ni.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Apa-apa pun Tuan Timbalan Speaker terima kasih atas syarahan daripada Y.B. Dengkil mengatakan kerajaan pusat memberi bantuan menyeluruh dalam Bantuan Rakyat 1 Malaysia. Barulah dia mengingatkan saya. Saya dah terlupa (dengan izin) *lali / kelalen*. Saya dah terlupa pula rupanya Barisan Nasional

TIMBALAN SPEAKER: Bahasa apa tu? Bahasa apa?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Bahasa *kelalen* jawa. Saya dah terlupa. Rupanya Barisan Nasional janji kepada rakyat waktu pilihan raya nak bagi BR1M (Bantuan Rakyat 1 Malaysia) RM1,000 tapi umum dalam bajet selepas menang RM650. Maknanya siapa mendusta kepada rakyat?

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, Kota Damansara minta mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Kota Damansara? Oh ini wakil ketua wanita. Saya bagi jalan.

Y.B. PUAN HALIMATON SAADIAH BINTI BOHAN: Terima kasih Sekinchan. Agaknya Sekinchan ni tak faham Tuan Timbalan Speaker. RM1,000, bukan RM1,000 (saya dah betulkan ayatnya). RM1,200 dalam jangka masa 5 tahun. Faham ke tak faham? 5 tahun maknanya peningkatan setahun, setahun, setahun sampai la RM1,600. Tak faham tu.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker. Saya nampak Y.B. Kota Damansara ini dalam janji (manifesto). Ha, selalu yang disebut Sungai Burong manifesto. 5 tahun dia manifesto. Saya pun keliru sikit la. Dalam janji manifesto Pakatan Rakyat, Perdana Menteri cakap sendiri. Apa dia cakap? Kita bagi. Kalau kita menang, kita bagi RM1,200.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Tuan Speaker.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Untuk bantuan rakyat. Rupanya

TIMBALAN SPEAKER: Ya, Y.B. Sekinchan. Peraturan Mesyuarat

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: 36(1).

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Peraturan Mesyuarat? Ok, tak apa. Oleh kerana Peraturan Mesyuarat saya duduk.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Saya fikir Sekinchan dah terlalu jauh sangat melencong. Kita berbahas tentang bajet kerajaan negeri.

TIMBALAN SPEAKER: Tadi saya bagi juga (duduk). Duduk Yang Berhormat. Ya, tadi saya bagi Sungai Burong pun saya bagi peluang walaupun dibantah oleh anggota kerajaan. Saya bagi juga sentuh secara dasar. Jadi, saya pun akan bagi Sekinchan sentuh secara ni sebab dia bandingkan antara belanjawan pusat dan belanjawan negeri. Yang itu saya bagi tapi lepas itu kena balik kepada tajuk utama.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Timbalan Speaker, saya nak minta sedikit penjelasan dengan Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih. Saya bagi laluan.

TIMBALAN SPEAKER: Ya.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Saya ingin bertanya dengan Y.B. Sekinchan. BR1M tu dia sebenarnya datang bukan dengan percuma. Dia di sekaligan dengan penarikan subsidi gula, dia di sekaligan dengan kenaikan harga minyak petrol, dia di sekaligan naik dengan GST lagi. Ha, ada tak Sekinchan rasa itu memang membantu rakyat atau membebankan rakyat?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih Y.B. Rawang yang bijaksana. Saya nak bagi tahu pepatah bahasa cina *yang mao chu chai yang seng sang* maknanya (dengan izin)

TIMBALAN SPEAKER: dengan izin.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Dengan izin mandarin la ya. Maknanya rakyat yang dikenakan. Benda tu kononnya bagi rakyat, walhal rakyat yang dikenakan. Subsidi gula naik, minyak naik (naikkan). Jadi, duit untuk siapa? Bagi BR1M? Maknanya akhirnya rakyat yang dikenakan.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Mohon celahan.

TIMBALAN SPEAKER: Ya Yang Berhormat.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh Sungai Panjang. Rakan sejawat saya sebelah jiran tetangga, bagilah.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD ZOHDI: Y.B. Sekinchan, tak jauh bezanya dengan kerajaan negeri yang menaikkan harga cukai dan mengumpulkannya dalam rizab.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh... Terima kasih Timbalan Speaker. Saya *confuse* (serabut) sikit dengan (pening sikit) dengan izin jawa *mumet* dengan Y.B. Sungai Panjang walaupun dia sebelah saya (jiran tetangga saya), tapi dia kata kita naikkan cukai. Maknanya yang naikkan cukai Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Kenaikan sampai 200% ke atas. Ini mencengkam rakyat supaya rakyat hidup dalam keadaan

sengsara. Ini kerajaan yang tidak prihatin. Naik bukan tak boleh. Ha, saya dalam konteks kerajaan naik boleh (kalau dah lama tak semak, boleh naik), tapi memadamkan keadaan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Mohon mencelah.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ini tidak. Tekan-tekan. Oh.. ini teruk betul la.

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan, Dengkil nak tanya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Oh Dengkil lagi? Ok, silakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Y.B. Sekinchan. Saya ingin meminta pandangan Sekinchan. Tadi Y.B. Rawang ada menyebutkan pasal kenaikan gula, kenaikan minyak. Ini semuanya ialah penyelarasan subsidi. Kita tak mahu nanti ada orang-orang yang tidak layak menerima subsidi, dapat subsidi seperti Bangladesh (40,000 Bangladesh) dapat subsidi. Kemudian, yang dikatakan kenaikan GST itu golongan-golongan kurang berkemampuan (RM3,000 ke bawah) selain akan dilaksanakan pada 2015 nanti, bantuan BR1M dapat RM700 akan ditambah. Kemudian, golongan kurang berkemampuan ini akan mendapat tambahan rebat RM300 lagi BR1M. Apa pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan GST untuk golongan-golongan kurang berkemampuan? RM700 campur RM300 lagi rebat GST. Mohon pandangan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih juga Yang Berhormat Dengkil yang begitu ghairah untuk nak tanyakan perkara ini minta pandangan saya. Saya nak bagi tau dalam Dewan Yang Mulia ini berkenaan dengan kita nak bebaskan rakyat dengan GST. Gasak sampai tertonggeng. Dengan izin. Ketawa... Maksudnya gasak, gasak, gasak sampai tak boleh bernafas. Ini tax 6% buat apa kita nak bebaskan rakyat. Dan dalam masa yang sama kita cuba nak tunjukkan kepada rakyat miskin, kita bantu mereka. Ini tidak memadai dan tidak sepatutnya berlaku dan sepatutnya sebuah kerajaan yang betul-betul hebat menguruskan kewangan seharusnya dia punya rizab punya duit tambahan selepas bajet baru dia boleh bagi umumkan kepada rakyat duit ini, duit itu. Haa..itu baru hebat. Macam Selangor. Haa.. macam Selangor, caranya. Kalau tak pandai, Perdana Menteri nak mengurus tadbir bajet, belajarlah dengan Negeri Selangor tak apa salahnya. Kita belajar sesama kita. Ini caranya. Tapi bukanlah tiba-tiba umum GST, Bukan Geng Songkok Tinggi. Ini cukai, ini cukai. Cukai rakyat sekarang dah menderita saya tengok. Di Dengkil sesungguhnya ramai orang miskin. Orang miskin yang dulu, yang dulu dia dapat BRIM. Oh Allah Syukur, saya belajar daripada Sungai Burong kita kena bersyukur kepada Tuhan kita. Syukur dapat BRIM. Ok. Saya pun terima dapat bantuan. Yang ini yang dapat bantuan, RM1,000.00, RM2,500.00 ke bawah ini selama ini mereka tidak pernah bayar cukai pendapatan sebab mereka tidak perlu mereka tidak sampai mereka dalam golongan ini miskin, golongan pendapatan rendah tak perlu bayar. Ada 60% khususnya di luar bandar termasuk di Dengkil yang paling kuat sokong Barisan Nasional. Apabila dilaksanakan GST, 60% ini satu keluarga anggarannya

perkiraan kasar saya paling kurang RM1,000.00 satu tahun terpaksa bayar GST. Dapat tak sampai RM1,000.00 kena bayar RM1,000.00. Tak berbaloi Dengkil. Yang Berhormat Dengkil. Jadi cara penyertaan Barisan Nasional saya rasa tidak relevanlah. Menekan rakyat. Maka dengan itu saya bagi tahu Yang Berhormat Dengkil, tak apalah kita bagi tau Pusat, suruh ubahlah GST berhentilah. Tangguhlah atau tukar yang ini saya nasihatkan. Seterusnya saya ingin sambung ya.. tidak boleh jauh sangat nanti pusing balik *alignment* tu jajaran *alignment* kena pusing balik. Jalan-Jalan Ke Putrajaya, Singgah Sebentar Membeli Setokin, Kata Gula Tak Naik Harga, Tapi Cakap Tak Serupa Bikin. Tepok....

Ke seberang Laut Naik Sampan, Pergi Mendayung Sampai Muara, Patutlah Betis Jadi Alasan, Sebab Nak Naik Harga Gula. Ini kerajaan apa tak taulah. Dalam dunia ni saya nampak satu kerajaan, iaitu Barang naik, yang guna alasan diabetes untuk naik harga gula. Ini satu sahaja. Tak pernah dalam kitab apa saya tengok pun. Seterusnya Tuan Timbalan Speaker, saya sekali lagi ingin membangkitkan tentang mengucapkan terima kasihlah kepada kerajaan Y.A.B. Tan Sri Selaku Dato' Menteri Besar kerana berani menyahut cabaran. Bukan senang untuk kerajaan negeri yang pendapatannya tak seberapa walaupun maju, kita pegang besar bajet kalau berbanding dengan Sarawak. Kita sahut cabaran, kita bina Jambatan Ke-3 Klang yang hampir dalam RM300 juta akan bertambah sepatutnya Jambatan Klang ini Yang Berhormat Dengkil, bagi taulah JKR Putrajaya, Perdana Menteri duit tu turunlah, sepatutnya duit rakyat Selangor turunlah buat, sebab yang gunakan Jambatan Klang besok Sekinchan, Dengkil. Jadi duit dah habis daripada Selangor tak pulangkan kepada Selangor dan janji yang paling penting, manusia pegang pada janji, lembu pegang pada tali. Saya sekarang ingatkan Tuan Timbalan Speaker, dulu-dulu, dulu BN dengan izin, dulu aaa teruskan saya bagi peluang...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya nak mohon pandangan Yang Berhormat Sekinchan, saya dapat kajian daripada aaa pihak aaa Pihak Kerajaan Persekutuan, membelanjakan lebih kurang RM2.8 billion untuk projek-projek Persekutuan di negeri Selangor. Kerajaan negeri pada tahun lepas membelanjakan lebih kurang RM600 juta. Jadi mana pandangan daripada Yang Berhormat Sekinchan yang mengatakan yang Kerajaan Persekutuan tidak prihatin berkenaan dengan pembangunan dan kesejahteraan rakyat negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker dan terima kasih Yang Berhormat Dengkil, soal peruntukan yang diturunkan oleh Kerajaan Persekutuan, kalau dia turunkan rakyat Selangor dan kerajaan kita terima takde masalah. Kita mengalu-alukan tapi persoalannya saya nak nyatakan di Dewan Yang Mulia ini untuk dicatit ialah duit itu diturunkan ke mana? Kerajaan mana yang mewakili rakyat. Saya nak tanya kepada Ahli Dewan yang bijaksana ini termasuk Tuan Timbalan Speaker, Siapa Kerajaan sekarang? Yang diberi mandat oleh rakyat. Pakatan Rakyat, PAS, DAP, PKR dan sepatutnya disalurkan ke saluran yang betul yang betul bukan masuk ICU. Masuk ICU ini satu masalah, rakyat tenatlah, ICU tu tenatlah.. Rakyat di Lembah Klang, di Klang, Parlimen Klang setiap hari menghadapi masalah kesesakan lalu lintas,

buang masa, wang ringgit, jem, jem sini jem sana. Kita tahu sebagai kerajaan, kita tahu, perlu jambatan ketiga. Sepatutnya duit tu disalurkan bukan untuk ICU kepada Ketua Bahagian UMNO untuk menguruskan. dan ada Ketua Bahagian yang ditolak terang-terang. Ditolak oleh siapa, oleh rakyat.

TUAN SPEAKER: Sekinchan Peraturan Mesyuarat.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK : Isu ucapan 36(6) tak boleh keluarkan sangkaan jahat.

TUAN SPEAKER: Sangkaan jahat macam mana Yang Berhormat.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI : lalah Ketua Bahagian tak ada kat sini, sebut dua, tiga kali sangkaan jahatlah.

TUAN SPEAKER: Bukan soalnya ada atau tidak ada, soalnya ada bukti ke dia cakap. Sangkaan jahat atau tidak tu. Bukan soal orang tu ada atau tidak ada di sini.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: lalah saya fakir itu sangkaan jahat orang yang tidak ada.

TUAN SPEAKER: Ya, boleh teruskan Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, memandangkan tiada keraguan yang munasabah, maka saya teruskanlah. Jadi Sungai Panjang ini, saya minta kalau nak tahu bagaimana sangkaan dan sebagainya tolong ubah betul-betul, dengar betul-betul walaupun jauh saya tahu jauh sikit tapi kena kursus dulu, kursus dulu. Permatang, sekarang dah matang. Ok, Ok.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN ABDUL RAZAK: Terima kasihlah Sekinchan. Cakap tu ikut sedap saja saya ingat. Memang sedap cakap tu. Saya tahu Yang Berhormat Sekinchan, sebenarnya apa yang disampaikan apa yang dimaksudkan ICU itu bukan semuanya RM2.8 billion yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan dan bukan semuanya melalui ICU. Yang melalui ICU itu hanya projek-projek kecil. Apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Dengkil tadi ada projek-projek secara langsung melalui Kementerian, contohnya bina sekolah tak melalui ICU, melalui Kementerian Pelajaran, Menteri Pendidikan. Bina Hospital, tahun ini Insya-Allah di Tanjong Karang ada hospital baru, RM250 juta bukannya melalui ICU. Yang Berhormat jangan salah anggap, yang kata kat ICU orang UMNO yang urus, orang Barisan Nasional, tidak. Jangan salah sangka ada peruntukan contohnya macam MRT yang dibuat oleh Kerajaan Persekutuan hampir RM22 billion melalui sebahagian daripada Kerajaan Selangor. Itu pelaburan dalam Kerajaan Negeri Selangor. Itu semua untuk memudahkan peringkat apa ni memudahkan pengangkutan dan sebagainya. Bila kerajaan bina berbagai bentuk pembangunan dalam negeri Selangor bukan melalui ICU yang melalui ICU ialah hanya projek-projek kecil. Jadi Sekinchan janganlah buat tuduhan-tuduhan yang takde bukti, tidak jelas tapi kalau yang Berhormat Sekinchan

boleh buktikan berapa dalam disalurkan kepada ICU dan berapa dibagi kepada Ketua-ketua Bahagian atau pemimpin-pemimpin UMNO boleh bercakap kalau tidak saya ingat Yang Berhormat Sekinchan tak payahlah buat kenyataan-kenyataan yang apa ni yang membazirkan waktu sahaja.

TUAN SPEAKER: Kota Anggerik, Sekinchan tak jawab lagi, aaa terus bagi.

Y.B. TUAN DR. YAACOB BIN SAPARI: Ok, saya nak minta pandangan Sekinchan, Apakah wajar Ahli Parlimen Tanjung Karang menjadi Eksekutif untuk menjaga projek-projek di negeri Selangor di bawah Persekutuan. Wajar ke tak wajar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Yang Berhormat Kota Anggerik dan Timbalan Tuan Speaker, memang tidak wajar jawapannya mudah, tidak wajar. Sebab yang sepatutnya geran-geran daripada Kerajaan Persekutuan untuk rakyat negeri Selangor sepatutnya ke Kerajaan Negeri, ini ada mandat yang penting Perlembagaan dan ada Mandat yang penting dapat mandat bukan orang yang tak dapat mandat tapi dibagi peruntukan yang ini tidak betul. Ini memang tidak wajar, jawapannya. Sejelajelasnya tidak wajar. Sentuh sedikitlah kepada Yang Berhormat Permatang ya, yang dia nak tanya soalan tu. Saya kena jawablah sedikit supaya dia rasa seronok sikitlah. Tentang ICU saya bukan tuduh semua tapi memang kenyataan saya tidak bercanggah memang ada peruntukan disalurkan kepada ICU yang ini kenyataan saya tadi. Saya tidak menafikan cerita ada disalurkan termasuk rakyat kawasan Tanjong Karang, Kuala Selangor dah tunggu 15 tahun hospital sampai pilihan raya dia pecah tanah. Ini cerita saya khuatir tapi sangkaan saya baik, bukan sangkaan buruk. Saya khuatir sebab Jambatan Klang 2008 juga berlaku episod yang sama. Di mana mantan Menteri Besar, mantan, mantan ye kalau tidak belajar. Mantan Menteri Besar Dr. Khir Toyo bersama dengan Samy Vellu, Menteri Kerja Raya pada ketika itu bersama dengan EXCOnya, MCAnya dengan satu batalionnya pergi ke mana, Klang bawa cangkul sekali. Tuan Timbalan Speaker, betul ni bawa cangkul, kita bawah tanah cangkul tanah kita umum Jambatan Ke-3 Barisan Nasional begitu prihatin terhadap rakyat. Kita akan bina sebaik-baiknya untuk rakyat. Akhirnya sampai hari ini 2004 hampir 10 tahun, hampir 10 tahun, janji tinggal janji, dah jadi capati. Aaa ini dia, kenapa barisan Nasional kena fikirkan kenapa rakyat tolak Barisan Nasional kerana Barisan Nasional banyak berdusta. Aaa ini dia dan saya teruskan kepada soal jambatan ke-3 dan RM300 juta kita unjurkan kalau kosnya RM300 juta ini besar untuk negeri Selangor, cukup besar. Walau bagaimana pun Selangor mampu. Saya harap projek itu dipantau dan di percepatkan kerana rakyat sesungguhnya menanti-nanti tidak sabar menanti nak pakai nak gunakan jambatan ke-3 baru yang dibina oleh Pakatan Rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, tanyalah syabas sekali lagi diucapkan kepada kepimpinan Y.A.B. Dato' Menteri Besar kerana mentadbir mengurus negeri Selangor dengan begitu cemerlang, pembangunan semakin rancak, kebajikan rakyat juga semakin diutamakan sehingga 31 Ogos 2013 sebanyak RM954,807,698.08 dibelanjakan untuk melaksanakan program kebajikan rakyat menerusi program MES sejak 2008. Pelbagai program dilaksanakan telah mencapai kejayaan yang cukup membanggakan, sambutannya luar biasa seperti pemberian air percuma 20 meter padu, Skim Mesra

Usia Emas, Tabung Warisan Anak Selangor, Hadiah Masuk Universiti, Program Kesihatan Wanita oleh Batu Tiga EXCO yang prihatin, dan juga Jom *Shopping* bersama ADUN, Tuisyen Rakyat, Skim Bantuan Tadika Selangor, TUNAS oleh Yang Berhormat Selat Kelang, yang popular dengan sepainya, dan banyak lagi program. Baru-baru ini satu lagi Yang Berhormat, Sijangkang, EXCO Sijangkang dalam sesi soal jawab telah beritahu ada lagi satu program untuk golongan belia iaitu insentif perkahwinan belia. Di mana pasangan di Selangor, anak Selangor, umur 35, bawah 35 yang berdaftar untuk berkahwin, akan dibayar RM200.00 setiap satu, lakinya, perempuannya RM200.00 jadi RM400.00. Insentif aa itu kahwin pertama, kahwin kedua, tak bolehlah. Ketawa... tidak dizinkan. Ya ini antara insentif jadi kalau nak sebut sahaja merakyatkan ekonomi daripada kanak-kanak, anak-anak yang dilahirkan, Selangor sudah jaga prihatin. Anak kecil-kecil bukan main api, anak kecil yang dilahirkan kita bagi Tabung Warisan Anak Selangor untuk mereka menabung. Supaya 18 tahun akan datang, ada satu duit untuk mereka sejumlah duit untuk mereka. Sekurang-kurang RM1, 500.00. itu jaminan yang minima. Seterusnya sampailah mereka masuk ke sekolah kita bagi tuisyen rakyat. Tuisyen Rakyat di setiap DUN 100 orang kita bagi tuisyen mana anak-anak kita yang kurang berpendapatan bernasib baik pendapatannya ibu bapanya tak begitu, kita bagi tuisyen. Seterusnya apabila mereka masuk ke Universiti aa tengok bagaimana Selangor jaga.

la masuk ke universiti kita bagi hadiah masuk universiti RM1,000 dan hadnya kita dah ubah dalam manifesto kita, kita bagi pendapatan RM3,000 pun berhak untuk memohon. Makna nya hadiah masuk universiti di peringkat dewasa ini kita bagi. Kemudian nak kahwin, ha datang YB Sijangkang dengan RM200 nya, walau pun tak besar tapi keikhlasan itu penting.

TIMBALAN SPEAKER: Sekinchan asyik sebut nak kahwin ja.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Inilah nak menunjukkan bagaimana menyeluruhnya, bagaimana menyeluruhnya kita jaga. Selepas mereka berkahwin apabila kalau pendapatan mereka tak berapa cukup kita ada jom *shopping* untuk mereka. Dan selepas itu apabila mereka sampai ke warga emas kita kenang jasa mereka. Bagi jom *shopping* bersama ADUN. Bila satu hari saya manusia juga semua sama tak kira Melayu, cina, hitam putih merah satu hari lagi kita akan dengan izin jawanya “*sedok*” maksudnya meninggal dunia, *innalillillah*. Dan apabila meninggal dunia 2500 khairat kematian disediakan untuk warisnya. Dah dari sini kita nampak menyeluruhnya Selangor ini. Oleh yang demikian, oleh kerana kenapa kita boleh buat program sedemikian, kerana kecekapan, disiplin, kewangan yang ditunjukkan oleh YAB Pelabuhan Klang, Menteri Besar kita walaupun suara tak berapa sihat, suara tak berapa tapi tetap masuk mendengar juga aaaaaa. Inilah satu contoh yang terbaik. Negeri Selangor lain peneraju, Menteri Besarnya peneraju juga. EXCONya peneraju, ADUN nya juga peneraju, termasuk ketua pembangkang. Ha ini dia. Jadi seterusnya saya ingin menyatakan dalam konteks ini dalam Hari Raya yang lepas, Hari Raya Puasa, Hari Raya Aidilfitri. Kita diumumkan juga Kerajaan negeri bagi. Bagi apa. Jom *shopping* Hari Raya. RM500 setiap DUN. Kita bawa untuk jom *shopping* bagi mereka yang berpendapatan rendah, tak kiralah bukan tidak semestinya warga emas. Ha ini

tak pernah berlaku. Barisan Nasional tak pernah berfikir. Kemudian menjelang Deepavali ada lagi RM300 untuk teman-teman daripada masyarakat India. Dan sesungguhnya apa Hari Raya akan datang ada lagi banyak. Ha ...Taman Templer yang bijaksana sila teruskan.

Y.B. TUAN ZAIDY BIN ABDUL TALIB: Minta komenlah bila sebut tentang SMUE 2500 ini ada segolongan warga-warga tua yang berdemonstrasi melahirkan rasa tak puas hati minta Sekinchan tolong-tolong respons. Satu ketika dulu ada sekumpulan orang-orang warga emas ini berdemonstrasi.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ya terima kasih Yang Berhormat Taman Templer. Anak muda kita. Saya nak bagi tahulah dalam dewan yang mulia ini dan saya nak respon. Yang berdemonstrasi ini ada satu trend kita sudah nampak bibit-bibit dia. Dari mana kita nampak, senang saja. Menjelang pilihanraya ada demonstrasi, itu menjelang pilihan raya, ambang pilihanraya ada. Selepas pilihanraya tiada. Ini maknanya mereka ini dibawa oleh kumpulan-kumpulan yang tertentu untuk tujuan berpolitik. Nak jatuhkan air muka Kerajaan negeri itu sahaja. Gunakan media yang mereka ada cuba mengatakan kita tak bagi. Wal hal saya nak bagikan kisah benar di kawasan saya. Dulu "*bien*" dengan izin, dulu kalau skim mesra usia emas kita ambil borang, borang isi masuk ahli skim mesra emas kepada MCA, teman-teman MCA dan UMNO dia tak nak isi, dia kata "*ngapusi*" dengan izin tipu. Tak boleh, tak dapat, dia tak nak isi sebab ketua bahagian dia cakap, ketua cawangan dia kata begitu. Tetapi Kerajaan negeri sabar, sebab sabar itu sebahagian daripada iman. Kita sabar menghadapi dugaan dan rintangan. Setahun, dua tahun, tengok cara *style* Dato' Menteri Besar kita *steady* je. Kita tunggu tiga tahun selepas itu ramai yang dapat, waris dia dapat 2,500 heboh sekampung dan termasuknya jom *shopping* bersama ADUN. Waktu itu lah anjakan paradigma berlaku. Teman-teman daripada MCA termasuk bekas ketua kampungnya, ketua kampung pun setiausaha bahagian, datang jumpa saya. Ambil balik borang yang dia serah balik. Isi dan mereka sanjung Kerajaan negeri kerana bagi jom *shopping* itu tadi. Dan kebajikan ini. Ha ini, ini berlaku. Bukan apa yang dikatakan nak buat demonstrasi. Itu gimik politik orang tertentu. Ha saya tak tak siapa ya. Dan dalam konteks ini, Dengkil, mahu mencelah, ok tak apa.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD. SHARIF: Terima kasih Tuan Speaker, terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Tadi Yang Berhormat Sekinchan mengatakan banyak program-program merakyatkan ekonomi Selangor, jom *shopping*, skim mesra usia emas, apa lagi, tuisyen rakyat dan sebagainya. Saya nak tanya kepada Yang Berhormat tentang keberkesanan program ini. Saya ambil satu contoh. Satu contoh skim tabung warisan anak Selangor yang diuruskan oleh YAWAS. Sebanyak 313,000 jumlah kelahiran anak Selangor pada tahun 2008 hingga 2011 tetapi yang berjaya didaftarkan dalam skim TAWAS ini hanya lebih kurang dalam 60,000. Hanya lebih kurang meliputi 19% daripada kelahiran anak Selangor. 19% Yang Berhormat saya nak tahu keberkesanan skim ini. Terima kasih.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Timbalan Speaker, terima kasih kepada Yang Berhormat Dengkil yang mengungkitkan soal keberkesanan program

TAWAS yang dikendalikan oleh YAWAS. Saya mengaku memang ada kelemahan tetapi salah satu punca yang dikenal pasti TAWAS ini kita gagal mendaftar dengan secara menyeluruh adalah kurangnya kerjasama sabotaj daripada hospital-hospital kerajaan yang dikawal oleh Kementerian Kesihatan. Mereka takut nak beri kerjasama. Takut nampak Pakatan Rakyat, dia menggigil, gigil, menggigil, jadi tak beranilah sebab ada tekanan, tekanan, ada tangan-tangan ghaib belakang. Ha ini dia, jadi puncanya begitu, memang saya, saya juga mengaku ada juga kelemahan kita sendiri. Tapi pada masa yang sama kurangnya kerjasama daripada hospital-hospital berkenaan, hospital kerajaan. Maka dengan itu untuk merealisasikan, mencapai keberkesanan yang lebih optima, saya minta Dengkil mari kita bekerjasama. Boleh ya untuk kita jayakan. Tolong daftarkan pun tak apa ada borang kita boleh bawa. Dan Dengkil, Dengkil kena Yang Berhormat Dengkil kena hafal semua program Kerajaan Negeri supaya rakyat tanya boleh jawab. Jangan tak boleh jawab itu bahaya sebagai wakil rakyat. Nanti rakyat kata apa wakil rakyat program tak tahu. Ha tak boleh walau pun Pakatan Rakyat. Program nya, tapi kita kena tahu. Sekurang-kurangnya lah. Yang Berhormat Sri Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih. Saya nak tanya Sekinchan. Tahu kah Sekinchan bahawa ada arahan dari Kementerian Kesihatan Malaysia melalui Kementeriannya dengan ketulusan kepada semua hospital-hospital kerajaan di dalam Negeri Selangor untuk tidak letakkan borang-borang TAWAS di dalam hospital-hospitalnya. So, jawapannya saya ingat memang terang dah. Kita nak bagi semua orang yang lahir di dalam negeri Selangor tetapi saya tak tahu tak faham kenapa Kementerian Kesihatan Malaysia takut sangat dengan borang-borang ini diletakkan di semua hospital bersalinan di dalam Selangor. Masih sekarang pun teruskan juga dengan keadaan begitu juga.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, tuan Timbalan Speaker, terima kasih. Rakan perjuangan kita Yang Berhormat Sri Andalas yang menokoh tambah ya, memberi input tentang arahan, ha ini tengok ha nampak bukan saya reka-reka, saya tidak mereka-reka, saya mengemukakan hujah dengan fakta bukan auta. Maknanya ada orang lakukan sesuatu sabotaj. Bayangkan program bantu anak kecil borang pun mereka takut borang kita, hebatnya Pakatan Rakyat. Borang pun dia takut. Ha ... belum lagi berhujah, borang saja takut, borang TAWAS pun takut menggigil, ha ini dia. Tapi walau bagaimana pun saya nampak Yang Berhormat Dengkil dia bagus. Dia anak muda dia boleh tolong ya. Saya rasa dia akan boleh kerjasamalah dengan kita ini satu perkembangan yang sihat di dalam dewan negeri Selangor. Walau bagaimana dalam konteks jom *shopping* hari raya ini saya cukup kagumlah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ramai orang tak sangka ada jom *shopping* hari raya, sampai ada masyarakat India beritahu saya ada *shopping*, hari raya ada *shopping*, ha ini boleh begitu, begitu sanjung. Jom *shopping* untuk walau pun baucar dia tak besar 100 ringgit, tapi dalam keadaan bajet kurang manisnya subsidi dari gula, gulanya naik, dan juga minyak naik, kos saraan hidup tinggi, 100 ringgit membantu di kawasan luar bandar. Walau bagaimana pun saya menyerulah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar jumlah ini kalau boleh dipertimbangkan tahun hadapan dan seterusnya akan datang tidak semestinya tahun hadapan tapi apabila kekuatan

kewangan kita ada kita tambah 200 untuk *shopping* hari raya. Haa... ini hebatnya 200 dan acara ini oleh kerana sambutannya cukup luar biasa jadi kita jadikan acara tahunan. Ha ini dia kalau duit ini daripada Semesta atau mana-mana kita minta ini GLC ini kena bantu ya untuk menjayakan program kerajaan negeri.

Seterusnya saya ingin menyentuh tentang pentadbiran awam Tuan Timbalan Speaker. Ia bajet kita 1.85 bilion dalam tempoh masuk tahun yang keenam pentadbiran Pakatan Rakyat ini sesungguhnya perkhidmatan prestasi di PBT di Pejabat Tanah sudah meningkat secara umumnya meningkat. Dulu banyak karenah birokrasi, failnya kalau permohonan tanah, lanjutan pajakan untuk borang permohonan KM ke OAC dan sebagainya kalau tak ada laluan-laluan singkat dengan izin, borang nya permohonannya diletak di bawah-bawah. Ha ini yang berlaku. Tetapi sekarang sudah berlainan semua ada menunjukkan peningkatan dari prestasi Pihak Berkuasa Tempatan, dan juga Pejabat Tanah. Ha ini yang saya nampak. Walau bagaimana pun pada masa yang sama kita juga nampak ada kelemahan dan saya menyanjung di mana kerajaan cuba mengimplikasikan, melaksanakan satu rumah iaitu pejabat. Pejabat itu rumah. Di mana dia tidak mahu rakyat pergi ke PBT, Pejabat Tanah bayar cukai tanah, *assessment* beratur panjang sampai ke kaunter buka empat kaunter, malangnya seorang sahaja yang bekerja. Tanya kenapa tak datang cuti semua. Saya tak salahkan tapi perkara sedemikian bagi penjawat awam dan kakitangan kerajaan ini boleh diperbaiki supaya imej kita memberi perkhidmatan yang lebih proaktif kepada rakyat nampak di situ. Ini antara kelemahan-kelemahan yang saya nampak. Pada masa yang sama pengurusan permohonan tanah-tanah di Pejabat Daerah / Tanah seluruh sembilan daerah secara amnya sudah meningkat. Khususnya PTG, Pejabat Tanah Galian Negeri Selangor sudah mendigitalkan sistem *on line* di mana kita masuk nama, Sekinchan nama atau Meru boleh nampak mana ada tanah. Ha ini satu *reform* pembaharuan di bawah pentadbiran kerajaan Pakatan Rakyat. Tetapi masih ada lagi saya nampak saya akan puji di mana betul dan saya akan juga tegur walau pun pembangkang buat tak reti. Tapi saya akan tegur juga di mana ada kelemahan. Saya nampak masih ada sesetengah tempat ramai SO kita CADO kita, ADO kita ramai yang bab tanah mereka kurang fasih. Bukan mereka tak tahu kerja, kita tak boleh salahkan mereka.

Mereka dihantar daripada Putrajaya bahagian-bahagian yang berlainan bukan khusus untuk tanah, datang ke Selangor gred yang tinggi tapi mereka tak berapa hafal dengan tanah, kanun tanah negara akhirnya banyak masalah tanah-tanah di kawasan seluruh negeri Selangor terbantut lewat tidak mengikut *time frame* yang dijanjikan.

Rakyat tengok oh..berapa 3 bulan lanjutan tukar syarat dan sebagainya tengok, tapi 6 bulan satu setahun, masih ada di kawasan-kawasan tertentu ujud keadaan sedemikian, ha ini kelemahan yang saya nak sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar selaku Ketua CEO kita, kena bagi tahu kakitangan kita supaya perkara ini dapat dipertingkatkan demi kepentingan rakyat.

Dan juga di peringkat PBT saya nampak ada pusat sehenti *One Stop Centre* [OSE] bagus untuk mempercepatkan semua pelaburan, permohonan, kerosakan merancang

seluruhnya cukup bagus, tetapi masih ada setengah kakitangan pegawai kita dan juga Datuk Bandar sekali dan juga YDP tidak memberi kerjasama yang baik kepada rakyat, mereka sengaja atau dengan alasan kerenah birokrasi melambat-lambatkan permohonan (O.S.C.) ini berlaku. Jadi kalau Datuk Bandar, YDP dapat memainkan peranan yang lebih baik, pro-aktif, mesra rakyat, mesra alam, mesra rakyatlah maksudnya saya yakin keluhan rakyat di bawah semakin hari semakin kurang, saya kluatir kalau OSC ini ada kerenah sedemikian saya *takut One Stop Centre* sepatutnya percepatkan ia jadi *One Stop Stop* di situ. Ha *One Stop Centre* di situ ha ini teguran sayalah, ha saya harap perkara ini dapat diperhalusi, walau bagaimanapun saya juga memikirkan kebajikan untuk kakitangan kita.

Selangor hebat hari raya tahun ini sempena menyambut Idil Fitri kerajaan negeri pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar mengumumkan bonus satu bulan untuk kakitangan kita, lebih tinggi daripada peringkat persekutuan, kakitangan kerajaan kita begitu dihargai, ini saya menyokong sepenuh-penuhnya mereka bekerjasama dengan baik, kena kita bagi imbuhan yang setimpal supaya menggalakkan mereka lebih berperanan dengan itu tambahan saya nak beritahu Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar susulan daripada itu sekarang kita dah beri satu bulan memandangkan ini akhir tahun lagipun bajet kita berimbang dan juga rizab kita stabil dan kukuh ini akhir tahun cuti sekolah lepas cuti sekolah akan buka sekolah, kalau buka sekolah maknanya perbelanjaan tambahan untuk kakitangan kita anaknya, kos saraan hidup gula naik, minyak naik mereka pun terdesak juga, duit dulu hari raya habis dah, bagi habis, habis dah.

Jadi saya mengesyorkan dengan sukacita mengesyorkan kepada Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kalau boleh dalam masa terdekat umumlah, setengah bulan ke tambahan kepada kakitangan kita untuk mereka, bantu mereka hargai mereka supaya mereka bekerja lebih kuat menjayakan Agenda Merakyatkan Ekonomi Pembangunan Negeri Selangor. Saya yakin Yang Amat Berhormat Tan Sri pasti setuju dalam bab ini, ha, ha bab ini pasti kena setuju lah, walau apa pun ha,ha..

Tuan Timbalan Speaker, saya nak nyatakan juga tentang satu kes lagi, satu isu yang saya kira penting, saya pernah bangkit dalam dewan tiga tahun yang lepas kes ini berkaitan dengan pusat Kebudayaan Melayu Cina dan India di negeri Selangor. Ini satu cetusan idea yang begitu baik, Selangor ini kita kaya dengan warisan kebudayaan pelbagai kaum, Melayunya cinanya, India seluruhnya ada warisan budaya yang tersendiri yang unik, kalau kita susun semula dicungkilkan diketengahkan kepada para pelancong-pelancong, saya yakin dia sebagai satu produk pelancongan tourism kita akan semakin hebat di Selangor.

Dan cadangan walaupun ini idea Pusat Kebudayaan ini sebenarnya idea kerajaan yang dulu tetapi oleh kerana idea dia bagus kita menyambung kesinambungan dan pilihan raya penggal yang lepas kita cuba berusaha untuk selesaikan untuk bina tetapi alangkah malangnya sampai hari ini saya nampak berita tentang kebudayaan ini masih tak berapa, jadi saya tidak saya pernah maki dalam dewan bola itu dihantar kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan [*mana Yang Berhormat Bukit Lanjan ha dia keluar*]

kemudian dihantar dulunya kepada Kinrara, ha dulu lah, sekarang saya tak tahu lah, jadi saya nak minta Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita nak pastikan *time frame* untuk pembinaan Pusat Kebudayaan, saya mahu dalam tempoh, kalau 2 tahun beri 2 tahun kalau 3 tahun beritahu 3 tahun kalau 5 tahun beritahu 5 tahun kita nak satu tarikh supaya boleh di realisasikan bukan *omong-omong kosong yang enggak bisa jadi kenyataan*, ha ini saya minta di perhalusi dan diperhatikan dalam perkara ini.

Dan seterusnya saya juga nak sentuh sedikit dalam laporan audit saya sebagai pengerusi PAC walaupun sekarang kita lebih tumpukan kepada kewangan negeri tetapi dalam GLC juga saya nampak ada satu perkara yang perlu saya pernah melawat tentang PKPS, tentang PKPS ini [Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor] saya nampak ada kemajuan di PKPS, khusus yang mengurus ladang-ladang kelapa sawit, Jelutong Jati, di Sabak Bernam dulunya, buah kelapa sawit pun boleh hilang, baja order bertimbun-timbun, akaunnya tahun bajanya banyak ditaburkan, buahnya tak ada apabila PAC waktu itu saya datang bersama Yang Berhormat Kajang yang dahulu kita teliti rupa-rupanya buahnya ada orang bawa ke lain tak masuk akaun buahnya, tetapi sekarang lain di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar buahnya dicari nampak balik buahnya, buah sawit lah.. nampak balik buahnya jadi hasilnya bertambah ha ini satu pendekatan yang saya nampak memuji dalam dewan yang mulia ini.

Tetapi dalam konteks memajukan pertanian bukan sahaja ladang kelapa sawit, jangan lupa PKPS ada satu anak syarikat, namanya apa? Selangor Oil Palm Corporation iaitu SOPIC, SOPIC ini dulu menguruskan ladang kelapa sawit, tetapi dalam teguran audit, penemuan audit Selangor Food Valley di Rawang lebih-lebih berapa 1,000 lebih ekar di situ, belimbing yang ditanam, betiknya pisang berangannya, nanasnya tak menjadi, waktu PAC mengadakan lawatan dulu, waktu Barisan Nasional saya PAC juga selepas kita menang saya PAC juga pergi ke situ nampaknya baik hasil peningkatan ada, nampak baik tapi rupa-rupanya tak bertahan lama, tak bertahan lama dan saya fikirkan ini adalah satu cara kosmetik sahajalah apabila ada lawatan PAC mereka cuba bagi laporan yang lebih baik caranya kosmetiknya, gincunya tetapi hakikatnya tidak mencapai hasil.

Saya harap dalam kes PKPS ini kita boleh bukalah ladang dia tu kepada mana-mana *group* pertanian yang punya pengalaman khusus boleh tanam, tak kira dia Melayu ke, cina ke, India jangan kira bangsa tanam buah ni Tuhan tak kira bangsa, jangan ada kouta-kuota tertentu sebab tanam buah ni kalau kita bekerja kuat, cocok tanam dengan baik cina tanam pun jadi, Melayu tanam pun jadi, India tanam pun jadi, membuah hasil. Sesungguhnya. Jadi saya minta ramai petani daripada Sekinchan yang boleh tanam jagung, boleh tanam mangga dan sebagainya, boleh dijemput menyertai program supaya kita nak jayakan Selangor Fruit Valley jangan terbengkalai begitu saya nampak pun sakit mata, belanjanya tinggi kalau saya nak ulas satu persatu, belanjanya tinggi ha ini sepatutnya kita buat anjakan paradigma juga.

Ladang kelapa sawit kita sudah berjaya cari balik buahnya sawit, tetapi di dalam Selangor Fruit Valley kita masih gagal, Yang Berhormat Kota Anggerik sudah tentu tahu

EXCO pertanian yang dulu, tetapi perkara ini masih belum di atasi, oleh yang demikian, ia sesungguhnya berharap pemantauan daripada jawatankuasa dewan ini memainkan peranan yang cukup baik, oleh sebab dewan ini dewan negeri yang cukup pro-aktif pembaharuannya jadi kita ada jawatankuasa tertentu, iaitu jawatankuasa ABBAS, PAC, SELCAT, PBT, PADAT kita sama-sama bantu, tujuannya bukan apa bukan kita nak salahkan sesiapa tapi nak memperkasakan pentadbiran Kerajaan negeri Selangor sama ada di peringkat kerajaan negeri dan di peringkat GLC jangan kita terlepas pandang, GLC ni, saya tahu Yang Amat Berhormat sudah tentu cukup sibuk banyak kerja hendak dibuat, GLC bukan sikit di Selangor jadi kalau boleh saya harap Yang Amat Berhormat boleh hantar wakil-wakil EXCO dan sebagainya untuk bantu siasat mana GLC yang kurang *perform* di *performkan*.

saya yakin kalau begitu, kalau begitu caranya bukan seorang boleh buat semua sebab *one men show* ini tidak bertahan lama, *One Men Show* ini tidak bertahan lama, kita kena ada team work sekarang zaman globalisasi, ha *team work* inilah baru bisa kita mencapai meneruskan kecemerlangan, seperti Pakatan Rakyat kita ada *team work*, *team worknya* di bawah CEO kita Tan Sri Menteri Besar kita ha ini kita mencapai kejayaan menang tambah kerusi, ha ini *team work* kalau kekuatan seorang *gak bisa dong [dengan izin] gak bisa*, jadi saya harap perkara ini dapat dipantau.

Dan saya ingin menyentuh satu perkara lagi tentang MARRIS, ada pihak pembangkang pun mereka prihatin tapi terlebih prihatin pun ada mereka terlebih prihatin mereka mencari kesalahan tapi tak apalah kalau teguran itu bagus, saya nampak dalam peruntukan MARRIS, ini dia sudah banyak membantu rakyat di Negeri Selangor, setiap tahun saya contoh DUN Sekinchan, setiap tahun kalau 2 juta DUN Sekinchan cukup hebat pembangunan, jalan-jalannya yang dulu kalau dulu tidak dinaik taraf, diturap longkangnya yang tersumbat sekarang mengalir dengan bagus dan jalannya sentiasa baru, sentiasa baru ada rakyat yang datang tanya saya, eh dulu kenapa tak boleh buat, sekarang selalu ada buat, dia tanya macam tu, dan dia tanya lagi kenapa? you orang sudah menang pilihan raya boleh kerja, rupa-rupanya dalam mentaliti rakyat di kawasan luar bandar mereka ada satu persepsi pilihan raya baru buat jalan, turap jalan itu *style* yang ditanam di *trainkan* oleh Barisan Nasional, apabila sudah sampai tahun ke-4 ho.. siang malamnya,

Dulu pilihan raya kecil di Ijok, ho..ho.. malam pukul 1.00 jalan diturap, pukul 1.00 Sekinchan lalu dulu saya pembangkang kita balik ceramah masih turap lagi Sungai Pinang pun pembangkang pada waktu itu bersama saya, eh pukul 1.00 tiba-tiba kerajaan begitu pro-aktif turap jalan, rupa-rupanya selama ini kawasan EXCO pun dia tak turap tetapi budaya ini kita kikis, Pakatan Rakyat di bawah Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar kita agihkan setiap tahun, maknanya ada perlu kita buat bukan tunggu pilihan raya. Jadi mari sini kita ucapkan terima kasih cuma saya nampak dari segi pengagihan itu ada masalah, ada kawasan dapat lebih sebab jalannya tapi Sekinchan kalau 2 juta ada lebih pun boleh juga, saya tak tolak rezeki jangan ditolak ha jangan ditolak ya ada lebih saya mengalu-alukan, tapi teman-teman saya yang lain ada yang perlu lebih.

Y.A.B. Dato' Menteri Besar kena... ya... *review* balik, *restructure* mana yang lebih kena bagi lebih. Itu satu, yang kedua ada keluhan daripada Majlis. Apabila duit itu di salur kepada Majlis lain tetapi sekarang modus operandinya penyaluran MARIS ini ditunjukkan tajuknya dan ADUN tunjuk mana yang prioriti yang perlu diutamakan, hah! Ini satu sistem yang cukup baik. Ini yang diminta oleh ADUN. Jadi sekarang praktis bagus. Tajuknya dah sudah sampai, harganya dah ada dan kemudian Pihak PBT hantar kepada UPEN, Unit Perancang Ekonomi dan ditapis seluruhnya ditapis. Selepas ditapis diluluskan beberapa projek. Projek panggil tender sebut harga, jalan... turap sini, turap sana dan rakyat pun gembira.. ok... kemudian pembayaran berlaku. Apa yang berlaku? Ada pembayaran tak boleh jadi tak boleh bayar, kenapa tak boleh bayar? Jalan tak betul spek... hah kalau tak betul spek jangan bayar itu betul tapi kalau betul semua kenapa tak bayar? Rupa-rupanya selepas kelulusan UPEN, projek dijalankan perlu lagi kelulusan daripada PWN sebagai penjaga terakhir benteng akhir jaga duit tu. Kalau PWN, *say no this project* (dengan izin) tak *recognise* hahhaa... berlaku di Sabak Bernam kawasan saya tahun lepas RM400,000 lebih tidak diperakukan oleh PWN. Akhirnya Majlis terpaksa bayar sendiri. Maklumlah Majlis Daerah Sabak Bernam daif, tak ada duit jadi bagaimana... walaupun Kerajaan nak bantu saya tahu tapi ini saya pertikaikan modus operandi dan mekanismanya masih ada masalah. Saya cadangkan kalau boleh disalurkan sebahagian besar kepada Majlis tetapi perlu ada pemantauan mana kerja nak dibuat oleh ADUN. Bukannya ADUN nak masuk projek tidak.. tidak tapi kita dah tahu mana keperluan. Hah! Ini mungkin boleh mengurangkan kerenah birokrasi dan mengurangkan masalah tidak dibayar kepada kontraktor. Hah! Ini sistem dalam MARIS ini yang saya minta. Seterusnya dalam Dewan yang mulia ini saya nak nyatakan satu perkara saya telah membahaskan perkara dan masalah serta perjuangan untuk pembangunan Negeri Selangor saya juga ingin membangkitkan satu perkara yang cukup mustahak untuk tentang perjuangan kebajikan Ahli Dewan Negeri Selangor ini. Sebagai Ahli Dewan Negeri Selangor ini sama ada di pihak Kerajaan dan Pembangkang. Semalam kami begitu gembira, kerana ada satu sebutan yang begitu menakjubkan. Sebutan yang begitu menakjubkan dan saya cuba-cuba cuba ulangi dalam ini dengan gayanya walaupun bukan sebagai Menteri Besar tapi gayanya... gayanya... *style* mesti mahu jaga. Dalam hubungan ini, setelah bermenung beberapa ketika bermenung maknanya berfikir.. ha ha ha bermenung beberapa ketika lantas memahami serta mengakui, mengakui bahawa tangga gaji yang tidak setara dengan beban dan tanggung jawab berat yang perlu dipikul oleh semua Ahli Dewan Negeri apa tah lagi Selangor mempunyai penduduk yang paling ramai di Malaysia iaitu melebihi 5.65 juta orang maka dengan itu Yang Amat Berhormat berkata, menyatakan dalam pembentangan tersebut, saya ingin mencadangkan agar satu ayat yang menakjubkan untuk agar satu kajian (ketawa) agar satu kajian yang ini ayat yang paling menakjubkan dalam sejarah pembentangan bajet. Menakjubkan kajian, skim gaji, pencen, gratuiti dan elaun bagi Speaker, Timbalan Speaker, Ahli Dewan dijalankan. Bagaimanapun.. hah ada syarat dia..syarat-syarat.. Bagaimanapun sebarang kenaikan gaji dan elaun Ahli Dewan hanya dilaksanakan sekiranya kesemua ADUN dalam Dewan yang mulia ini bersetuju terhadap Usul dan Quantumnya tidak lebih 75%. Saya nak nyatakan kepada Yang Amat Berhormat...

TIMBALAN SPEAKER: 75% daripada apa tu?

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Daripada Sarawak.

TIMBALAN SPEAKER: Hah! Betul.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: *Seventy Five percent* daripada gaji hakiki ADUN di Sarawak. Pagi sampai ke petang saya merenung.. bukan menung sebentar tapi menung terlalu lama dan saya tengok Sg. Burong tadi pun dia ada kata ayat yang menakjubkan kajian, dia mewakili suara pembangkang. Suara pembangkang dan dalam konteks Sg. Burong sekarang kita sudah bagi, kita bagi apa? Bagi elaun tambahan, Sg. Burong kita bagi elaun tambahan RM8,000.00 lebih, keretanya saya perjuangkan kereta saya beritahu Sg. Burong keretanya jangan kereta apa Inspira kalau boleh kereta Honda Accord, pembangkang kita sayang, sayang pembangkang sebab pembangkang bagi idea untuk memantau kita jadi kita bagi kalau boleh Honda Accord ataupun Camry. Hah! Itu Selangor bisa lakukan. Elaun lagi, campur-campur RM8,000.00, iktiraf pembangkang dan tadi pagi, dia kata kajian, dia pun nampak ni.. kajian maka dia mewakili suara pembangkang, pembangkang pun setuju semua termasuk juga Ahli Dewan di Pakatan, maka bagaimanapun sebarang kenaikan gaji dan elaun Ahli Dewan hanya wajar dilaksanakan sekiranya kesemua Ahli Dewan bersetuju. Dan apa kata semua setuju sila katakan ya..ya...ya..hah! suaranya

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat... Yang Berhormat bukan Speaker sekarang ni ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Minta maaf... minta maaf... saya minta izin pinjam sementara.. hah! Saya minta izin

TIMBALAN SPEAKER: Walau bagaimanapun Speaker setuju tetapi Yang Berhormat bukan Speaker sekarang ya.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tapi yang setuju tepuk lah meja sikit.. (tebuk meja) hah!.. yang tak setuju dia nak terima dia tak berani nanti takut kena disiplin... kena disiplin jadi Yang Amat Berhormat sudah terang lagi bersuluh.. ya maknanya tak ada konflik lagi kita bukannya nak bermewah di Negeri Selangor. Saya nyatakan di sini, kita bukannya nak bermewah soal saraan hidup ADUN ini dengan elaun di Negeri Selangor RM6,000.00 sekarang. RM6,000.00 komitmen yang besar, di kawasan hujung minggu, kad jemputan kahwin 5 untuk masyarakat Melayu, 4 untuk masyarakat Cina. Bayangkan.. orang Melayu ni budaya ada, Cina pun ada. Meru 15, dia lagi hebat sebab Meru ketua PJ, Kumpulan 52 lagi *famous* ramai orang jemput, kita pergi salamnya jangan kosong. Budaya orang kampung, Tuan Timbalan Speaker, salamnya...hah! ada juga buah hati... ada juga untuk...

TIMBALAN SPEAKER: Buah tangan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Hah! Buah tangan... buah hati pulak. Buah tangan saya perbetulkan. Buah tangan ada juga angpau.. ini budaya kita bukan sogok. Oh! Sogok

tak boleh... Tan Seri marah dengan sogok... sogok jangan. Kita tak sogok rakyat tapi ini budaya adat resam. Jadi bagaimana dengan elaun RM6,000.00 jaga rakyat lagi, jaga kawasan lagi, jaga isteri lagi, anak... isteri kena jaga..jaga., kena jaga semua jadi macam mana nak merakyatkan ekonomi keluarga sendiri tak merakyatkan (ketawa) macam mana nak merakyatkan ekonomi tak boleh, saya keluh gelisah suara hati ini semua Ahli Dewan. Semua tahu perkara ini, semua tahu. Saya bukan nak minta untuk bermewah tapi ini cukup serius. Anak-anak yang kalau ada anak empat, itu baru empat ada lapan? Meru berapa? Hah! Yang Berhormat Kota Anggerik 10, pero, toru, lapan dengan izin nak masuk Universiti. Kalau anak tu tak berapa pandai. Pandai-pandailah tak berapa sangatlah dapat semua A. JPA tak dapat, Yayasan Selangor tak mencukupi syarat, biasiswa Kerajaan Negeri tak dapat, dapat hadiah masuk Universiti RM1,000.00. Itu insentif.. macam mana nak bagi? Tiap-tiap bulan datang RM1,000.00 untuk kolej, RM1,000.00 untuk Universiti. Kalau empat, RM4,000.00 ADUN hutang keliling pinggang. Ada ADUN yang beritahu saya terpaksa nak pinjam, bercadang nak pinjam dengan Along.. bukan saya nak riuhkan Dewan ini mungkin berlaku dan kredit kad sampai *over limit* kerana tanggungan tak berbaloi dan dalam konteks ini Yang Amat Berhormat Tan Seri paling layak membicarakan sebab tak ada orang yang ber...taraf dia CEO, tak ada orang dalam Dewan ini yang pernah pegang Gutrie, PNB tak de... saya Sekinchan jauh sekali... jaga bendang sahaja tapi Yang Amat Berhormat tokoh korporat yang bukan keparat jaga seluruhnya sebagai CEO kalau berkat kerja yang ditunjukkan oleh Yang Amat Berhormat Tan Seri, elaunnya kalau di luar bukan Menteri Besar, sekarang tahu bagaimana kerja Menteri Besar, saya memantau.. saya pusing SUK kalau ada masa.. nak tengok siapa kerja ke tak bekerja. Hah! Minta maaf pecah rahsia pulak... saya pusing jumpa Yang Amat Berhormat susah sebab dia asyik meeting aje. Pagi, saya pukul 8.00 kereta dah ada. Pukul 8.00 sampai ke SUK, kereta Menteri Besar dah sampai, saya agak Menteri Besar tak tidur ke ni... tak tidur... buat kerja.. Mesyuarat urus tadbir sampai pukul 7.00 tak balik lagi dan kadang-kadang mesyuarat EXCO saya pergi jenguk-jenguk nak tunggu jumpa EXCO pukul 10.00 pagi mesyuarat EXCO sampai ke 3.30 petang. Fuhh! Proaktif ni Selangor jangan main-main... Selangor Maju sampai tengah hari pun tak makan berpuasa jimat sampai begitu. Hah! Ini.. ini saya nak menunjukkan bagaimana prestasi kerja Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar dan EXCOnya termasuk Pegawai Kewangan dan sebagainya. Ya, Penasihat Undang-Undang, Dato' SUK seluruhnya... ini budaya kerja baru tapi saya dah tengok semalam dengan Enakmen Anggota Pentadbiran dan Ahli Dewan Negeri 1980, 80 ya Yang Berhormat Tunku... 80 saya dah tengok dan saya dah baca satu persatu, saya rasa bukan sahaja semakan terhadap ADUN sahaja, EXCO dan Menteri Besar, Speaker termasuk jugak Timbalan Speaker, Tuan Timbalan Speaker kena di semak menyeluruh. Saya tengok di sini, RM14,175.15 itu elaun hakiki Menteri Besar Selangor, CEO Guthrie, bekas CEO PNB kalau di luar RM120,000.00 *any time any way* (dengan izin), ya... RM120,000.00 Tan Seri pernah dapat, saya tahu... hah! Dia angguk tu ada, hah!hah! angguk tu ada. Mana cukup dengan 14 kurang-kurangnya ditambah sampai RM30,000.00 barulah standard Selangor Peneraju Ekonomi dan Dewan Negeri Malaysia. Kurang-kurangnya... setuju atau tidak... (setuju) dan seterusnya EXCOnya, EXCO ini semalam kita berjumpa dengan Ahli Parlimen United Kingdom, saya dengar daripada A to Z, *Chief Minister*, hoh! nama bukan hebat Menteri Besar dan Yang Berhormat Sg. Pinang, *State Minister*, hoh!! hebat.. senior EXCO kalau di Sarawak

Menteri Muda ada, Menteri Kanan, Kiri pun ada.. Menteri... tarafnya berapa, nanti saya ada baca ni untuk makluman Dewan yang mulia, EXCOnya RM6,109.29 itu untuk EXCO, saya rasa ni tangga gaji yang terlalu tidak setimbal terlalu rendah, EXCO, Menteri Negeri Selangor ni seratus peratus naik kalau 15,000 ok lah, Menteri Besar 30, EXCO 15. Speakernya pun 15, ehh Speakernya kena lebih tinggi, Speaker tarafnya protokolnya... protokolnya dengan izin lebih tinggi daripada EXCO jadi kena tinggi lagi elaun untuk Speaker dan seterusnya Timbalan Speaker, saya tidak lupa dengan Timbalan Speaker, saya tidak lupa...RM3,300 hah tersasar sedikit dengan Speaker ni...RM3,327.50, Tuan Timbalan Speaker, tak cukup di Selangor kena naiklah sampai RM7,000.00 hah! Ini Speaker barulah Timbalan Speaker caranya sebab Selangor ni jadi kita bukan nak bermewah sekurang-kurangnya keluarga boleh jaga boleh tumpukan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat, kualiti yang terbaik kepada rakyat supaya pilihan raya ke-14 yang akan datang kita menang lagi besar di Negeri Selangor. Hah! Ini yang kita hendak. Saya tahu ada kawan-kawan daripada Barisan Nasional ramai mereka tak hairan sangat.. dulu...dulu.. kalau sekarang pun ada satu dua lah. Dulu.. zaman saya pembangkang, 2004, saya tengok elaun RM4,112.79 tapi tanya kepada wakil rakyat Barisan Nasional waktu itu mereka tak hairan siapa, zaman arwah Zakaria, Dr. Khir Toyo.. tak hairan sebab mereka banyak projek.

Sapu kiri, sapu kanan, sapu tanah, sapu projek, sapu pasir, sapu saham, sapu air, air pun sapu, akhirnya bagi penyapu pula. Ini cerita dululah, saya terpaksa. Minta maaflah kawan-kawan ni walaupun dia setuju tapi saya kena ungkit jugalah perkara ini. Ini yang berlaku. Dan dulunya kalau ada Barisan Nasional, mereka tak hairan. 1 penggal Wakil Rakyat, rumah besar. Ada yang bertaraf banglo pun ada, ada yang bertaraf istana macam Arwah Zakaria dan Dr. Khir Toyo pun ada. 2 penggal lagi hebat. 3 penggal lagi hebat. Rumah besar, kereta besar. Mercedes mata belalang itu biasanya, dululah, dulu zaman mata belalang itu hebat dulu. Isterinya pun besar. Eh, dengan izin isterinya ramailah. Keluarga besar. Jadi itu antara contoh-contoh yang berlaku dulu. Tapi sekarang saya nampak dengan kaedah Pakatan Rakyat kita telus. Jaga rakyat, berkhidmat untuk rakyat, tidak melibatkan diri daripada gejala rasuah dan sebagainya. Jadi elaun ini cukup penting seperti Singapura. Mereka tinggikan elaun untuk Ahli Parlimen, Menteri ya, semuanya Presiden dan sebagainya Perdana Menteri. Kita tak boleh dalam pepatah Cina (Bahasa Cina). Dengan izin, saya terjemahkan. Nak suruh kuda itu, kuda, kuda itu berlari laju, kuda, kuda, tapi tak bagi kuda makan.

Tan Sri, jadi ini satu perkara yang cukup saya rasa cukup penting. Oleh yang demikian, oleh yang demikian saya sudah cukup, Tan Sri sudah bagi tahu oleh kerana Tan Sri khuatir tak ada persetujuan daripada semua. Jadi kajian ayat yang menakjubkan itu diletakkan. Tapi oleh kerana sudah sokongan padu daripada semua pihak, dalam konteks ini kita tak ada politik ya, semua orang tak ada masalah. Kuang pun dia setuju dengan saya. Kalau walaupun dia senyum-senyum tu, adalah ada maknanya tak apa. Kita setuju semua termasuk Ketua Pembangkang. Jadi persetujuan sudah ada. Jadi kajian itu, ayat itu kena dikeluarkan. Jadi kajian kena dikeluarkan saya minta kita proaktif. Dalam 2, 3 hari minta PWN buat *paper*, minggu depan boleh masuk Dewan, tukar enakmen-enakmen kita, ubah dan kita boleh naikkan. Berkuat kuasa bulan 1 pun tak apa. Sekurang-kurang permintaannya kuantum ha, ini soal kuantum.

Kuantum untuk ADUN ini 75% seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Dan Yang Amat Berhormat sudah membendung banyak kali. Kalau 75% ini kita pergi ke 80% lebih baik. Sebab apa? 80% kemenangan kita empat pertiga, 80%. Ha, setimpal 80%, RM12,000.00. Ha ini cukup baik. Dan ada lagi satu permintaan saya. Memandangkan setiap Pusat Khidmat punya pegawai-pegawai dan setiap hari didatangi dengan kawan-kawan MCA, UMNO pun datang ambil borang. Dulu takut borang sekarang suka borang. Semuanya ada kita berkhidmat tiap-tiap hari pejabat kita penuh dan rakyat selalu datang berhubung dan interaksi dasar kerajaan dengan rakyat dan perbelanjaan di kawasan pejabat itu cukup tinggi, cukup tinggi. Memandangkan Pulau Pinang dan Kedah, ho Kedah, Kedah pun dah naik elaun. Kedah dah lain dah. Sarawak naik, Kedah naik, Parlimen pun akan naik. Jadi trend ini, satu trend, arus, satu arus. Jadi kita jangan menongkah arus. Oleh yang demikian perbelanjaan pejabat dan kerani-kerani kawasan yang Kerajaan Negeri bagi dulu RM10,000.00 saya rasa kena tambah lagi RM16,000.00 seperti di Pulau Pinang. Pulau Pinang RM16,000.00. Saya dah *check* dah, RM16,000.00. Cukup untuk menjaga semua. Jadi saya harap Yang Amat Berhormat, kajian itu dikeluarkan dan kalau boleh di serta-merta kan pada minggu hadapan. Jadi untuk kebajikan ADUN-ADUN ini dapat dijaga, kakitangan kerajaan dijaga, seluruhnya Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. Dan Yang Amat Berhormat, gaji Yang Amat Berhormat kena RM30,000.00 paling kurang ya. Ini yang saya minta. Jadi saya pun tidak mahu hurai terlalu panjang. Memadailah dengan suara hati, masalah rakyat kita dah bangkitkan dan bajet yang kita, Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar bentangkan sebagai rumusannya cukup, cukup menyeluruh dan dapat menjaga semua. Cuma ada satu saya nak bagi tahu implementasinya jangan terlalu banyak kerenah birokrasi dan saya harap rizab yang digunakan RM430 juta tahun hadapan termasuk pembangunan desa dapat dimanfaatkan di seluruh kawasan luar bandar. Ini yang dinanti-nantikan oleh seluruh rakyat Negeri Selangor. Jadi saya menyokong usul ini dengan akhir kata (Pantun Jawa). Maksudnya, makan nasi di bawah tangga, ikan puyu di dalam paya, janji BN *kapik orang kuno, mengapa siwong kino kino*. Janji Barisan Nasional semua tak guna, tipu orang hari-hari. Sekian sahaja terima kasih. Sekian.

TUAN SPEAKER: Hulu Klang.

Y.B. TUAN HAJI SHAARI BIN SUNGIB: *Bismillahir rahmanir rahim*. Tuan Speaker, terima kasih di atas peluang yang diberikan bagi saya untuk terlibat dalam membahaskan belanjawan yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar dan saya ucapkan terima kasih kepada Dato' Menteri Besar dan Kerajaan Negeri Selangor yang telah membentangkan satu bajet bertemakan Belanjawan Berhemat dan Berimpak Tinggi Maslahat Rakyat.

Tuan Timbalan Speaker, dalam tema bajet kali ini terkandung 3 istilah kalimat yang hebat-hebat yang dalam maknanya iaitu berhemat, impak dan maslahat. Bagi saya, saya sudah menyemak beberapa definisi berhemat. Antaranya, berhemat boleh difahami sebagai cermat atau dengan izin *thrifty careful*, juga hemat bermakna *froogle careful in spending*, dengan izin di mana *froogle* bererti cermat, sederhana. Manakala menghematkan bererti *to economize* ataupun *to save*. Hemat juga bererti cagar iaitu

wary, countinous, careful, berhati-hati iaitu *to be couches, careful, continiously country*. Dengan itu berhemat membawa erti berdikit-dikit, membelanjakan wang iaitu berjimat dengan kata lain kalau tidak berhemat membelanjakan wang kita tidak dapat menyimpan. Berhemat juga membawa maksud berhati-hati, berawas-awas, berjaga-jaga, ingat sebelum kena berhemat sebelum habis.

Tuan Timbalan Speaker, saya dalam kajian saya tentang istilah hemat ini saya tak jumpa perkataan kedekut. Jadi itu selalu yang didakwakan kepada Dato' Menteri Besar, kedut, tak jumpa istilah kedekut. Juga tidak timbul istilah lokek ataupun bakhil. Jadi perkataan hemat ini membawa implikasi yang cukup positif iaitu berjaga-jaga, berawas untuk masa depan, menyimpan untuk rakyat. Sebagaimana yang terkandung dalam surah Al-Quran, surah Yusuf. Perkataan impak membawa makna kesan, dampak ataupun pengaruh yang kuat. Jadi maknanya, tema kepada bajet kali ini menegaskan perihal pentingnya satu pengaruh yang besar dalam pelaksanaan bajet yang telah dibentangkan oleh Dato' Menteri Besar. Yang menariknya dalam istilah seterusnya adalah maslahat. Kalimah maslahat ataupun daripada Bahasa Arabnya, masalah bererti suatu yang mendatangkan kebaikan, keselamatan, faedah dan sesuatu yang sangat berguna. Dalam Islam, syariat diturunkan kepada manusia dengan diiringi penjelasan bahawa matlamat penciptaan manusia itu adalah supaya mengabdikan diri kepada Allah. Para ulama menyebut kepentingan dan kebajikan manusia, kepentingan dan kebajikan manusia sebagai maslahat. Oleh kerana itu di dalam Islam terkandung 3 peringkat maslahat. Pertama yang dikatakan sebagai Maslahat Dharuriyyat, kedua Maslahat Hajiyyat dan ketiga Maslahat Tahsiniyyat yang boleh didefinisikan sebagaimana yang telah didefinisikan oleh ulama besar dan pengasas Ilmu Maqasid Syariah As-Syatibi menegaskan bahawa Maslahat Dharuriyyat adalah dihuraikan dengan sesuatu yang diperlukan oleh manusia di dalam kehidupan di dunia bagi memastikan kehidupan mereka berjalan dengan keadaan yang normal dan tidak terancam. Sekiranya maslahat ini tidak dijaga maka kehidupan manusia akan berjalan dalam keadaan yang pincang dan melarat. Jadi itu definisi pertama tentang maslahat walaupun secara bersahaja sahaja tema itu menggariskan perkataan masalah rakyat tetapi implikasinya besar sama ada maslahat itu berbentuk Dharuriyyat yang boleh membawa kepincangan kepada kehidupan rakyat dan hingga membawa kepada satu kemalaratan.

Kedua adalah Maslahat Hajiyyat yang diertikan perkara yang diperlukan oleh manusia untuk memudahkan perjalanan hidup mereka. Sekiranya perkara itu tidak wujud, maka kehidupan manusia tidak akan pincang tapi mereka berdepan dengan sedikit kesusahan dan kepayahan. Mereka berhajat kepada maslahat tersebut. Ini peringkat kedua. Dan peringkat ketiga adalah Maslahat Tahsiniyyat yang dinilai menepati kebiasaan manusia dan menjauhkan diri perkara-perkara yang boleh mencacatkan di segi penilaian adat kebiasaan yang membawa kepada nilai politik kehidupan yang sempurna.

Tuan Timbalan Speaker, tema ini sekali gus membawa 3 implikasi penting. Pertama, permasalahan kemiskinan. Kedua, permasalahan kemakmuran dan ketiga kesempurnaan hidup berkualiti. Jadi tema yang berkaitan dengan masalah rakyat itu

membawa 3 bidang yang perlu kita tangani cara terperinci iaitu isu kemiskinan. Dengan bertemakan masalah rakyat sekali gus belanjawan Selangor 2014 meletakkan matlamat untuk mewujudkan. Saya melihat, saya melihat bahawa tema bajet kali ini menggariskan 3 matlamat yang tidak boleh tidak perlu dicapai dan perlu direka hias dan di *engineer* dengan izin oleh kerajaan dalam pelaksanaannya. Pertama sekali dari segi Dharuriyyat, rakyat mesti dibebaskan daripada kemiskinan. Itu yang pertama sekali. Pelaksanaan bajet ini hendaklah dengan *mind set* dengan *hard set* bukan hanya dengan kerangka minda tetapi kerangka hati untuk membebaskan rakyat Selangor daripada gejala kemiskinan. Itu yang Dharuriyyat.

Keduanya, apabila kita berkata masalah rakyat bererti rakyat mesti hidup dalam kemakmuran. Pelaksanaan bajet ini membawa kemakmuran. Itulah Hajjiyyat.

Dan ketiga, kita mesti mampu meningkatkan kualiti hidup rakyat yang tinggi iaitu Tahsiniyyat.

Tuan Timbalan Speaker, merujuk kepada 3 peringkat matlamat ini sudah pasti membasmi kemiskinan merupakan keutamaan yang paling tinggi sekali. Inilah matlamat yang perlu kita tegaskan dalam bajet ini sehingga setiap pemimpin sama ada Menteri Besar, Ahli-ahli EXCO, Wakil-wakil Rakyat, Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan ataupun warga kerja Kerajaan Negeri Selangor hendaklah dengan kerangka fikir, kerangka hati, kerangka akal fikiran, akal budi menggerakkan usaha sedaya upaya kita dengan penuh keikhlasan untuk berusaha membebaskan rakyat Selangor daripada kemiskinan. Ini adalah satu yang dikatakan Dharuriyyat, satu yang darurat keadaan status yang perlu kita gerakkan ini.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB: Ahli-ahli Dewan yang dimuliakan dengan paras garis kemiskinan sebanyak RM1,500 yang seisi keluarga sebulan yang telah diisytiharkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat pada tahun 2008 telah meletakkan 30% rakyat Negeri Selangor di bawah paras garis kemiskinan. Keadaan hidup rakyat yang terancam, pincang dan melarat berkait rapat dengan isu kemiskinan. Kita tidak boleh nafikan di setiap DUN, di setiap kampung mesti ada orang-orang yang sedemikian statusnya, melarat sedangkan Negara ini Negara maju, negeri ini negeri maju aspirasi kita untuk menjadikan sebuah negeri Selangor negeri yang maju tetapi masih terdapat rakyat yang melarat. Di Hulu Kelang saya telah bertemu dengan orang yang berpendapatan makan kais pagi minum pagi, kais petang makan petang dengan membelanjakan RM150 sebulan. Inilah realitinya. Kemiskinan berdasarkan sebab yang boleh dibagikan kepada dua. Kemiskinan ini dalam kajian umum mengatakan kemiskinan *cultural*. Ia berkaitan dengan sejarah, adab, adat resam, budaya yang membelenggu hingga dia terperangkap dan melekat dengan kemiskinan. Kemiskinan seperti ini dapat dihilangkan dengan mengabaikan faktor-faktor yang menghalang masyarakat yang mengalami kemiskinan tersebut.

Kedua sekali, keduanya adalah kemiskinan struktural. Kemiskinan struktural iaitu kemiskinan yang terjadi sebaik akibat tidak upaya atau tidak berdaya seseorang atau sekelompok masyarakat tertentu terhadap sistem atau struktur susunan sosial dan

politik yang mencengkam dan yang tidak adil. Kemiskinan struktural adalah berdasarkan sistem sosial ekonomi dan politik sesebuah masyarakat dan Negara. Dia berdasarkan sistem dan dia adalah sistemik. Dan dalam keadaan ini rakyat berada dalam posisi tawar-menawar dengan izin *bargaining power* yang sangat lemah, rakyat tidak memiliki akses untuk mengembangkan dan membebaskan diri mereka sendiri dari perangkap kemiskinan atau dengan perkataan lain seseorang itu, sekelompok masyarakat menjadi miskin kerana mereka miskin. Miskin kerana dia miskin. Dan oleh kerana persoalan kemiskinan ini adalah sistemik dia berkaitan dengan kerajaan pusat dan hubungannya dengan Kerajaan Negeri Selangor.

Tuan Timbalan Speaker, dalam sebuah buku, *best seller book*, “*The Origin of Power Prosperity and Poverty Why Nation Fail*” oleh Darren dan James A. Robinson ada menyebutkan tentang *extractive* dan *inclusive institution*. Di mana ditegaskan bahawa semua institusi ekonomi adalah diwujudkan oleh masyarakat. Manakala politik pula adalah proses di mana masyarakat memilih peraturan bagi mentadbir dan menstrukturkan ekonomi. Bentuk dan ciri-ciri institusi ekonomi sesuatu masyarakat ditentukan oleh dan dicorakkan dengan kuasa dan institusi politik. Terbentuknya daripada institusi ekonomi samada *inclusive* ataupun *exclusive*. Institusi ekonomi *inclusive* adalah institusi yang membolehkan dan menggalakkan penyertaan ataupun “participation” seramai mungkin lapisan rakyat dalam pelbagai ekonomi, aktiviti ekonomi dengan menggunakan bakat dan kemahiran terbaik rakyat bagi membolehkan rakyat membuat pilihan yang mereka mahu. Untuk bersifat *inclusive* Institusi Ekonomi hendaklah mewujudkan sistem undang-undang yang adil. Tidak ada undang-undang yang tanpa bicara, sebagai contoh, tidak ada “*pre active law*”. Mestilah diwujudkan perkhidmatan Awam yang mewujudkan “*level playing ground*” ataupun “*level playing field*”. Wujudnya di sana iklim terbuka yang membolehkan kemasukan perniagaan baru, wujud suasana perniagaan yang membolehkan rakyat memilih kerjaya menurut bakat, kebolehan, kelayakan dan minat mereka.

Tuan Timbalan Speaker, institusi ekonomi *extractive....extractive* adalah berlawanan dengan institusi ekonomi *inclusive*. Ia dinamakan sebagai *extractive* kerana institusi-institusi ini dibentuk dan diwujudkan bagi tujuan dengan izin “*to extract income and wealth from one subset of the society to benefit of different subset.*” Iaitu dengan kata lain satu sistem institusi ekonomi yang diwujudkan untuk merampas, menyedut dan menyerap hasil dan kekayaan dari satu kelompok rakyat bagi keuntungan dan kepentingan satu kelompok yang lain. Dalam konteks kuasa politik yang memayungi institusi-institusi ekonomi institusi politik *inclusive* wujud dengan wujudnya iklim politik yang menggalakkan proses merakyatkan kuasa dalam sesebuah masyarakat Negara. Inilah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Pakatan Negeri Pakatan Rakyat Negeri Selangor di mana kita mahu satu pendekatan *inclusive* contohnya dengan melaksanakan program Merakyatkan Ekonomi Negeri Selangor. *Extractive* politik, *political Institution* sebaliknya adalah di mana kuasa tertumpu di tangan segelintir elit politik tanpa ikatan dan batasan dalam golongan ini menggunakan kuasa yang berada di tangan mereka.

Tuan Timbalan Speaker, Institusi Ekonomi yang bersifat *inclusive* adalah apabila setiap rakyat boleh meneruskan pelajaran ke institusi dan pengajian tinggi dan terus belajar. Ini cita-cita yang diisyiharkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat di Peringkat Pusat dan kita percaya dan yakin cita-cita ini akan menjadi satu realiti pada satu hari nanti.

TIMBALAN SPEAKER: Y.B. saya minta duduk sekejap. Ahli-ahli Y.B. sekalian oleh kerana urusan Dewan ini masih panjang maka Dewan pada hari ini perlu disambung. Saya mempersilakan Y.A.B. Dato' Menteri Besar untuk membawakan usul.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Y.B sekalian, saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut:

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut peraturan 11 dalam peraturan tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga jam 7.00 malam”

Y.B. DATO' TENG CHANG KIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TIMBALAN SPEAKER: Ahli-ahli Y.B. sekalian usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan. Ahli-ahli Y.B. yang bersetuju sila kata ya. Ahli-ahli Y.B. yang tidak bersetuju sila kata tidak. Usul ini dipersetujui. Y.B Hulu Kelang boleh sambung ucapan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI SUNGIB: Terima kasih Timbalan Speaker. Saya teruskan lagi dengan mencirikan institusi ekonomi yang *inclusive* yang saya tegaskan ini kerana ini ada kaitan yang sangat rapat dengan usaha kita menjayakan bajet. Kerana pimpinan kerajaan rakyat perlu memahami bahawa kita tidak mungkin dapat memakmurkan tidak mungkin kita meningkatkan kualiti kehidupan dan tidak mungkin kita dapat membasmi kemiskinan tanpa kita mewujudkan satu iklim yang *inclusive* dan memastikan kita tidak ada ciri-ciri parasit yang menghisap hasil kekayaan yang diusahakan oleh orang-orang lain melalui kronisme,(tidak dapat dipastikan) apatah lagi melalui institusi ekonomi yang bersifat *extractive*. Dan oleh kerana itu setiap rakyat boleh memilih dan menukar kerjayanya. Setiap rakyat berpeluang untuk membuka perniagaan baru secara sah dan kompetitif dan setiap rakyat mempunyai pilihan untuk menyimpan ataupun melabur. Mana-mana negara ataupun masyarakat yang dikuasai oleh institusi politik *extractive* akan berkesudahan mempunyai institusi ekonomi *extractive*. Sebaliknya institusi *inclusive* menjamin penyertaan rakyat dalam aktiviti ekonomi di mana hasil ekonomi dan pelbagai insentif dikongsi bersama. Saya ulang balik di mana hasil ekonomi dan pelbagai insentif dikongsi bersama. Inilah asas yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor selama lima tahun yang lalu di mana semangat, roh jiwa untuk berkongsi walaupun RM100, walaupun baucarnya RM100, Jom Shopping walaupun bantuan RM50, bagi si kembar ataupun TUNAS tetapi semangat itu menjadikan pemimpin bersifat terbuka *inclusive* dan rakyat respons cara *inclusive* juga. Dan ini adalah *ingredient* yang penting ke arah pembasmian kemiskinan, kearah pemakmuran negeri, ke arah memastikan setiap ringgit dan sen yang diperuntukkan di dalam bajet belanjawan negeri dapat diterjemahkan kepada

perkhidmatan yang akan dinikmati oleh rakyat. Dengan itu institusi *extractive* pula diwujudkan bagi kepentingan segelintir elit masyarakat yang kita lihat diperkukuhkan semata-mata demi keuntungan mereka. Dengan itu Tuan Speaker saya berkeyakinan bahawa hala tuju politik demokrasi kepimpinan, ketulusan, *good governance* dan ekonomi, sosial ekonomi di negeri Selangor hendaklah dihalatujukan dan dihalakan ke arah menjadikan institusi ekonomi *extractive* ini digagalkan dan dia akan memastikan gagalannya usaha kita untuk membasmi kemiskinan. Kerana apa yang dilakukan oleh ekonomi *attractive* adalah mengukuhkan amalan kronisme, korupsi, rasuah dankapitalisme iaitu sistem berparasit dalam memonopoli segala akses kepada pembolotan keuntungan tanpa sedikit pun komitmen untuk membangunkan kepentingan. Setiap ADUN kalau turun ke kawasan kita masih berdepan dengan suasana di mana tapak-tapak tanah kerajaan, tapak-tapak...ini, ini benda yang sangat *basic* tapi telah *reflect* kepada kita satu amalan yang cukup hodoh, satu amalan yang cukup menghinakan iaitu kawasan-kawasan atas longkang, kawasan-kawasan di kawasan flat disewakan atas nama oleh kepentingan orang tertentu untuk berniaga. PBT berhadapan dengan masalah sedangkan hasil daripada itu menunjukkan bagaimana kabel politik digunakan untuk membolehkan orang meraih keuntungan di atas.....atas angin. Dan Alhamdulillah di DUN Hulu Kelang, MPAJ, Majlis Perbandaran Ampang Jaya dari masa ke semasa sudah membuat operasi untuk menghapuskan ini tetapi bagi saya yang pentingnya kita nak menghapuskan dan mengikis satu amalan masyarakat terutamanya masyarakat Melayu Islam yang meraih keuntungan di atas tapak-tapak tanah kosong Kerajaan, kawasan-kawasan flat untuk membolehkan peniaga-peniaga berniaga tanpa lesen dan seumpamanya. Ini adalah satu perkara yang kecil tapi membuktikan bahawa bagaimana meluas dan meratanya masalah yang dikatakan sebagai *extractive economic institution* ataupun Institusi Ekonomi Ekstraktif dalam masyarakat yang tidak membantu dalam usaha-usaha Kerajaan membasmi kemiskinan.

Dengan itu kita perlu memerangi segala bentuk sistem berparasit iaitu sistem yang menekankan tentang amalan ekonomi *extractive* ini kerana dia memberi bebanan ekonomi semakin bertambah pada rakyat manakala pendapatan tidak bertambah dan kehidupan rakyat semakin melarat. Tiada roh untuk merakyatkan kekayaan negara apatah lagi berkongsi hasil negara dan negeri dengan rakyat. Agenda bantu golongan terpinggir dan idea, hasrat, cita-cita untuk membasmi kemiskinan tinggal hanya sebagai polemik dan retorik politik. Jiwa manusia *extractive* mati, jumud dan kaku.

Tuan Speaker, belanjawan sepatutnya memperkasakan wujudnya institusi ekonomi *inclusive* di Selangor. Ianya dipamerkan dengan komitmen Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor untuk mengukuhkan amalan dan institusi politik *inclusive*. Kita wajib dan mesti menolak institusi politik *extractive*. Kita tolak kronisme, kita tolakkapitalisme dan kita perangi rasuah. Dan inilah benteng-benteng yang mengganggu usaha kita untuk memakmurkan dan menterjemahkan hasil negeri kepada rakyat melalui belanjawan 2014. Proses merakyatkan hasil negeri berpandukan belanjawan tahunan sepatutnya mencetuskan lebih banyak institusi ekonomi *inclusive* di Selangor. Dominasi institusi ekonomi *inclusive* dalam proses merakyatkan ekonomi Selangor (MES) sewajarnya memadamkan peranan institusi ekonomi *extractive*. Jadi

apa yang telah dilakukan dan sedang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor adalah satu yang *novall* dengan izin, satu yang sangat mulia iaitu kita membantu menyediakan negara kita ke arah penghapusan sistem ekonomi extractive yang menindas. *We are preparing*, dengan izin *a ground for a future political environment* yang lebih sejahtera bagi negara kita. Dan dengan itu sekecil manapun program, seremeh mana pun dianggap oleh pihak-pihak tertentu yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor kita mesti istiqamah, dengan izin, mesti bersungguh-sungguh berpegang teguh agar program seperti pemberian 20mp air percuma setiap bulan, hadiah anak masuk universiti, Skim Mesra Usia Emas, 2,500 Khairat Kematian, TAWAS, MIMBAR, SIMSEL, Jom *Shopping* dan banyak lagi hendaklah kita teruskan kerana moralnya, moralnya kita melahirkan barisan pimpinan dan warga kerja Kerajaan Negeri Selangor untuk bersifat inclusive, kasih sayang, prihatin, caring, dengan izin, pada rakyat dan hendaklah kita perkemaskan dan kita pertingkatkan dari semasa ke semasa. Pelaksanaan bajet 2014 hendaklah di bermatlamatkan melahirkan pemimpin, wakil-wakil rakyat dan jentera pelaksana yang sentiasa meletakkan tugas membantu sesama manusia, meringankan kesusahan dan kesempitan hidup rakyat serta membasmi kemiskinan di Negeri Selangor.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh stu aspek yang telah ditegaskan oleh Dato' Menteri Besar iaitu GLC. Bagi saya, pandangan peribadi saya, saya melihat bahawa Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor mewarisi GLC dari satu paradigma pentadbiran perniagaan kerajaan dan Negeri Selangor daripada Barisan Nasional. Daripada seorang mantan Menteri Besar BN saya difahamkan sendiri bahawa *mind set* mereka dalam mewujudkan GLC adalah untuk *to bring the best brain together*. Bagi saya, saya agak terkejut sekiranya ini adalah idea yang dipegang oleh Barisan Nasional dulu. *In oder to bring the best brain together* mereka perlu wujudkan satu *vehicle* yang lain daripada jabatan kerajaan. Apakah *double standard* ini boleh kita sahkan? Adakah boleh kita terima? Bukankah *best brain* juga dapat kita bentuk dan kita bangunkan melalui institusi dan agensi kerajaan? Bukankah jabatan-jabatan kerajaan mempunyai kewibawaan yang cukup baik untuk membolehkan dia membangunkan *the best brain*? Dengan izin. Kenapa *the best brain* hanya boleh diwujudkan melalui GLC? Adakah kerana kalau KLC itu tidak terikat dengan birokrasi kerajaan, adakah tidak boleh kerajaan yang bertanggungjawab membetulkan birokrasi kepada institusi kerajaan dan seumpamanya? Bagi saya di dalam Islam, sebagaimana yang telah diulas oleh Al-Ghazali, Ibnu Tammiyyah, Ibnu Qayim Al-Jazziyyah, bahawa selayak dan sewajarnya kerajaan tidak terlibat secara langsung di dalam perniagaan apatah lagi menguasai sesuatu perniagaan, mendominasi perniagaan. Dari segi roh dan semangat perniagaan itu, dia sudah menyalahi sedangkan peranan kerajaan hanyalah untuk menyediakan prasarana, iklim, keselamatan, kesejahteraan untuk perniagaan dilakukan oleh pihak-pihak swasta dan pihak-pihak yang ketiga. Tetapi apa yang telah berlaku kita mewarisi perkara ini. Dan sayangnya apabila kita mengambil alih Kerajaan Negeri Selangor, kita dapati bahawa apa yang berlaku pada hakikatnya sebahagian besar GLC sudah hilang fokus. Misi dan fungsinya sudah pada asalnya sudah hilang. Bagi saya sekiranya dengan sumber penjana kekayaan dengan izin *west creation* yang boleh dilakukan oleh GLC sekiranya ditumpukan satu, dua GLC untuk melaksanakan program basmi

kemiskinan, saya yakin pada hari ini dah tidak ada rakyat Selangor yang miskin. Tetapi perkara ini tidak berlaku.

Tuan Speaker, saya berpandangan bahawa GLC kerajaan patut *review* dengan izin agar GLC dikesilkan sama ada peranannya ataupun saiznya ataupun kedua-duanya tapi sebaliknya Kerajaan Negeri Selangor di mana yang berkaitan dengan kepentingan awam dalam pegangan ekuiti dan hanyalah dikekalkan apa yang sepatutnya terutamanya kalau jadi Kerajaan Negeri Selangor melaksanakan Saham Air nanti. Di mana ada kepentingan rakyat teramai maka di situlah adalah justifikasi kepada kewujudan GLC. Kalau tidak saya mencadangkan agar satu semakan semula kepada peranan GLC hendaklah dilakukan secara wajar. Sebaliknya diperkukuhkan peranan institusi kerajaan, agensi kerajaan, jabatan-jabatan kerajaan sama ada kerajaan peringkat negeri ataupun kerajaan tempatan agar *the best brain, the best talent, the best capability* dengan izin dapat digerakkan melalui institusi-institusi kerajaan secara langsung.

Tuan Speaker, saya ingin menyentuh satu, dua perkara lagi iaitu Kerajaan Negeri Selangor telah mempunyai satu *ingredient* yang baik. Iaitu kita sudah memiliki amalan *good governance* dengan izin, tadbir urus yang baik, yang telus di mana ADUN-ADUN Pakatan Rakyat sendiri memainkan peranan semak dan imbang yang berkesan. Sama ada sebagai individu Wakil Rakyat, mahupun sebagai Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Dewan. Dengan penyediaan penyata-penyata, syor-syor, cadangan-cadangan dan *recommendation-recommendation* dengan izin kepada pihak kerajaan untuk dinilai dan disemak semula. Respons terhadap laporan Ketua Audit Negara bagi saya yang terhebat sekali adalah respons yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri Selangor dan Dewan Negeri Selangor. Bagi saya, tidak ada mana-mana Dewan Undangan Negeri yang memberi respons dengan teliti terhadap laporan tahunan Ketua Audit Negara terhadap kelemahan-kelemahan yang terdapat di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor sama ada agensi, badan berkanun, anak syarikat, jabatan-jabatan dan seumpamanya. Dengan itu, respons kita sebagai Kerajaan dan Dewan Undangan Negeri adalah untuk mewujudkan tambahan selain daripada Jawatankuasa Kira-kira Awam, tiga lagi Jawatankuasa semakan yang memantau, meneliti, memberi saranan yang konstruktif agar Kerajaan melaksanakan tugas dengan lebih baik iaitu JP PADAT, Jawatankuasa PBT dan Jawatankuasa ABAS. Bagi saya, telah mendapat pengiktirafan oleh Ketua Audit Negara di mana di lampirkan laporan-laporan ringkas tentang aktiviti, penemuan-penemuan, kajian-kajian yang dilakukan oleh keempat-empat Jawatankuasa pilihan ini termasuk SELCAT sebagai Jawatankuasa pilihan khas. Dengan itu, kelemahan eksekutif dibawa cara teratur ke dalam sidang Dewan, penemuan-penemuan dan saranan dikemukakan cara telus, terbuka dan teratur. Dengan itu, saya ingin menegaskan bahawa pihak Kerajaan perlu memberikan tumpuan yang seharus, setelitinya dalam memastikan bahawa pelaksanaan bajet kali ini adalah disediakan sebaik mungkin agar keseluruhan peruntukan dapat diturunkan, dilaksanakan cara cekap dan saya ingin menarik perhatian Dato' Menteri Besar, pihak Kerajaan bahawa dalam pelaksanaan geran Selangorku yang lalu kecekapannya hanya 66% bagi saya itu tidak sepatutnya berlaku dan kita harap kali ini kecekapan dalam pelaksanaan program, peruntukan-peruntukan itu hendaklah 100% tanpa kompromi. Dengan

demikian, Tuan Speaker, saya mohon untuk menyokong ucapan bajet 2014 Selangor Darul Ehsan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih, Puan Speaker, *Assalammualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan, salam 1 Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana Dengkil diberi peluang untuk mengambil bahagian di dalam perbahasan bajet 2014 Negeri Selangor di Mesyuarat Ketiga Penggal Pertama Dewan Negeri Selangor Tahun 2013. Ucapan perbahasan saya ini berkisar berkenaan dengan masalah isu belia dan gejala sosial di dalam Negeri Selangor ini. Saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar kerana Kerajaan Negeri telah menunjukkan keprihatinan yang tidak berbelah bagi dalam usaha-usaha untuk memperkasakan belia dan juga pembangunan usahawan. Seperti mana dalam bajet RM11.5 juta dalam bajet yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar RM11.5 juta diperuntukkan untuk belia dan sukan. RM3.5 untuk sukan *sorry*.. 3.5 untuk pembangunan belia dan 7.2 untuk pembangunan sukan. Di samping dengan itu, juga diperuntukkan RM50 juta daripada rizab Kerajaan Negeri untuk pembangunan belia dan juga pemerksaan usahawan.

Yang Berhormat, yang dikasihi sekalian, sebelum saya meneruskan agenda mengenai isu belia dan gejala sosial ini, izinkan saya untuk membuat beberapa teguran kepada Kerajaan Negeri khususnya dalam kita menunaikan tugas dan tanggung jawab yang telah diamanahkan oleh rakyat untuk mentadbir negeri ini. Tugas dan tanggung jawab utama untuk memperkasakan golongan belia ialah supaya kita sendiri menunjukkan contoh yang baik, mengajak para belia untuk menghormati undang-undang. Tunjukkan nilai murni yang baik kepada anak muda, janganlah diajar mereka memberontak dan mengheret ke jalanan hanya untuk mencapai matlamat dan kepentingan politik peribadi. Sepatutnya ajarlah mereka menghormati undang-undang dan perlembagaan. Ambillah iktibar dari negara yang sedang bergolak sekarang ini janganlah bila sudah berlaku baru kita menyesal di kemudian hari. Nasi sudah jadi bubur tiada gunanya Yang Berhormat sekalian. Perhimpunan haram, *black out* 505 (dengan izin) yang dianjurkan di sana sini sebelum ini hanya menimbulkan huru-hara. Ketegangan malah amat mengganggu ketenteraman hidup rakyat pada hal Pilihan Raya Umum Ke 13.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Pinang.

Y.B. DATO' TENG CHANG KHIM: Peraturan Tetap 36 (1) iaitu Ahli yang berucap kenalah mengehadkan kepada tajuk. Tajuk ni adalah Rang Undang-Undang Perbekalan untuk tahun 2014, bukan tentang perhimpunan politik. Saya rasa dah jauh melencong dah lama melencong.

TUAN SPEAKER: Baiklah Dengkil.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih, Yang Berhormat Sg. Pinang, saya baru intro untuk menceritakan berkenaan dengan pembangunan belia dan untuk itu saya juga ingin menyatakan di sini nak memberitahu kepada Dewan yang mulia ini bahawasanya kita kena meminta para belia kita ini supaya menghormati undang-undang yang terlibat di dalam perhimpunan haram, *black out* 505, perhimpunan jalanan kebanyakannya ialah di kalangan para belia. Boleh saya teruskan Puan Speaker? Terima kasih.

Dengan kemenangan majoriti mudah Barisan Nasional di peringkat Pusat dan kemenangan besar Pakatan Rakyat terutamanya DAP di peringkat Pusat, PAS menguasai banyak kerusi di Selangor, selain Pakatan Rakyat kekal memerintah di Selangor, Kelantan dan Pulau Pinang kita memang kita tidak boleh sangkal lagi bahawa Pilihan raya kita telah dijalankan dengan telus lagi adil. Selain daripada itu, kononnya wujud 40,000 pengundi Bangladesh yang hanya dijadikan alasan bagi mengujudkan persepsi bahawa kononnya SPR tidak adil dan kononnya berlaku penipuan di dalam Pilihan raya. Cukup... cukup sudah kita jangan bermain politik lagi. Marilah kita gunakan peluang, peluang yang kedua ini yang diberikan oleh rakyat kepada Kerajaan Pakatan Rakyat untuk mentadbir urus Negeri Selangor ini dengan baik. Rakyat sebenarnya sudah jelek dan muak dengan permainan politik yang tidak berkesudahan. Inilah masanya kita menjalankan amanah dan tanggung jawab yang telah diberikan dan menunaikan segala janji yang ditabur kerana Sabda Rasulullah S.A.W tanda orang munafik itu ada tiga perkara apabila bercakap dia berbohong, apabila berjanji dia mungkir janji dan apabila dia diamanahkan dia mengkhianati, riwayat Bukhari dan Muslim.

Puan Speaker, belia ialah golongan yang mendominasi jumlah keseluruhan penduduk Malaysia. Bayangkan menjelang 2020, bilangan ini dianggarkan akan meningkat kepada 20 juta orang ke manakah hala tuju mereka, tanggung jawab siapa? Apakah peranan Kerajaan? Ibnu Khaldun pernah berkata, jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah anak mudanya pada hari ini. Kata tersebut jelas menyatakan bahawa betapa penting generasi belia ini untuk pembangunan negara dan juga negeri. Belia sebagai wadah untuk meneruskan generasi kepimpinan kita di masa akan datang. Sebagai sebuah Kerajaan yang dilabel prihatin seharusnya Kerajaan Negeri tidak ambil enteng, tidak ambil mudah tentang masalah hadapan golongan belia. Saya ingin mengucapkan tahniah juga kepada Kerajaan Negeri kerana telah mewujudkan program generasi Idaman Selangor (GEMS) dan SPIES.

SPIES saya tak faham dia punya maksud saya nanti minta Sekinchan untuk jelaskan dengan lebih lanjut. Tetapi sejauh manakah keberkesanan program ini yang meliputi semua golongan belia. Ini saya minta penjelasan lebih lanjut beberapa ramai golongan belia yang telah mendapat manfaat daripada program-program tersebut. Usaha Kerajaan Negeri menubuhkan penggerak belia tempatan PeBT yang diwujudkan mengikut pihak berkuasa tempatan dilihat sebagai langkah yang baik demi membela golongan belia. Namun sehingga kini adakah Kerajaan Negeri berpuas hati dengan pencapaian PeBT itu sendiri dan apakah peranan yang dimainkan oleh PeBT dalam

merencana PeBT kerana terdapat program yang lebih tertumpu kepada kepentingan politik tanpa memikirkan objektif sebenar penubuhan PeBT. Peruntukan RM5,000 untuk setiap PABT disediakan.....

Y.B. TUAN TAN POH SHYONG: Peraturan Tetap.

TUAN SPEAKER: Ya Pandamaran.

Y.B. TUAN TAN POH SHYONG: Tuan Speaker saya merujuk kepada Seksyen 35(6).

TUAN SPEAKER: Ya

Y.B. TUAN TAN POH SHYONG: Yang mana menyatakan bahawa seorang Ahli tidak boleh membaca ucapannya. Saya telah meneliti lama Y.B. dan mendapat bahawa beliau membaca daripada skrip yang telah disediakan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Saya nak membacakan fakta, jadi saya minta maaf kalau saya bila saya ucap saya tak pandang Y.B. Kadang-kadang saya pandang bawah tetapi saya tidak membaca kena faham. Kena faham *style... style*

TUAN SPEAKER: Dengkil cuba lihat pandang atas.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Ya ok boleh, tak ada masalah. Peruntukan RM5,000 disediakan kepada semua PIBT. Yang ini saya nak baca fakta boleh? RM400, RM400 sebulan kepada PIBT setiap ZON setiap zon. Apakah keberkesanan program ini nilai yang diberikan, elaun yang diberikan kepada Pengerusi-pengerusi PIBT adakah menyeluruh program-program yang telah dijalankan oleh PEBT tersebut dan ini saya minta kajian yang lebih menyeluruh dan lebih *detail* lagi. Saya percaya juga ada juga di kalangan Yang Berhormat dalam Dewan ini yang punya anak dalam lingkungan bela juga. Ini sudah pasti ada yang sudah pengajian, ada yang juga masih mencari kerja tetapi apa yang pasti mereka ini juga ingin memiliki rumah sendiri. Apakah peranan Kerajaan Negeri di dalam menyediakan belia-belia ini? Rumah skim rumah pertama untuk belia-belia ini, saya difahamkan ada juga dimasukkan di dalam bajet untuk membina rumah-rumah mampu milik. Tetapi usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan Persekutuan seperti perumahan rakyat 1M banyak juga dijalankan. Cuma tekanan yang ada, tekanan yang ada di dalam menjalankan program-program prima ini di negeri Selangor ialah tidak mendapat kerjasama daripada Kerajaan Negeri. Apa salahnya demi rakyat negeri Selangor kalau Kerajaan Negeri boleh menyediakan tanah, prima pula boleh menyediakan projek pembangunan kita boleh sama-sama memanfaatkan tanpa mengira fahaman politik, tanpa mengira latar belakang yang penting rakyat Selangor mendapat manfaat.

TUAN SPEAKER: Dengkil boleh berhenti sekejap. Kampung Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya, terima kasih Tuan Speaker, saya ingin bertanya Y.B. Dengkil kemukakan di dalam Dewan Yang Mulia Ini contoh apa, tempat mana PRIMA dikacau oleh Kerajaan Negeri Selangor. PBT mana yang tidak memberi kelulusan. Setahu saya PRIMA satu-satunya PRIMA yang digemparkan oleh Kerajaan Persekutuan di Selangor ialah PRIMA TRRIM Sg Buloh dan tanah itu ialah RRM sendiri. Sebuah agensi di bawah Kerajaan Persekutuan. Saya hairan adakah RRM memberi kesusahan kepada projek PRIMA untuk dijalankan di Sg Buloh. Jadi saya cabar Y.B. Dengkil kemukakan kalau ada bukti di dalam Dewan Yang Mulia Ini.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat Kampung Tunku. Jangan cabar saya, saya mencadangkan ini untuk kita buat di masa hadapan, kalau kita boleh bekerjasama Kerajaan Negeri dan juga Kerajaan Persekutuan alangkah lebih baik bukan begitu Yang Berhormat Sekinchan? *You* mengganggu bermakna *you* setuju dengan saya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ia tetapi terima kasih Y.B. Tuan Speaker..

TUAN SPEAKER: Y.B. Dengkil, Y.B. Kg Tunku hanya meminta jelaskan fakta mengenai tekanan yang dihadapi oleh Kerajaan Persekutuan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Belum ada tekanan lagi. Saya mencadangkan

TUAN SPEAKER: Jadi...jadi... tarik balik, tarik balik kenyataan tadi bahawa Kerajaan Negeri telah memberi tekanan kepada Kerajaan Persekutuan dalam melaksanakan projek PRIMA.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Baca skrip, baca skrip.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Saya tidak berkata begitu

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Perkataan yang disebut oleh Y.B. Dengkil ialah perkataan yang disebut oleh Y.B. Dengkil tersebut saya rasa semua Ahli Dewan di sini telah dengar dengan jelas bahawa projek PRIMA menerima tekanan daripada Kerajaan Negeri Selangor. Itu perkataan dia.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF : Ok saya betulkan kenyataan ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Y.B. kena baca.....

TUAN SPEAKER: Y.B. Kampung Tunku sila duduk. Ya Dengkil betulkan kenyataan dan

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya ingin mencadangkan supaya Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan bekerjasama untuk kita menyelesaikan

masalah rumah rakyat negeri Selangor ini. Rumah mampu milik ok ? So boleh saya teruskan Tuan Speaker, terima kasih.

Tuan Speaker masalah-masalah sosial yang sedang giat dibina tumbuh bak cendawan selepas hujan. Daripada jawapan Pertanyaan Soalan Mulut yang lepas statistik yang dikeluarkan oleh PBT bermula 2008 hingga 2013 berlaku peningkatan jumlah hotel bajet jika pada tahun 2008 di negeri Selangor hanya mempunyai 32 hotel bajet. Namun kita boleh berbangga. Pada tahun 2013 seluruh negeri Selangor sudah mempunyai 270 buah hotel bajet. Yang Berhormat Sekalian boleh fikirkan penambahan lebih 800% ini memberikan kebaikan atau kemudaratn kepada negeri yang kita sayangi ini. Akhir-akhir ini dilihat juga wujud banyak hotel-hotel bajet misalnya di Seksyen 7 Shah Alam berdekatan i-City yang menawarkan kadar sewa serendah RM9.90 sejam. Kadar sewa ini pelik kerana biasanya orang akan menginap berehat satu hari 24 jam atau pun setengah hari 12 jam. Sangkaan kita kadar sewa mengikut jam hanya memudahkan aktiviti-aktiviti tidak bermoral, aktiviti pelacuran, berzina dan sebagainya. Masalah sosial ini bukan melibatkan Y.B. atau pun orang-orang di kalangan orang Muslim tapi kita ingin menyelesaikan masalah ini yang meliputi merentasi semua kaum. Masalah moral ini kita mahu melainkan belia yang berintegriti tinggi, cemerlang dari segi siasah dan juga akhlaknya. Selain itu kewujudan Pusat Kafe Cyber yang beroperasi 24 jam mengundang keresahan. Hal ini kerana anak-anak muda yang bersekolah menghabiskan masa di sana sini dengan permainan komputer dan melayari Lam Web yang boleh menjurus kepada kelakuan negatif. Ada juga yang ponteng sekolah dan duduk di dalam premis tersebut. Hal ini menyebabkan ibu bapa gusar terhadap kelakuan anak mereka dan pihak PBT harus mengambil tindakan terhadap pengusaha Cyber yang berdegil menjalankan aktiviti 24 jam sehari. Terdapat juga masalah lambakan mesin judi haram juga menyumbang kepada faktor terpesongnya akibat akidah anak-anak muda Selangor. Remaja Islam bebas bermain judi di pusat mesin haram yang ibarat tanpa pemantauan pihak berkuasa tempatan. Saya mengambil contoh

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: ...

TUAN SPEAKER: Ya Dengkil, Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Boleh, apa dia

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Sekejap.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Ok, ok...

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Saya mengambil contoh kawasan Dengkil terdapat lebih daripada 30 premis pusat mesin judi yang tidak berlesen beroperasi sehingga lewat pagi.

Y.B. TUANRAJIV A/L RISHYAKARAN: Minta mencelah. .

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Pelanggannya terdiri dari semua lapisan kaum dan ramai daripadanya adalah anak muda dan ada yang sudah berkeluarga.

TUAN SPEAKER: Y.B. Dengkil, Bukit Gasing minta mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Siapa dulu tadi, Y.B.

TUAN SPEAKER: Sekinchan dulu baru Bukit Gasing.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih Tuan Speaker. Y.B. Dengkil saya setuju konteks mesin slot judi ini tapi dalam soal hotel bajet dan perkara yang lain saya tak berapa setuju. Tapi dalam konteks mesin slot judi ini di Dengkil di mana-mana di Selangor yang ada saya minta kerjasama di antara Polis dengan pihak PBT kerana kuasanya Polis dengan PBT. Ah ini dua kita kena kerjasama jangan kita biarkan Polis termasuk OCPD di Daerah dan sebagainya. Mereka semua kena paut saya kena beritahu ini berlaku sehingga Balai Polis yang berdekatan pun tidak tahu perkara itu. Walhal di tempat dekat orang pun tahu orang kampung pun tahu jadi Polis pun tak tahu. Perkara ini bukan sahaja kuasa dalam PBT, Polis jadi dua-dua ini kena banteras supaya anak muda Melayu, ke Cina jangan terlibat dalam judi. Setuju.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Sekinchan dah setuju dengan saya, saya tak payah ulas lagi. Silakan Y.B. Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ah kenapa Dengkil tidak mendesak Polis mengambil tindakan. PBT memang selalu mengambil tindakan tetapi tindakan dan kuasa PBT terhad. Ah boleh sitar premis itu tetapi esoknya hari dia buka semula di mana Polis untuk menangkap pesalah-pesalah ini dan memasukkan dia dalam penjara. Tolong ulaskan.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Y.B. Bukit Gasing. Polis dan juga *Enforcement* dengan izin pihak kuasa tempatan kena dua-dua bekerjasama. Saya setuju dengan Y.B. Sekinchan tadi bukan sahaja diletakkan ke PBT tetapi juga Polis juga memainkan peranan. Kalau dua-dua ini boleh kita mempunyai kerjasama yang cukup rapat. Saya percaya kita boleh menekan, menekan masalah ini berleluasa.

Boleh saya teruskan Tuan Speaker. Untuk kita martabatkan belia ini juga kita juga jangan bermain politik, jangan kita ingat bahawa ada NGO-NGO yang menyokong Parti-parti tertentu ada di sebahagian NGO, belia-belia yang tidak menyokong Parti-parti tertentu. Belia merentasi sempadan Politik. Kalau kita ingin memperkasakan belia ini. Saya ambil contoh bangunan Majlis Belia Selangor yang dulunya masa Kerajaan Barisan Nasional Majlis Belia Selangor dibenarkan menduduki bangunan tersebut dengan kadar sewa percuma. Tetapi kini Majlis Belia Selangor diminta oleh Kerajaan Negeri untuk membayar sewa sebanyak RM5,000 sebulan. Saya minta Kerajaan Negeri mengulas perkara ini disebabkan peranan Majlis Belia Selangor ini ialah untuk memartabatkan Belia di dalam negeri Selangor ini. Dan saya pasti, saya percaya belia

kalau kita ingin memperkasakan Belia ianya tanpa mengira latar belakang mahupun sokongan atau pun fahaman Politik mana-mana pihak. Ini saya minta nanti di ulas oleh Y.B. EXCO berkenaan.

Puan Speaker, EXCO Kerajaan Negeri terdahulu juga yang bertanggungjawab ke atas Pihak Berkuasa Tempatan, telah menyalahkan PBT, terhadap isu rumah dan pusat hiburan yang tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Serentak dengan tumbuhnya begitu banyak rumah urut dan pusat-pusat hiburan ini, masalah sosial dan gejala maksiat semakin berleluasa. Apa yang Kerajaan Negeri boleh lakukan, jangan hanya menyalahkan PBT tetapi Kerajaan Negeri juga kena main peranan yang penting untuk mengekang masalah ini daripada berlaku. Menolak alasan kewujudan rumah urut dan pusat hiburan sebagai penyumbang masalah sosial di Selangor ini, adalah tindakan tidak bertanggungjawab. Masalah sosial yang membabitkan aktiviti berkenaan adalah isu penguatkuasaan yang memerlukan operasi bersepadu yang harus dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan. Seorang YB dari Pakatan pernah menggelar Selangor sebagai Darul Maksiat dan Darul Mungkar sewaktu Barisan nasional memerintah negeri Selangor. Sekarang apa sudah jadi. Masalah maksiat, gejala sosial, rumah urut, pusat hiburan, isu arak tidak pernah selesai dan sentiasa membelit rakyat negeri Selangor. Mari kita teliti fakta yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara pada tahun 2008 terdapat 3,600 lebih, tempat judi, pusat hiburan, spa dan rumah urut yang beroperasi secara haram. Pada tahun 2009, jumlahnya meningkat 5,911. Pada masa Barisan Nasional memerintah, lesen pusat hiburan, judi dan spa hanya dihadkan pada 700 sahaja. Di kesempatan ini juga saya ingin berkongsi fakta berkaitan kutipan hasil cukai

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Dengkil, Sekinchan minta mencelah.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Silakan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak minta, terima kasih, Puan Speaker. Saya nak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Dengkil yang mengatakan fakta daripada Majlis Keselamatan Negara mengatakan 2008, 2,000 lebih, kemudian 2011 hingga 5,000 pusat-pusat ini dan waktu Barisan Nasional, 700, dihadkan 700, tapi ayat Yang Berhormat Dengkil katakan tadi, ini semua pusat yang haram, haram yang maknanya Kerajaan Negeri PBT tak bagi lesen. Dia haram, dia operasi haram. Tak bagi lesen, maknanya Kerajaan Negeri pun, kita bagi lesen. Tapi dia haram. Jadi tindakan bersepadu daripada dua pihak, polis dan PBT, kita kena serbu. Persoalannya bukan kita bagi lesen. Kalau Pakatan Rakyat bagi lesen, barulah boleh tuduh. Ini permasalahannya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan, tapi masalahnya daripada segi *figure*, mengapa bertambah. Adakah disebabkan dulu penguatkuasaannya kuat tetapi sekarang penguatkuasaannya kurang kuat. Adakah dulu kerjasama polis dengan PBT amat rapat, adakah sekarang tiada

kerjasama di antara mereka. Itu persoalannya yang mungkin boleh menjawab soalan daripada Yang Berhormat Sekinchan.

Di kesempatan ini juga saya ingin berkongsi fakta berkaitan kutipan hasil cukai, khususnya cukai hiburan, yang bertulis dalam ringkasan hasil bagi negeri Selangor tahun 2007 berbanding tahun 2011. Semasa pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional pada 2007, jumlah cukai hiburan hanya RM21.84 juta, pada tahun 2011, jumlah cukai hiburan sebanyak RM 36.24 juta, lebih RM14.39 juta berbanding 2007. ini menunjukkan peningkatan 65.88 peratus kenaikan cukai hiburan. Apakah maknanya ini. Adakah ini bermakna semakin banyak pusat hiburan, berkadar terus dengan peningkatan gejala sosial. Anehnya ketika kita, ketika Kerajaan Negeri berbangga dengan kutipan cukai hiburan yang meningkat, Kerajaan mewujudkan juga program membanteras masalah sosial. Adakah ianya sebagai pengimbang kepada kesilapan atau sebagai penghalal kepada kerosakan yang dilakukan. Inilah yang berlaku, kerana adakah usaha mengadakan program sahsiah ini berhasil jika pusat hiburan sama ada dipermit halal atau haram tidak dibanteras dengan tegas dan berkesan. Saya mohon perkara ini diberi penjelasan.

Sebelum saya menutup perbahasan saya, Puan Speaker pada hari ini, juga saya ingin menyuarakan tiga perkara berkenaan masalah di kawasan saya, kawasan DUN Dengkil. Baru-baru ini juga seperti mana yang telah di utarakan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, akan mewujudkan Majlis Pengangkutan Awam Selangor, Selangor Public Transport Council, dengan izin. Saya ingin menyeru, merayu dan juga memohon supaya di dalam kawasan DUN Dengkil ini yang berdekatan dengan Putrajaya dan Cyberjaya, masalah bas dan juga teksi amat begitu mengharukan sekali. Saya ingin mencadangkan supaya dibina terminal bersepadu bas dan teksi di dalam kawasan Dengkil kerana ianya, sekarang bas dan teksi hanya di bawah pokok sahaja. Yang Berhormat Kg. Tunku.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan. Saya berasa hairan dengan cadangan daripada Dengkil ini, kerana setahu saya kalau pengetahuan geografi saya masih bagus lagi, Dengkil terletak sebelah Putrajaya dan di dalam Putrajaya memang sudah ada perkhidmatan bas awam yang begitu canggih sekali dan ia merangkumi kawasan perkhidmatannya, merangkumi kawasan Dengkil juga. Jadi saya kurang faham, mengapa, kalau ada Putrajaya, ada bas terminal di sana, mengapa pula diperlukan satu lagi, *extra* di Dengkil, yang terletak tidak jauh dari Putrajaya.

Y.B. TUAN SHAHRUM BIN MOHD SHARIF: Terima kasih Yang Berhormat Kg. Tunku. Maksud saya, ini prasarana kemudahan awam tidak ada di dalam DUN Dengkil ini. Sekarang ini *bus stop*, teksi, semuanya di bawah pokok. Dan saya menyeru, saya memohon supaya ditengok-tengokkanlah di dalam bajet yang akan dibentangkan nanti ataupun dalam bajet tahun 2014 ini. Kemudian, saya juga ingin menyentuh projek jalan pintas Genting Sanyen – Sungai Kelambu. Yang ini merupakan jalan alternatif, yang ini merupakan projek Jabatan Kerja Raya, peruntukan Kerajaan Negeri. Pada tahun 2008,

projek ini telah dibina untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas daripada Dengkil ataupun daripada Bukit Changgang ke Banting, dengan adanya jalan alternatif seperti jalan pintas Genting Sanyen dan Sungai Kelambu ini boleh menyelesaikan masalah trafik lalu lintas, kalau di kalangan masyarakat ataupun rakyat yang hendak ke Banting daripada Dengkil. Saya mohon penjelasan supaya projek ini diteruskan, kenapa ianya diberhentikan padahal sudah separuh jalan, telah pun dibuat, dan hari ini, sehingga hari ini hingga tahun 2013, projek itu masih lagi tergendala dan ditangguhkan.

Dan akhir sekali, saya ingin juga nyatakan masalah, masalah penduduk di Putera Perdana, yang mana sudah lama mereka tinggal di situ, tetapi masalahnya di sana, penduduk di situ, sama ada rumah teres ataupun rumah pangsa masih lagi tidak mempunyai pemilikan geran individu ataupun strata *title*. Sudah lebih 20 tahun, mereka hanya mempunyai *master title*. Ini menyusahkan penduduk kalau hendak menjual beli premis yang sedia ada, dan juga, mereka juga dari segi *value*, rumah di situ juga tidak naik disebabkan mereka hanya mempunyai *master title*. Saya mohon Kerajaan Negeri campur tangan untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih saya ucapkan kepada Puan Speaker, terima kasih, saya mohon penjelasan untuk perkara-perkara yang saya sebutkan tadi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kg. Tunku.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Terima kasih, Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Kg. Tunku untuk mengambil bahagian dalam perbahasan di peringkat dasar ini. Sememangnya Kg. Tunku menyokong usaha-usaha murni dan juga beberapa usaha yang diketengahkan dalam ucapan bajet ini. Tadi Yang Berhormat dari Dengkil dan juga Ketua pembangkang ada menyebut tentang beberapa perkara yang mana Kg. Tunku berasa perlu diperjelaskan ataupun disangkal di sini.

Dengkil tadi menyebut tentang undang-undang, iaitu kita perlu menetapkan satu teladan yang bagus untuk anak-anak belia mengikuti, melalui, menghormati ataupun mengikuti undang-undang. Perkara ini adalah satu perkara yang sangat menarik. Pertama sekali, soalnya kita perlu tanya ialah apakah undang-undang yang patut kita mematuhi. Adakah sekiranya undang-undang itu, undang-undang itu adalah undang-undang rimba, undang-undang yang tidak berperikemanusiaan, undang-undang yang menindas keadilan sosial. Adakah belia ataupun orang ramai perlu mengikutinya. Atau sekiranya undang-undang rimba ini wujud, adakah belia dan juga rakyat yang mempunyai kesedaran sivik yang tinggi perlu bangkit dan menentangnya. Ini adalah persoalannya. Jadi pada saya setakat meminta belia mematuhi undang-undang tidak mencukupi, Yang Berhormat Dengkil. Apa yang lebih penting ialah kita perlu memastikan undang-undang itu adalah adil dan menjamin keadilan sejagat seluruh manusia. Bukan undang-undang itu digunakan untuk menekan golongan-golongan tertentu.

Puan Speaker, Ketua Pembangkang juga ada menyebut tentang sumbangan Kerajaan Barisan Nasional yang dahulu, di mana mereka telah menyediakan asas kepada Kerajaan Pakatan Rakyat yang sedia ada sekarang. Memang kita tidak dapat nafikan

bahawa selama 50 tahun lebih, Barisan Nasional menjadi Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan, sedikit sebanyak sumbangannya ada. Tapi apa yang kita harus lihat di sini ialah setiap Kerajaan yang mentadbir ini, ialah Kerajaan yang dipilih rakyat, yang memegang mandat daripada rakyat. Maksudnya ialah ianya adalah tanggungjawab dan tugas sesebuah Kerajaan itu untuk menjalankan pembangunan di dalam negeri yang ditadbir. Bukannya kita patut berterima kasih. Kerana kalau kita nak cakap berterima kasih, adakah kita juga akan berterima kasih kepada penjajah British dahulu. Kan, betul, British pun ada buat airport. British pun ada buat jalan raya, penjajah British pun ada buat Pelabuhan Klang. Jadi kita nak berterima kasih kepada mereka. Sudah tentu tidak. Justeru itu, persoalannya bukan nak berterima kasih atau tidak. Soalannya ialah sama ada Kerajaan yang diberi mandat oleh rakyat itu, adakah Kerajaan itu menjalankan tugas yang sepatutnya dijalankan. Sekiranya tidak maka kerajaan itu akan tumbang seperti dia tumbang pada tahun 2008.

Puan Speaker, saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada rakan-rakan media kerana dalam tempoh satu minggu yang lalu kami telah digempur, ada satu kononnya surat daripada BBC, yang menekan, yang marah terhadap kerajaan negeri kerana terdapat perbezaan dari segi pengagihan peruntukan belanjawan tahun 2014 ini. Sesi Dewan Negeri Selangor kali ini memang menjadi tumpuan orang ramai dan media kerana ia merupakan Sidang DUN yang melibatkan belanjawan buat kali yang pertama selepas pilihan raya yang ke-13 ini. Sehingga terdapat ada pihak yang sanggup melakukan perbuatan keji dengan menghantar ataupun mengatakan BBC menghantar surat layang kepada media, kepada Kerajaan Negeri, bahawa BBC tidak puas hati. Saya ingin mengemukakan di sini dengan sejelas-jelasnya bahawa surat layang ini tidak wujud sama sekali. Surat layang ini tidak wujud sama sekali. Kalau ia wujud, saya pasti ia bukan perbuatan BBC. Dan ia merupakan perbuatan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Rasa-rasanya kita tahu siapalah.

Jadi Puan Speaker, apa yang malang adalah sewaktu perkara ini berlaku kerana isi kandungan dan perbincangan tentang Belanjawan 2014 ini di embargo. Jadi saya pada masa itu tidak boleh mengeluarkan kenyataan apa-apa hujah kerana saya patut patuh atas perintah embargo ini. Tapi embargo ini sudah tidak ada jadi saya rasa perlunya BPC dan Kampung Tunku menjelaskan isu ini sejelas-jelasnya. Pada pertengahan bulan September khususnya kepada media, pada pertengahan September semasa Dialog Belanjawan 2014 diadakan, BPC telah berjumpa dengan pihak eksekutif memohon untuk mengadakan beberapa perbincangan untuk memantapkan Belanjawan Tahun 2014 ini. Kemudian BPC telah mengeluarkan mengemukakan satu cadangan yang mengandungi semua hasrat Ahli-ahli BPC di mana pihak eksekutif saya mengucapkan tahniah dalam memberi respons yang positif terhadapnya. Jadi, ini adalah apa yang berlaku sebenarnya. Kita telah mengadakan 2 mesyuarat. Ini adalah rutin bagi mana-mana kerajaan termasuk kerajaan Pakatan Rakyat untuk mendengar cadangan dan menerima aduan dan pandangan daripada semua pihak sama ada orang *business*, sama ada pekilang, sama ada pekerja, sama ada orang ramai, termasuk Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri. 2 mesyuarat telah diadakan, kami telah merumuskan semua cadangan kami. Dan, kami juga mendapat *flashback* ataupun maklumat terperinci daripada kerajaan dan kami memberi cadangan kami. Selepas mendengar

apa yang dibentangkan oleh Tan Sri Menteri Besar kelmarin kami merasa syukur walaupun bukan semua cadangan diterima tetapi pintas lalu kebanyakan isi-isi utama ataupun cadangan telah pun dimasukkan dalam bajet ini. Sekira-kiranya, sekurang-kurangnya ianya diberi perhatian yang sewajarnya. Puan Speaker, kami ingin merakamkan di dalam dewan yang mulia ini bahawa kami akan sentiasa memberi sokongan padu kepada kerajaan negeri Pakatan Rakyat Selangor tetapi saya juga ingin menyatakan bahawa BPC ini ialah daripada anggota-anggota dewan negeri yang profesional. Di mana kami bukan *rubber stamp*. Kami perlu menjalankan tugas sedangkan tugas kami sebagai ahli Dewan Negeri untuk memantau pihak eksekutif. Begitulah sebenarnya Puan Speaker tajuk saya. Tajuk perbahasan Kampung Tunku pada petang ini ialah meneruskan kecemerlangan tetapi tajuknya meneruskan kecemerlangan melalui pemantauan yang ketat oleh Dewan Negeri Selangor. Bukan setakat meneruskan kecemerlangan sahaja. Ianya perlu dipasang dengan pemantauan yang ketat oleh Dewan Negeri Selangor. Kecemerlangan boleh bermula daripada pihak eksekutif melalui Belanjawan yang cukup mantap tapi kecemerlangan hanya boleh disempurnakan jika dewan yang mulia ini dapat memantau dengan ketat setiap satu perbelanjaan yang dicadangkan oleh eksekutif. Puan Speaker, Kampung Tunku menyambut baik cadangan eksekutif untuk menggunakan kali pertama sebanyak 437 Juta daripada rizab Kerajaan Negeri Selangor untuk membiayai inisiatif pembangunan. Memang benar simpanan rizab sebuah kerajaan tidak boleh guna sewenang-wenangnya oleh kerajaan untuk memastikan wang ini digunakan sewaktu kecemasan. Kampung Tunku memang bimbang kerana ada orang yang salah anggap BPC selama ini bahawa kita tidak berhemah dengan cadangan kami kerana BPC, apa yang menjadi *concern* kepada PBC ialah kami berharap supaya rizab ini dapat diterjemahkan kepada sesuatu dan dinikmati oleh rakyat jelata. Kami bangga bahawa melalui Belanjawan Tahun 2014 ini, matlamat murni ini telah pun dicapai. Puan Speaker, dengan menolak RM437Juta daripada jumlah rizab sebanyak RM2713 Juta ini Kerajaan Negeri Selangor masih mempunyai rizab sebanyak RM2273 juta, Dan ini adalah cukup untuk membiayai inflasi kerajaan Selangor lebih daripada setahun. Dengan ini adalah tidak keterlaluan sekiranya Kampung Tunku mencadangkan bahawa beberapa cadangan yang kami bangkitkan nanti diberi peruntukan tambahan sama ada daripada akaun wang disatukan ataupun daripada rizab Kerajaan Negeri. Ini tidak perlu diperakukan dalam tempoh terdekat tetapi seperti apa yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Sekinchan sekiranya prestasi kewangan negeri mengizinkan pada tahun-tahun yang akan datang maka ianya wajar diberi perhatian yang serius. Puan Speaker, berbeza dengan ucapan yang semalam yang menjangkakan ekonomi global akan meraih momentum pada tempoh separuh dua dalam tahun ini dan keseluruhan tahun hadapan, Kampung Tunku berpendapat bahawa ekonomi sedunia masih berada dalam keadaan terumbang-ambing berdasarkan beberapa statistik yang kurang memberangsangkan dikeluarkan dari badan-badan dunia seperti IMF dan bank dunia. Oleh itu, dasar dan strategik belanjawan kerajaan Negeri Selangor untuk tahun hadapan harus memberi penekanan kepada rakyat yang menerima pendapatan rendah dan sederhana. Salah satu usaha untuk memberangsangkan ekonomi negeri adalah memberangsangkan perniagaan dari akar umbi seperti menjaja, menjual nasi lemak, berniaga kecil-kecilan dan sebagainya. Untuk mencapai matlamat ini Kerajaan Negeri harus memberi penekanan kepada semua gerai makanan, medan selera, pasar-pasar

awam yang dimiliki dan diselenggara oleh PBT. Bukan sahaja infrastruktur dan kemudahan ini perlu dijaga malah Kerajaan cukup memikirkan cara untuk menarik lebih ramai pelanggan ke tempat-tempat yang dimiliki oleh PBT ini. Ekonomi Selangor amat bergantung pada sektor perkhidmatan dan pembuatan. Di mana sektor pembuatan merupakan sektor kedua terbesar yang menyumbang kepada KDNK di negeri Selangor. Sektor pembuatan harus memberi suntikan baru supaya ianya dapat memberi sumbangan yang lebih besar pada pembangunan negeri Selangor. Justeru itu, pelaburan di negeri Selangor ini selalu berubah-ubah Tan Sri. Corak pelaburan yang berlandaskan buruh atau *labour* insentif sudah tidak sesuai lagi.

Sebaliknya sektor nilai tambah yang lebih tinggi dan melibatkan penggunaan teknologi dan kepakaran yang tinggi harus diberi penekanan oleh Kerajaan Negeri. Pihak eksekutif harus mengambil iktibar bahawa negeri Johor dan Sarawak telah mendahului Selangor dalam tempoh 8 bulan tahun pertama ini. Maka perubahan dalam pelaburan negeri Selangor amat diperlukan bagi memastikan negeri Selangor terus menjadi pilihan pertama para pelabur sama ada daripada luar atau dalam negeri. Puan Speaker, sektor pembuatan yang bernilai tinggi yang saya maksudkan di sini ialah melibatkan tiga (3) teknologi di mana Kampung Tunku amat sesuai dilakukan, diusahakan, dibangunkan di negeri Selangor. Dan, ketiga-tiga teknologi ialah yang pertama industri automobil berasaskan teknologi hijau seperti pembuatan kereta hypride, Q-cell, NGV dan sebagainya. Yang Kedua, industri yang berasaskan tenaga solar, bio-diesel dan tenaga boleh diperbaharui. Dan yang ketiga, industri teknologi maklumat. Pihak eksekutif bercita-cita untuk menjadikan Bukit Beruntung sebuah bandar automobil berikutan terdirinya beberapa buah pembuat syarikat kereta dan kemasukan IKS di kawasan tersebut iaitu meningkatkan profil pelaburan Selangor untuk sektor automobil. Pihak eksekutif harus merancang untuk masa panjang untuk menarik lebih ramai pelabur teknologi tinggi ke Bukit Beruntung. Kita ada syarikat seperti Produa dan juga industri-industri sokongan yang lain yang sudah bertapak di Bukit Beruntung. Dan kita harus mengambil kesempatan ini untuk membangunkan teknologi hijau dan teknologi tinggi dalam industri automobil di Bukit Beruntung ini. Puan Speaker, Selangor juga menerima pelaburan daripada Q-cell dalam masa yang sama bahan-bahan api seperti bio-diesel telah pun mula dipasarkan di Malaysia. Ini adalah bertujuan untuk mengurangkan karbon *foot print*. Oleh itu Selangor mempunyai potensi yang sangat besar sebenarnya Puan Speaker untuk pembangunan boleh diperbaharui ini khusus bio-diesel yang diperbuat daripada minyak masak terpakai. Saya difahamkan LUAS, Lembaga Urus Air Selangor dengan kerjasama beberapa syarikat-syarikat kecil telah pun memulakan usaha ini. Dan saya rasa sudah sampai masanya untuk kerajaan negeri Selangor melalui PBT melakukan sesuatu secara besar-besaran untuk memastikan teknologi bio-diesel ini dipelopori oleh pelabur-pelabur di negeri Selangor ini. Puan Speaker, Selangor juga tidak asing lagi dari industri segi teknologi maklumat kerana kita mempunyai Cyberjaya. Apa yang malang ialah pembangunan industri ini seolah-olah terbantut sejak lebih 10 tahun yang lalu. Kampung Tunku percaya pihak eksekutif tidak harus mensia-siakan peluang sedia ada ini dan memikirkan sesuatu untuk menghidupkan kembali Cyberjaya ini. Puan Speaker, Kerajaan Negeri Selangor tidak boleh terlalu, selalu, bergantung usaha dan bantuan Kerajaan Persekutuan semata-mata dalam menarik pelabur ke negeri ini kerana inisiatif-inisiatif yang akan

dibekalkan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mana-mana pelabur, baik pelabur-pelabur di mana-mana negeri pun sama. Mereka membekalkan inisiatif yang sama. Sama ada ia melabur di Johor, Sarawak, di Pahang, di Pulau Pinang, di Selangor, sama. Jadi sekiranya Selangor hendak menjadi menunjukkan imejnya sebagai destinasi pelaburan utama, maka PBT perlu terlibat dalam usaha yang sedia ada. Dan, sebab utama saya mengetengahkan ketiga-tiga sektor ini adalah kerana Selangor mempunyai asas yang kukuh dalam ketiga-tiga bidang ini. Apa yang diperlukan dalam kerajaan Selangor ialah dasar-dasar yang menyeluruh untuk membangun mereka melabur semula dalam ketiga-tiga sektor ini. Puan Speaker, saya juga ingin menyebut sebuah jawatankuasa nama jawatankuasa bertindak bebas yang telah disebut dalam ucapan eksekutif semalam, Kampung Tunku menyambut baik beberapa penambahbaikan beberapa dalam penambahbaikan kewangan kerajaan negeri dasar seperti menetapkan akaun dibentangkan dalam setiap 4 bulan harus diteruskan. Kampung Tunku juga menyambut baik cadangan eksekutif untuk menubuhkan sebuah jawatankuasa, penama jawatankuasa bertindak bebas yang akan menjalankan fungsi-fungsi dalam ucapan semalam. Walaupun begitu pihak eksekutif tidak harus lupa bahawa semua peruntukkan kerajaan Selangor mendapat kelulusan dari Dewan Negeri Selangor. Oleh itu, sangat penting kerja-kerja pemantauan ini dilakukan oleh golongan profesional yang bakal menganggotai jawatankuasa bertindak bebas ini tapi kita perlu meletakkan di tempat yang betul untuk memantau operasi Kerajaan Negeri, syarikat-syarikat GLC. Maka Kampung Tunku ingin meminta kerajaan Selangor supaya menubuhkan sebuah lagi jawatankuasa pilihan khas yang bernama Jawatankuasa Khas Belanjawan yang mana jawatankuasa ini akan memantau semua aspek pentadbiran yang baik berkaitan dengan perbelanjaan belanjawan Kerajaan Negeri. Sebab utama cadangan ini diutarakan adalah kerana kepincangan beberapa buah jabatan kerajaan untuk mengoptimumkan kegunaan peruntukan tahun 2013. Walaupun kita sudah ataupun sudah masuk bagi ke bulan akhir 2013 tidak lama lagi tapi difahamkan kegunaan pada tahun ini dalam beberapa kepala belanjawan masih belum melebihi 80%. Jadi Puan Speaker, ini kita katakan Krismas *shopping* iaitu sekiranya peruntukan kepala-kepala ini untuk tahun 2013 ini tidak dapat dihabiskan, maka peruntukan untuk tahun hadapan akan dikurangkan. Untuk mengelakkan fenomena ini berlaku ketua-ketua jabatan akan menjalankan Krismas *shopping*. Bila ada Krismas *shopping*, *shopping* memang *value for money* tiada lagi. Jadi, ini apa yang saya rasa bantahan penubuhan jawatankuasa pemantauan belanjawan Dewan Negeri Selangor boleh mengelakkan perkara ini daripada berulang. Saya juga mencadangkan sekiranya boleh, jawatankuasa yang sama ditubuhkan di peringkat PBT supaya perbelanjaan di peringkat PBT juga boleh dipantau seketat-ketatnya oleh Ahli-ahli Majlis yang mengikuti ahli jawatankuasa ini. Puan Speaker, pihak eksekutif memperuntukkan RM21 Juta pada Jabatan Pengairan dan Saliran untuk pengurusan banjir pada tahun 2014. Peruntukkan ini sebenarnya telah merosot daripada RM27 Juta untuk tahun 2013. Kampung Tunku tidak faham tentang pengurangan ini lebih-lebih lagi JPS memang memerlukan peruntukan yang lebih banyak untuk menangani masalah banjir yang semakin berlaku. Oleh itu, saya memohon supaya kerajaan mempertimbangkan peruntukkan tambahan pada masa hadapan kepada JPS untuk menangani masalah banjir. Tapi ada syarat, iaitu JPS mestilah membuktikan kemampuannya untuk menangani masalah banjir terlebih dahulu. Puan Speaker, Kampung Tunku juga ingin

menyentuh tentang keselamatan awam dan Polis Bantuan. Saya telah menghadiri Komanwel *Parlimentry* di Afrika Selatan pada bulan September dan sempat melawat beberapa kawasan komersial *Cape Town* untuk memahami para peniaga di sana menjaga keselamatan kawasan perniagaan mereka. Peniaga-peniaga di *Cape Town* persatuan perniagaan melalui persatuan perniagaan mengupah pegawai keselamatan untuk meronda di kawasan mereka. Untuk pengalaman-pengalaman di *Cape Town*, Kampung Tunku mencadangkan dan berpendapat cadangan untuk menubuhkan polis bantuan di bawah PBT perlu diubah. Lebih-lebih lagi PBT di negeri Selangor selalunya menghadapi kesukaran untuk menubuhkan pasukan polis bantuan atas sebab-sebab politik. PBT boleh menggalakkan para peniaga untuk menubuhkan persatuan perniagaan atau *business solution* masing-masing. Dan, melalui persatuan ini bolehlah mereka memohon kebenaran daripada PDRM untuk menubuhkan pasukan Polis Bantuan. Dan, ini lebih efektif untuk mengurangkan jenayah di kawasan itu. Puan Speaker, Kampung Tunku juga ingin menyentuh pelan tuisyen rakyat Selangor di mana program ini mendapat sambutan yang begitu baik daripada pelajar-pelajar daripada keluarga miskin khususnya selepas pilihan raya yang ke-13 ini. Pada pendapat Kampung Tunku, telah sampai masanya kerajaan menawarkan lebih banyak opsiyen kepada pelajar-pelajar miskin ini. Pada 4 mata pelajaran, saya rasa harus dinaikkan kepada mata pelajaran lain yang lebih penting. Dan untuk ini berlaku saya rasa peruntukan untuk program-program abstrak yang lain perlu dipertimbangkan semula.

Program seperti SPIES perlu dinilai semula dan perlu dilihat sama ada ianya berjaya atau tidak, kalau sesuatu program itu kurang berjaya ataupun kita tidak ada suatu cara untuk mengukur setakat mana berjayanya sesuatu program itu saya rasa peruntukan untuk program-program ini perlu dikurangkan dan peruntukan yang dikurangkan ini harus dimasukkan kepada peruntukan yang boleh memberi kesan positif kepada rakyat di Negeri Selangor. Dan saya rasa PDRS ialah satu program yang perlu menerima bantuan ataupun peruntukan yang lebih banyak. Oleh itu saya minta Kerajaan melihat perkara ini Kampung Tuanku juga ingin mengingatkan pihak eksekutif seperti dalam isu pendidikan ini ada beberapa komitmen dalam manifesto kita yang tidak sempat dimasukkan ke dalam Belanjawan tahun 2014. Iaitu peruntukan kepada sekolah-sekolah kebangsaan dan juga SMJK yang menghadapi kesuntukan dana dan juga penubuhan sebuah biasiswa yang bernama Menteri Besar *Scholar Ship*. Perkara ini walaupun kecil tetapi harus diingatkan supaya tidak dilupakan pada tahun-tahun yang akan datang, walaupun tidak sempat masuk saya berharap Kerajaan Negeri Selangor boleh mempertimbangkannya untuk belanjawan pada tahun-tahun yang akan datang.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang bas komoditi dan masa depan pengangkutan awam, ini mustahak, saya minta sedikit *injured time*. Pihak eksekutif semalam mengumumkan bahawa sebuah majlis penama Majlis Pengangkutan Awam Selangor ataupun Selangor Transport Council telah ditubuhkan dan akan menyiapkan, telah menyiapkan kajian pertama tentang corak penggunaan pengangkutan awam ke tempat kerja di kalangan kakitangan pejabat SUK. Saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana majlis pengangkutan awam ini tidak ada maklumat yang banyak jadi kami minta supaya lebih banyak maklumat diberi kepada Dewan Negeri Selangor tentang peranan yang akan dimainkan oleh Selangor Transport

Council ini. Juga difahamkan majlis ini akan menjalankan kerja-kerja pengumpulan maklumat di peringkat akar umbi sehingga sekarang kami belum nampak lagi apa kerja yang dilakukan oleh Selangor Transport Council ini. Jadi saya minta supaya maklumat dan juga informasi tentang majlis ini disebarikan kepada para umum. Kami ingin membantu mempromosikan strategi-strategi pengangkutan awam di Negeri Selangor ini. Tapi kami tidak boleh melakukannya sekiranya kami tidak tahu bagaimana Selangor Transport Council berfungsi. Jadi saya minta supaya maklumat-maklumat ini dibekalkan kepada Dewan Negeri Selangor. Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sedikit tentang pelancongan ini dalam majlis dialog bajet langsung tidak disentuh. Kita ada banyak *workshop* tetapi tidak ada satu berkenaan dengan pelancongan. Pihak eksekutif melalui Tourism Selangor boleh mempertimbangkan untuk mengujudkan perkhidmatan bas *hope on, hope off* untuk para pelancong sekarang ini kita hanya ada satu iaitu di Kuala Lumpur sahaja. Saya percaya ini tidak cukup ianya perlu diwujudkan di Negeri Selangor dengan kerjasama daripada beberapa PBT. Lebih-lebih lagi pihak eksekutif hanya memperuntukkan RM5.2 juta untuk pembangunan sektor pelancongan di Negeri Selangor sahaja. Peruntukan ini tidak banyak maka ianya hanya digunakan di tempat yang betul dan yang mampu menjana pulangan yang terbanyak kepada Kerajaan Negeri Selangor. Perkhidmatan bas ini boleh membangunkan destinasi pelancongan di Negeri Selangor dengan menyumbangkan bilangan pelancong yang tetap ke destinasi ini, Walaupun begitu kajian yang menyeluruh harus dijalankan dan satu projek perintis boleh dimulakan di tempat-tempat yang mempunyai banyak tempat yang bersejarah seperti di Klang. Kampung Baru dan Kampong Bagan di Negeri Selangor semakin juga dikaitkan dengan industri pelancongan saban hari. Kampung Baru di Selangor mempunyai sejarah lebih daripada 60 tahun manakala setengah Kampong Bagan mempunyai sejarah lebih daripada seratus tahun. Pihak eksekutif pernah melakukan satu seri foto tentang kehidupan di Kampung Baru beberapa tahun yang lalu namun bahan-bahan pameran ini. Walaupun ianya merupakan dokumen bersejarah yang begitu penting dan begitu berharga untuk tatapan orang ramai khususnya generasi-generasi yang akan datang tetapi sekiranya jika ianya tidak disimpan dijaga dengan baik maka ianya hanya akan hilang begitu sahaja. Justeru itu saya juga ingin mengemukakan satu cadangan supaya kerajaan menubuhkan satu menubuhkan sebuah muzium yang mengumpulkan artifak seperti pisau penoreh getah, tulang bijih timah, basikal, lama, lampu kereseng, lampu suluh lama dan sebagainya. Kita kumpulkan artifak ini dan kita pameran dalam sebuah muzium yang baru. Kita jadikan muzium itu sebagai satu destinasi ataupun produk yang baru dan kita membolehkan generasi-generasi yang akan datang pelancong-pelancong yang melawat ke Negeri Selangor tahu tentang sejarah Kampung Baru dan Kampong Bagan ini. Sekiranya muzium ini dapat ditubuhkan ianya akan menjadi muzium Kampung Baru ataupun muzium Kampong Bagan yang pertama di Malaysia dan berpotensi menjadi satu lagi produk pelancongan.

Tuan Speaker saya juga ingin menyentuh sebuah Jawatankuasa yang akan ditubuhkan oleh Kerajaan namanya agak panjang Jawatankuasa Penambahbaikan Pentadbiran Agensi Negeri dan syarikat berkaitan Kerajaan yang akan ditubuhkan oleh Eksekutif. Saya ingin bertanya satu soalan sahaja iaitu apakah perbezaan antara Jawatankuasa ini dan Jawatankuasa ABAS yang dipengerusikan oleh saudara saya dari Hulu Kelang.

Kampung Tuanku merasa kluatir kerana nampaknya fungsi jawatankuasa ini bertindih dengan peranan yang dimainkan oleh JP ABAS dan untuk perkara ini saya minta lebih banyak penjelasan dari pihak eksekutif. Tuan Speaker saya ingin menjemput sedikit tentang undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor tahun 1959. Dengan majoriti 2/3 di dewan ini Kampung Tuanku percaya sudah sampai masanya untuk Kerajaan Pakatan rakyat meminta beberapa perkara di dalam undang-undang tubuh Kerajaan Selangor yang telah dipinda ada beberapa perkara, telah dipinda semasa Barisan Nasional jadi Kerajaan untuk memenuhi kepentingan politik Barisan Nasional pada masa dahulu. Jadi dengan adanya majoriti 2/3 dewan yang mulia ini saya rasa penting juga Kerajaan Negeri Selangor untuk melakukan sedikit perubahan dalam konteks ini supaya semangat asal undang-undang tubuh Kerajaan Negeri Selangor pada tahun 1959 ini dipulihkan supaya rakyat tahu apakah semangat asalnya rakyat akan dapat menghargai semangat asal yang telah termaktub dalam undang-undang tubuh Kerajaan. Jadi ada beberapa bab yang harus diberi perhatian antaranya ialah bab tiga yang berkaitan dengan eksekutif, bab lima yang berkaitan dengan perundangan. Selain itu dewan juga harus mengambil kesempatan untuk menambah baik mana-mana juga peruntukan yang lain dalam undang-undang tubuh kerajaan ini untuk menjadikannya sebuah tubuh kerajaan yang lebih lengkap dan menyeluruh.

Tuan Speaker ucapan Kampung Tuanku lazimnya tidak lengkap sekiranya jika tidak menyentuh tentang Dewan Negeri. Jadi saya ingin melengkapkan ucapan saya dan ini merupakan bahagian terakhir ucapan saya. Iaitu tentang pembaharuan Dewan Undangan Negeri ini, Kampung Tuanku juga sempat mengambil bahagian dalam suatu bengkel yang berkenaan dengan *Parliamentary Openes*, terbukakan Parlimen semasa menghadiri Konvensyen *conference* di Afrika Selatan. Dan saya telah membawa balik beberapa cadangan telah kami sempat berkongsi semasa menghadiri *conference* tersebut ada satu dokumen yang disebut *Parliamentary Opennes* di sini banyak perkara yang disebut tentang cara-cara untuk memperkasakan Dewan Parlimen ataupun Dewan Undangan Negeri dengan melibatkan banyak orang ramai terhadap operasi dan juga perjalanan Dewan Undangan Negeri. Dokumen ini sebenarnya merangkumi 44 cadangan dan saya berasa 44 cadangan ini adalah amat bersesuaian untuk dilaksanakan di Negeri Selangor. Untuk menjadikan Dewan di Negeri Selangor ini dewan yang mulia dan ini sejajar dengan tema ucapan saya iaitu kecemerlangan walaupun boleh dimulai oleh pihak eksekutif seperti melalui bajet yang mantap tetapi ianya tidak akan sempurna jikalau dalam dewan kita tidak ada kuasa, tidak diperkasa untuk memantapkan perbelanjaan dilakukan oleh eksekutif Justeru itu saya mencadangkan supaya kesemua 44 cadangan ini diterima dan dilaksanakan tahap demi tahap. Kami pun tidak hendak desak kesemua sekali dalam setahun tapi perlakuannya tapak demi tapak kita jadi sedikit demi sedikit lama-lama jadi bukit. Jadi 44 cadangan tapi saya ringkaskan di sini untuk pemahaman semua rakan-rakan kerana selain daripada siaran langsung yang mana sekarang ini di dalam lakukan melalui siaran langsung melalui Internet, yang pertama sekali laman web Negeri perlu ditukar untuk menjadikan lebih ringkas, lebih interaktif, lebih informasi. Laman web Dewan yang baru mesti mengandungi semua maklumat tentang ahli-ahli Dewan Undangan Negeri Selangor mengandungi peraturan-peraturan tetap, penyata status dokumen berkaitan dengan yang lain ianya mestilah dicari, mudah diguna dan senang untuk di

download atau diturun muat oleh kegunaan orang ramai. Dan program belia muda yang telah dimulakan pada tahun ini merupakan satu program yang bagus tetapi saya juga supaya skopnya diluaskan iaitu belia yang berumur 25 tahun hingga 35 tahun juga diberi peluang untuk mengambil bahagian. Saya rasa ini adalah cadangan yang boleh dilakukan di masa hadapan dan walau pun tidak dapat dilakukan pada masa sekarang ini tetapi baik untuk dipertimbangkan untuk perlaksanaan pada masa depan. Satu lagi perkara saya rasa kita tidak boleh lupa iaitu tentang enakmen perkhidmatan Dewan Negeri Selangor ataupun SELESA Enakmen SELESA ini untuk rekod di dalam dewan ini perlulah diluluskan secepat mungkin supaya pengurusan Dewan Negeri Selangor dijalankan dengan cara yang lebih bebas, lebih profesional tidak dipengaruhi oleh mana-mana faktor tertentu. Ini juga sejajar dengan ucapan saya yang dinyatakan tadi. Saya berharap saranan-saranan yang saya bangkitkan di sini sedikit berselerak tetapi merupakan apa yang saya sempat lakukan dalam masa dua tiga bulan ini diharap ianya dapat diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri Selangor. Sekiranya kita menghadapi dari segi kesuntukan kewangan kita tidak dapat melakukannya dalam belanjawan 2014 ini moga-moga tahun depan ada belanjawan ataupun perbekalan tambahan termasukkan juga dan jika perbekalan tambahan tidak dapat dilaksanakan tidak dimasukkan dalam belanjawan tahun 2015 dan 2016. Jadi saya Kampung Tuanku mohon menyokong. Sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Kinrara

Y.B. TUAN NG SZE HAN: Terima kasih Tuan Speaker kerana memberi peluang untuk membahaskan dalam bajet yang dibentangkan di dewan yang mulia ini Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian integriti dan kecekapan YAB Dato' Menteri Besar serta barisan EXCO dalam menerajui Kerajaan Negeri Selangor telah berjaya meningkatkan rizab negeri Selangor. Kini rizab Negeri Selangor mencecah 2.7 bilion, bagaimana ini telah membuktikan untuk Kerajaan Pakatan Rakyat telah berhikmat di Negeri Selangor dana awam. Setiap berkuasa tempatan atau PBT di bawah Negeri Selangor juga telah menunjukkan prestasi yang cemerlang dalam menjana pendapatan dan pengurusan kewangan awam. Dan pada masa yang sama tidak membebankan rakyat untuk meningkatkan hasil kerajaan sebagai contoh dengan tafsiran seluruh Negeri Selangor masih kekal pada kadar yang tidak membebankan. Hal ini tidak dapat membuktikan segala dasar yang dilaksanakan Kerajaan Pakatan Rakyat khususnya di Negeri Selangor adalah berdasarkan kepentingan kepada rakyat. Seperti yang apa dinyatakan di dalam ucapan bajet YAB Dato' Menteri Besar pendapatan kesemua PBT telah mencecah 2.7 bilion pada tahun 2012 lebih daripada menampung perbelanjaan 1.58 bilion. Secara perbandingannya di Bandaraya Kuala Lumpur baru-baru ini notis menyemak semula senarai nilai telah dikeluarkan oleh pihak DBKL. Cadangan nilai tahunan baru atau kata lain kenaikan cukai tafsiran telah sekali lagi merunsingkan para penduduk di Kuala Lumpur. Sesungguhnya sejak bulan Mei 2013 di mana Barisan Nasional lagi meneruskan tampuk pemerintahan sebagai kerajaan pusat. Beban rakyat telah bertambah berat ternyata yang disebabkan perkara-perkara yang telah dilakukan oleh Kerajaan Pusat. Dalam pembentangan bajet 2014 baru-baru ini sebanyak 204 bilion peruntukan daripada jumlah tersebut 4.5 bilion diperuntukkan bagi pembangunan, manakala 217.7

billion diperuntukkan perbelanjaan pengurus. Ini bermakna hanya 17% daripada jumlah peruntukan bajet Negara untuk pembangunan. Pecahan ini adalah sangat tidak seimbang. Apabila dibandingkan dengan bajet Selangor di mana peruntukan bagi perbelanjaan mengurus adalah hanya sebanyak 53%, Perbelanjaan 46.3% dari jumlah keseluruhan yang akan dibelanjakan ini jelas menunjukkan bajet Negeri Selangor lebih mengutamakan kepentingan seluruh Negeri Selangor.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Kinrara amat tertarik dengan satu perenggan di dalam ucapan bajet Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar. Ia berbunyi seperti berikut "sebagai langkah permulaan, kerajaan negeri bercadang memberi tumpuan kepada segala aspek berkaitan pentadbiran awam negeri. Pihak Berkuasa Tempatan serta agensi dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) negeri demi mengekang karenah birokrasi, mengurangkan ketirisan dan pembaziran dana awam, membasmi rasuah, meningkatkan pulangan kepada negeri serta menjamin penyampaian perkhidmatan awam dan swasta yang inovatif, positif, memastikan keperluan pelanggan yang selaras dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa".

GLC berpotensi menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi bagi Negeri Selangor. Namun begitu pra syaratnya ialah GLC perlu berubah menjadi sebuah entiti yang lebih berdaya saing dan mampan. Justeru itu adalah perlunya untuk mengambilkan pembaikan teras daripada segi menetapkan matlamat dan identiti supaya GLC boleh beroperasi dengan lebih berkesan. Hal ini adalah penting untuk menjamin prestasi setiap GLC supaya tidak menjadi beban kepada kerajaan negeri. Dalam konteks ini matlamat untung perlu diambil sebagai matlamat utama bagi GLC dan perlu dijadikan rangka panduan tindakan bagi entiti. Kinrara ingin menyarankan supaya dalam usaha mengangkat GLC sebagai pemacu ekonomi Negeri Selangor. Ia harus bermula dengan memberi definisi yang jelas kepada matlamat entiti. Langkah pendefinisian semula matlamat GLC bertujuan mengemas kini bentuk dan pelaksanaan organisasi GLC supaya peranan dan cara bertindak GLC adalah seiring dengan perkembangan semasa tempatan dan global serta perubahan suasana yang berlaku. Meski pun entiti dan aktiviti GLC merupakan sebahagian jentera kerajaan dalam memenuhi obligasi sosial. Namun aspek keuntungan, kecekapan dan keberkesanan perlu diutamakan.

Oleh itu pengembalian GLC kepada fungsi swasta akan meletakkan syarikat-syarikat milik kerajaan kepada kedudukan yang sama seperti syarikat swasta lain dalam pasaran tulen. Dengan itu GLC dapat menyumbang kepada pembangunan sosial ekonomi negeri dengan bertindak sebagai korporat tulen yang mengusahakan kepentingan rakyat. Untuk menguatkan lagi organisasi GLC, Kinrara mencadangkan supaya:-

- i) Penilaian semula perlu dilakukan ke atas struktur Lembaga Pengarah badan induk supaya tidak menjadi sekatan kepada perlakuan korporat GLC,
- ii) Pemilihan Ahli Lembaga Pengarah GLC perlu dipastikan adalah dilakukan daripada kalangan individu yang berpengalaman dan berpengetahuan dalam perniagaan dan industri.

Di samping itu kaedah perkongsian milikan atau konsep *in tribunal ventures* dengan izin wajar diteliti keberkesanannya dalam meningkatkan motivasi agen pengurusan GLC kerana ia dapat meningkatkan rasa keupayaan dan membebaskan entiti GLC daripada kesan negatif akibat situasi organisasi tidak bertuan. Pemberkasan GLC dijangka memberi nilai tambah kepada usaha mengukur struktur dalaman dan memangkinkan pertumbuhan domestik. Oleh itu kajian yang lebih mendalam perlu dilakukan bagi mengenal pasti isu dan permasalahan utama bagi meningkatkan keupayaan prestasi GLC daripada berprestij pengurusan perniagaan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, baru-baru ini Gamuda telah membuat tawaran kepada salah satu sebuah GLC, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) untuk mengambil alih 30% kepentingan dalam Kesas Holding Berhad. Dalam hal ini saya menyarankan supaya transaksi tersebut perlu dikaji semula atas rasional:

- i) Kesas Holding Berhad dilihat sebagai *Cash Cow* bagi PKNS;
- ii) Kos operasi Kesas Holding secara dasarnya tidak membebankan PKNS;
- iii) Harga yang ditawarkan oleh Gamuda adalah jauh lebih rendah daripada penilaian sebenar;
- iv) Adakah kadar bayaran tol Kesas akan meningkat setelah Gamuda mengambil alih Kesas Holding Berhad dengan sepenuhnya;
- v) Yang paling penting sekali kecekapan Yang Amat Berhormat Tan Sri Menteri Besar serta barisan EXCO dalam menerajui kerajaan Negeri Selangor yang telah berjaya menyimpan rezab Negeri Selangor yang sebanyak 2.7 bilion, ini bermakna kerajaan Negeri Selangor tidak kekurangan wang untuk masa ini.

Selain itu, Kinrara berpendapat bahawa kerajaan negeri harus mempertimbangkan semula keputusan untuk menjual pegangan saham Kesas Holding Berhad kepada Gamuda kerana keuntungan yang diperolehi oleh PKNS daripada pegangan saham Kesas Holding Berhad dapat digunakan untuk memanfaatkan rakyat secara seperti berikut tol percuma pada hujung minggu di Lebuhraya Kesas. Anggaran Kinrara berdasarkan laporan tahunan Kesas Holding Berhad, kerajaan negeri dapat memperoleh keuntungan sekurang-kurangnya RM36 juta dan jika keuntungan ini dikembalikan kepada rakyat Selangor yang menggunakan Lebuhraya Kesas menerusi tol percuma bagi satu hari yang ditetapkan setiap minggu. Sekurang-kurangnya 32 ribu pengguna akan dapat menikmati manfaat ini setiap tahun. Hal ini dapat menunjukkan komitmen secara peringkat awal bagi Pakatan Rakyat untuk merealisasikan Manifesto PRU yang ke-13, iaitu menghapuskan tol Lebuhraya tanpa membebankan negara.

Dalam konteks ini jika kerajaan negeri ingin meneruskan keputusan ini, Kinrara juga ingin memberikan satu lagi cadangan kepada kerajaan negeri untuk memastikan lebih ramai lagi rakyat dapat menikmati hasil jualan oleh PKNS. Seperti apa yang para Amat Yang Berhormat sedia maklum, Gamuda Berhad telah menawarkan RM375 juta untuk membeli 30% saham pegangan PKNS dalam Kesas Holding Berhad. Kenaikan harga minyak telah meningkatkan kos pengangkutan para pemilik kenderaan dan telah membebankan warga negara kita. Hal ini bertambah buruk kerana kerajaan pusat di bawah Barisan Nasional tidak lama lagi akan melaksanakan sistem percukaian *goes and service tax*.

Kinrara ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri supaya memperuntukkan RM375 juta sebagai insentif kepada rakyat Selangor untuk laluan tol percuma sehari dalam masa satu minggu di Lebuhraya Kesas. Dan anggaran kasarnya setahun sekurang-kurangnya terdapat 270 ribu pengguna akan menerima insentif ini. Berikut dengan itu sebagai kerajaan yang berprihatin kepada rakyat, kerajaan Selangor semestinya akan menyediakan pelbagai program untuk mengurangkan beban rakyat. Oleh itu Kinrara sekali lagi mencadangkan supaya transaksi berkenaan Kesas Holding Berhad harus dikaji selidik semula memandangkan ia masih berpotensi untuk menghasilkan pendapatan yang boleh digunakan untuk memanfaatkan rakyat kita khususnya kepada warga Negeri Selangor. Dengan ini Kinrara memohon untuk menyokong ucapan Bajet Negeri Selangor 2014, sekian terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: *Bismillahi Rahmanir Rahim, Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*, salam sejahtera, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu Tuan Speaker, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kerana DUN Batang Kali diberi peluang mengambil bahagian dalam perbahasan Bajet 2014 pada Mesyuarat Ke-3 Penggal Pertama Persidangan Dewan Undangan Negeri Selangor Ke-13 Bagi Tahun 2013.

Puan Speaker, saya tidak berhasrat atau pun berhajat untuk menyentuh keseluruhan inti pati bajet yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar tadi. Sebaliknya saya lebih menumpukan kepada beberapa aspek yang berkaitan dengan pelaburan yang dilakukan oleh kerajaan Negeri Selangor. Bagi saya pelaburan adalah nadi penting khasnya untuk menggerakkan sektor perindustrian Negeri Selangor sebagai sebuah negeri termaju dan terunggul di Malaysia. Melalui pelaburan domestik dan pelaburan luar negara sektor perindustrian Negeri Selangor sebagai sebuah negeri termaju dan terunggul di Malaysia. Melalui pelaburan domestik dan pelaburan luar negara, kita berharap akan lebih banyak projek-projek baru dan akan menambah lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan kepada rakyat dan Negeri Selangor. Dengan itu kita berharap inisiatif-inisiatif seperti ini akan menjadi penyumbang penting kepada KDNK negara atau pun Malaysia.

Namun Tuan Speaker, saya ingin menarik beberapa perkara atau pun menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat tentang satu statistik yang saya dapat daripada

MIDA atau pun Malaysia *Investment Development Authorities* dengan izin yang dikeluarkan baru-baru ini yang menunjukkan prestasi pelaburan Negeri Selangor sehingga Ogos 2013. Sebelum itu Puan Speaker saya ingin mengajaklah semua Ahli Dewan supaya mari kita bersama-sama memberi *thumbs up* atau pun tepukan gemuruh kepada kerajaan negeri kerana telah berjaya meletakkan negeri ini di tempat yang tertinggi sekali dan meluluskan projek pelaburan iaitu sebanyak 126 berbeza dengan negeri-negeri lain terutamanya di tempat kedua iaitu Johor sebanyak 106 projek. Jadi saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan negeri, walau bagaimanapun Puan Speaker terdapat beberapa kelemahan yang akhirnya menunjukkan seolah-olah kejayaan atau pun kedudukan kita tadi itu menampakkan seolah-olahnya kerajaan negeri telah gagal atau hilang kecekapan dalam mengurus *volume* dan *value* atau pun nilai pelaburan yang dibuat pada tahun 2013.

Dapatan yang saya dapat atau pun *finding*, saya menunjukkan bahawasanya pelaburan baru telah menurun, pelaburan baru telah menurun sebanyak 50% daripada 252 yang diluluskan pada tahun 2012 kepada 126 projek sahaja pada tahun 2013. Manakala *value of investment* dengan izin Puan Speaker bagi kedua-dua sektor pelaburan domestik dan juga pelaburan luar negara juga menampakkan penurunan yang sangat ketara. Untuk pelaburan domestik ianya telah menurun kepada 7.3 bilion kepada 1.5 bilion pada tahun ini iaitu pengurangan hampir 6 bilion. Jadi ini satu angka yang kita tidak boleh *tolerate* atau dengan izin Puan Speaker dari tangga pertama pada tahun 2012 sekarang ini Negeri Selangor telah jatuh ke tempat ke-3 di bawah Sabah. Jadi ini satu benda yang kita kena ambil serius dan kena memberikan penekanan yang lebih supaya angka kita daripada tempat ke-3 di bawah Sabah ini dapat dinaikkan pada masa-masa yang akan datang.

manakala pelaburan luar Negara pula pencapaian kita jatuh ini teruk betul ni, jatuh dari 4.4billion pada tahun 2012 kepada 1billion ini pada tahun ini, yang tak seronok sekali itu apa yang tak seronok sekali pada pelaburan luar Negara ini ialah kita tewas pada Melaka, Melaka yang kecil sebesar Hulu Selangor tu kita tewas kepada Melaka kali ini, jadi ini benda yang kita kena ambil perhatian kenapa kita boleh tewas kepada Melaka pada kali ini dan kita di tempat keempat, inilah sebab-sebabnya saya bertanya kepada Exco, semalam kepada Exco yang berkaitan yang menjawab soalan tambahan saya semalam, pada 19hb 11 semalam ini soalan tambahan saya nombor lima saya kata apakah deretan faktor-faktor yang di gembur gemburkan sebagai penggalak pelaburan sebagai penggalak pelaburan semalam dideretkan banyak betul faktor-faktor yang kononnya telah merangsang pertumbuhan pelaburan kita tetapi baru-baru ini ataupun dengan fakta-fakta yang saya dapat daripada MIDA ini menunjukkan sebaliknya tidak menunjukkan realiti sebenar daripada inisiatif yang kita buat, jadi saya berpendapat bahawasanya adalah perlu kita melihat semula sama ada faktor ataupun galakan-galakan yang kita buat itu benar-benar berkesan ataupun memerlukan *review* ataupun semakan semula ini yang saya minta semalam jadi bila dia cakap tidak tu jadi saya sendiri tak faham apakah maksud tidak oleh Exco berkenaan, tidak bermakna tak nak langsung *review* ataupun tidak mengatakan saya tak nak mengambil berat tentang perkara itu, jadi saya mohon supaya perkara faktor-faktor yang melemahkan pelaburan kita terutama pelaburan luar Negara ini diambil kira dan dibuat semakan semula, Puan

Speaker saya setuju ha tadi Kampung Tunku tadi ni tempat saya nak mendengar Kampung Tunku punya bahasan yang cantik, tahniah cantik bahasa ni, dia kata kita mesti bawa satu suntikan jiwa baru dia bagi jiwa saya biasanya cakap suntikan baru jer tapi dia bawa jiwa dia sekali ke dalam baru itu, dibuat bermakna di sini saya setuju supaya dasar-dasar pelaburan ini terutama dalam dasar-dasar pelaburan mengenai dengan insentif-insentif ataupun galakan-galakan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Selangor ini disemak semula jadi semak semula insentif-insentif kita supaya sesuai dengan keadaan masa dan sesuai dengan status terkini kita dengan negeri-negeri lain saya juga menyambut baik cadangan Kampung Tunku supaya kita membuat rancangan jangka panjang terutama mewujudkan Bandar Automobil, sebenarnya yang dimulakan oleh Barisan Nasional ini Barisan Nasional buat dulu ni, Perodua dengan Tan Chong dan kita dulu nak wujudkan *Transport Hub* di sana, jadi kilang-kilang mengenai dengan *transport* itu sepatutnya berada di sana tetapi tergendala sikit la, kononnya masyarakat tak nak rupanya PKR berlumba-lumba nak kan tempat tu, nak memajukan tempat tu, ok lah *alhamdulillah* dan nak majukan tempat itu dan sangat berfaedah untuk saya, tunggu saya habis sikit jer lagi, ok la saya bagi *chance*

TUAN SPEAKER: Kampung Tunku

Y.B TUAN LAU WENG SAN: Barangkali Y.B. tentang Batangkali ini tentang industri automobil di Bukit Beruntung seperti Tan Chong dan Perodua, tidak dapat perkembangan dengan baik barang kali kerana mungkin disebabkan oleh kilang Proton di Tanjung Malim yang lebih banyak diberi perhatian oleh Kerajaan Persekutuan sehingga menyebabkan Bukit Beruntung ini lembap sikit,

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Kampung Tunku saya sebenarnya ada jawapan lain untuk itu, bukan disebabkan oleh Proton, Proton yang diwujudkan di Tanjung Malim itu disebabkan yang ada ni di Shah Alam itu terlalu padat dan tidak boleh lagi beroperasi dengan sepenuhnya ni kena faham dan di sana juga *congestion, traffic congestion* yang begitu teruk yang begitu tak dapat menyuraikan trafik yang *jammed* di belah pagi di belah petang seluruh masa lah hari-hari boleh dikatakan *jammed* di situ cara jalan menyuraianya tidak di ambil berat maka Proton kena pindah lah sikit ke sana tetapi itu bukan isu yang saya nak sebut saya nak bagi apa ni kata nak sambut baik dulu Kampung Tunku supaya kita membuat rancangan masa panjang terutama mewujudkan Bandar Automobil di Bukit Sentosa ataupun di Bandar Bukit Beruntung tetapi saya nak menarik perhatian dewan ataupun Ahli Yang Berhormat ada beberapa isu ada beberapa isu yang saya sendiri turun dengan masyarakat Cina terutamanya yang merupakan operator-operator ataupun pengusaha-pengusaha ataupun peniaga-peniaga industri-industri di sana, sebenarnya di sana tu ada banyak kilang-kilang industri yang bertaraf kecil ataupun sederhana di sana tetapi mereka melaporkan kepada saya ni, baru-baru ni pun saya dah bawa berita ini ke dalam *mass media* dan menwar-warkan berita ini mengenai mengapa terdapat pelabur-pelabur yang segan dan pemalu ataupun bertindak lari tak mahu melabur di sana, ni masyarakat Cina di sana cakap ni di kawasan industri sana ya, kata kepada saya mereka mengatakan bahawa terdapat dan saya sendiri melihat terdapat operator kilang kitar semula yang beroperasi secara besar besaran melonggokkan bahan-bahan

sampah ni di tengah-tengah ataupun di antara premis-premis, kilang-kilang kecil ni terlalu banyak bukit tinggi-tinggi ni, kalau tikus jangan cakap sebaliknya ada restoran tapi kilang sampunya tinggi menggunung ini benda yang menyebabkan pelabur enggan nak masuk bila masuk jer tengok sampah dulu, kilang-kilang sampah ni terlalu banyak dan itu saya katakan saya cukup setuju dengan Sungai Pinang semalam supaya satu undang-undang khusus digubal untuk merangkum sekali operator-operator kitar semula ini kerana kita lihat dia ini, menghalang pembangunan ataupun pelaburan masuk terutamanya di Bukit Beruntung Puan Speaker, dan saya juga hendak mengambil perhatian bahawasanya operator-operator ini juga nampak-nampaknya ini Majlis Daerah pun kena main peranan, Majlis Daerah juga kena main peranan kerana kita juga nampak dan di depan mata saya sendiri ini saya juga nampak bahawasanya lori-lori operator mengangkat sampah ada juga membuang dan menghantar sampah-sampah barangkali boleh digunakan sebagai kitar semula ke tempat-tempat berkenaan, jadi ini kena ambil berat PBT kena ambil berat dan tengok balik kenapa operator-operator yang ada lambang tu pergi ke sana membawa sampah jadi benda ini kena lihat balik kenapa benda-benda itu boleh berlaku dan kita haraplah kalau lah ini kita ambil *win win situation* kalau benar-benar lah saya tengok kilang kitar semula dia dengan mesinnya mungkin dia melabur dengan banyak dia gunakan premis industri itu sebagai tempat dia mengitar semula membungkus semula barang-barang yang tak sedapnya *residue*, longgokan-longgokan sampah yang tak berguna tu bergunung dan lambat ataupun di biar begitu sahaja jadi itu permasalahannya tapi untuk *win win situation* saya mencadangkan kepada Kerajaan Negeri kalau lah benda ini boleh ataupun merupakan satu peluang di dalam sektor ekonomi yang sangat berpotensi kerana dia ada banyak sangat mesti dia berpotensi tu, barang-barang itu mesti boleh laku dijual dengan harga yang lumayan kalau ini merupakan satu sektor ekonomi yang bagus untuk kita ambil dan jadikan satu pendapatan ekonomi negeri saya mencadangkan kepada pihak Kerajaan supaya kita mewujudkan tapak-tapak khas jangan tapak pelupusan tapak-tapak khas dibina bagi kilang yang ambil sampah itu buat kilang dia betul-betul bagi tapak tanah besar-besar untuk mereka dirikan kalau bagi insentif pun bagus sebab mereka boleh kitar betul-betul tengok kilang dia, saya tengok mesin dia macam mana efektifnya mesin itu, untuk mengitar semula barang-barang tersebut, dan boleh dibungkus bertreler tuan-tuan, puan-puan Yang Berhormat minta maaf, Yang Berhormat semua, bertreler semua lorinya panjang-panjang berkontena berpanjang-panjang kontena dia berderet menunggu sampah-sampah yang di kitar itu, untuk dipasarkan tak tahu saya di mana, jadi kalau inilah kaedah di bawa ke Bukit Beruntung ini buatlah betul-betul biarlah dia satu yang bersih satu tempat yang harmoni yang boleh kita gunakan sebagai tak perlah *you all* boleh minta maaf mungkin Kerajaan Negeri boleh bagi tahu ataupun buat promosi Bandar Sampah Kitar Semula, kalau betul-betul jadi ambil perhatianlah perkara-perkara ini supaya benda aktiviti-aktiviti seperti ini dapat kita bukan sahaja kita halang dia daripada membuat kotoran tetapi memberi peluang kepada mereka untuk menjana ekonomi dan membantu Negeri untuk mendapat *reserve* yang lebih besar. Kita minat *reserve* jadi *reserve* yang lebih besar yang kedua tuan-tuan, Yang Berhormat dewan ialah dengan mengenai *system public transport* saya baru terdengar ni *public transport council* telah diwujudkan di Negeri Selangor dan ini juga merupakan satu faktor yang sangat penting khusus di kawasan jangka panjang yang di sebut Kampung Tunku untuk pembangunan industri di

kawasan Bukit Beruntung kalau benar-benar nak jadikan *area* yang dibeli daripada Talam ini yang beribu-ribu ekar ini kalau betul-betul lah nak di industrikan terutama industri sampah ini, maka saya mencadangkan kepada dewan *system transport* mesti diambil berat sekarang ini nak tunggu bas pun dua tiga jam tak mari ada kawasan langsung tak ada bas di Bukit Beruntung tu di Bandar Bukit Beruntung Sentosa tu langsung tak ada bas kesesakan dia punya *traffic light*, dia punya lubang baru ni lubang menyebabkan hampir 30 kenderaan rosak tersadai dekat tepi jalan di sebut dibangkitkan perkara ini mengambil masa yang lama untuk diperbetulkan jalan-jalan berkenaan jadi benda-benda ini perlu dinilai semula kalau betul-betul lah Kampung Tunku punya cadangan tadi sebagai cadangan rangka ataupun cadangan jangka panjang untuk menjadikan di sini sebagai tapak sektor industri baru bagi Negeri Selangor itulah Puan Speaker beberapa perkara yang saya nak bangkitkan mengenai dengan pelaburan ini, justeru itu saya memohon lah Kerajaan Negeri supaya serius untuk merencanakan bukan sahaja merencanakan aktiviti pelaburan terutama membawa balik kita punya kenangan pelaburan-pelaburan yang baik pada masa-masa lepas ke masa-masa yang akan datang tetapi juga lah mengambil berat mengenai dengan kehidupan rakyat yang terhimpit dengan kekotoran dengan *transport system* yang tidak baik dengan rupa bentuk bumi jalan yang tidak terurus dengan *system traffic* yang tidak di selenggara dengan baik supaya benda ini benar-benar boleh menjadi kenyataan sebagai sebuah tempat yang boleh kita banggakan sebagai satu lagi tempat tapak perindustrian terpenting di Negeri Selangor. *Wabilahitaufik walhidayah warahmatullahi wabarokatuh*. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Puan Speaker,

TUAN SPEAKER: Ya, Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Puan Speaker kerana memberi peluang kepada Bukit Gasing untuk mengambil bahagian dalam perbahasan belanjawan Kerajaan Negeri Selangor 2014. Pertama sekali ingin saya ucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor dan barisan pentadbiran Negeri Selangor kerana mencapai prestasi kewangan yang amat baik dalam 5 tahun yang belakang ini sehingga diperakui oleh pihak luar seperti Audit Negara.

Puan Speaker, cukai tanah merupakan satu sumber yang paling penting untuk pendapatan negeri ini. Saya ingin tanya pada Dewan pada hari ini, apakah kadar kutipan cukai tanah di seluruh negeri Selangor khususnya di daerah Petaling. Apakah tindakan yang diambil terhadap mereka yang tidak membayar ataupun mempunyai tunggakan cukai yang besar. Berapa peratuskah kes tunggakan cukai tanah setakat ini yang telah diambil tindakan-tindakan untuk menyelesaikan masalah tunggakan ini, dan jika terdapat rampasan tanah bolehkah kerajaan negeri memberi kami di Dewan ini sedikit maklumat tentang berapa ramai kes tunggakan cukai yang telah menyebabkan tanah tersebut dirampas. Satu lagi isu berkenaan dengan cukai tanah yang ingin saya bawa pada hari ini ialah kita perlu bersikap adil dengan cara kita mengenakan cukai tanah ini. Saya ingin membawa pada hari ini bahawa rumah pangsa kos rendah yang, contoh yang ingin saya beri ialah flat PKNS di Seksyen 17, Petaling Jaya. Mereka

dikenakan cukai yang tidak serata. Terdapat 16 blok di flat PKNS Seksyen 17, saiz dia ada 2 saiz sahaja ada dua bilik dengan ada yang tiga bilik, tetapi mereka dikenakan cukai tanah yang berbeza-beza daripada RM55.00 setahun pada sesetengah blok hingga RM163.00 setahun kepada sesetengah unit di sesetengah blok. Jadi saya ingin tanya kepada Dewan, kepada pentadbiran ini macam mana kita menilai cukai tanah supaya dia adil kepada semua. Dan satu lagi perbandingan yang saya buat ialah kepada rumah teres, rumah teres biasa bukan rumah teres yang besar sangat, tetapi rumah teres yang biasa dikenakan cukai tanah sebanyak RM50.00 sahaja. Pada pandangan saya ini tidak berapa adil kepada golongan miskin di Perbandaran Petaling Jaya di mana mereka membayar cukai tanah yang lebih dan saya telah menulis surat beberapa kali kepada PTG untuk mendapat kepastian dan mereka pun telah menjawab kepada saya bahawa cukai ini adalah betul kiraan dia. Jadi saya mohon kita mengkaji semula cara kita mengenakan cukai tanah supaya golongan termiskin kami yang tinggal di flat kos rendah tidak terpaksa membayar cukai tanah yang lebih daripada golongan yang sederhana yang tinggal di kawasan *landed property* dengan izin.

Yang kedua, isu yang ingin saya bawa kepada Dewan yang mulia ini ialah hartanah persendirian terutamanya rumah dan tanah persendirian yang menjadi kacau ganggu awam. Sepatutnya tanah seperti rumah ini sangat mahal, sangat berharga dan bagi kebanyakan orang merupakan pembelian terbesar yang mereka akan membuat dalam seumur hidup mereka. Tetapi malangnya tidak semua rumah ini dijaga dan disimpan dengan baik walaupun ia merupakan bukan *investment* dengan izin yang terbesar yang dibuat dan disebabkan oleh itu tanah-tanah dan rumah-rumah tersebut menjadi satu kacau ganggu kepada kawasan persekitaran. Dari DUN Bukit Gasing saya ingin membawa 2 jenis kacau ganggu yang besar daripada rumah terbiar ini.

Yang pertama ialah rumah terbiar di kawasan perumahan sedia ada di mana rumah itu menjadi usang. Ada kes di mana bumbung sudah hilang, tingkap sudah hilang, pintu sudah hilang, dinding dia pun ada yang separuh sudah pecah. Ini kawasan bandar-bandar lama di Petaling Jaya. Ini bukan satu, dua kes sahaja tetapi memang terdapat banyak kes. Contohnya di Seksyen 12 terdapat lebih kurang 600 buah rumah di Seksyen 12. Antara 600 rumah itu telah dikira 46 rumah yang terbiar. Ini adalah satu angka yang besar. Yang pertamanya ia boleh menyebabkan pemandangan yang tidak selesa kepada jiran-jiran. Saya kasihan kepada rumah-rumah yang menjaga keadaan rumahnya dengan bersih dan sempurna tetapi mereka terpaksa tinggal bersebelahan satu rumah yang terbiar. Yang kedua ia boleh menyebabkan takungan air dan pembiakan nyamuk aedes. Mungkin secara kebetulan di kawasan Seksyen 12 itu menjadi wabak *hotspot*, ada kemungkinan dia disebabkan oleh faktor terdapat ramai dan banyak rumah terbiar di sana. Terdapat juga aduan binatang liar yang datang daripada rumah ini dan termasuk ular dan juga ada terdapat aduan bahawa rumah terbiar ini digunakan oleh penagih dadah dan juga menyebabkan gejala sosial yang tidak sihat. Walaupun PBT pada hari ini membersihkan semak-samun jika ada aduan tetapi keadaan rumah yang usang seperti bumbung yang tiada, pintu ataupun dinding yang sudah pecah itu tidak ditangani oleh PBT. Saya juga telah mengemukakan kepada PTG satu senarai rumah terbiar untuk tindakan. Jadi di sini saya ingin bertanya kepada Kerajaan Negeri Selangor adakah, apakah rancangan Kerajaan Negeri

Selangor untuk menangani masalah rumah terbiar ini. Adakah kita akan *profit* dengan izin rumah ini daripada pemilik jika mereka enggan menjaga rumah ini. Ini bukan rumah yang dibiarkan 3 bulan atau 6 bulan. Ini adalah rumah yang dibiarkan 5 tahun, 10 tahun dan ada kes sampai 20, 30 tahun juga yang telah terbiar di kawasan Petaling Jaya.

Jenis yang kedua ialah tanah yang terletak pada cerun bukit terutamanya di Seksyen 5, Petaling Jaya yang di mana tanah-tanah ini menjadi sumber kepada tanah runtuh di kawasan Seksyen 5, Petaling Jaya. Tahun ini pun telah ada beberapa kes tanah runtuh di mana ia menyebabkan beberapa jalan tidak dapat dilalui oleh orang awam. Terdapat satu kes juga di mana dalam tanah runtuh tersebut satu kereta telah dihempap oleh pokok, nasib baik orang dalam kereta tu tidak cedera tetapi jelas tanah-tanah ini yang tidak dijaga oleh pemiliknya, kita tidak boleh membiarkan begitu sahaja. Pihak MBPJ telah membelanjakan sejumlah wang yang agak besar untuk menjaga tanah-tanah tersebut. Mereka telah membuat sedikit *maintenance* untuk demi keselamatan awam tetapi apakah rancangan jangka masa panjang. Adakah Kerajaan Negeri akan merampas tanah ini seperti yang pernah dikatakan sebelum ini ataupun apakah cadangan-cadangan lain untuk memastikan tanah ini tidak menjadi satu risiko kepada orang awam dan tidak membebankan PBT iaitu MBPJ dari segi kewangan jika kewangan Kerajaan Tempatan perlu digunakan *this is public fund* dengan izin.

Isu ketiga yang ingin saya bawa pada hari ini ialah isu pembaharuan tanah pajakan *rehold and renewal* dengan izin. Ini juga merupakan sumber kewangan yang besar kepada kerajaan negeri saya jangka. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pentadbiran kerajaan negeri kerana program yang baik untuk melanjutkan tempoh pajakan untuk rumah kediaman kepada 99 tahun dengan hanya premium RM1,000.00 sahaja. Ini memang program yang pertama sekali di Malaysia yang sangat baik dan prihatin kepada pemilik rumah yang tinggal di rumah tersebut. Walau bagaimanapun, satu masalah besar yang dihadapi oleh penduduk di kawasan DUN Bukit Gasing pada masa ini ialah masa yang diperlukan untuk proses permohonan ini. Apakah KPI untuk melengkapi satu permohonan. Saya mendapat aduan terdapat permohonan yang tunggu lebih daripada satu tahun masih lagi belum selesai. Di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan negeri untuk proses penambahbaikan bahawa salinan asal geran tanah tidak perlu diserahkan oleh pemohon kepada Pejabat Tanah sehingga geran baru siap di mana pada masa yang sama pemohon akan serahkan geran lama dan terima geran baru. Ini adalah kerana ramai penduduk kuaratir dan tidak senang hati untuk serah geran lama dan memandangkan proses untuk pembaharuan ini mengambil masa yang lama, paling kurang pun 6 bulan tetapi kebanyakan kes sampai 9 bulan, satu tahun. Mereka tidak pegang kepada geran rumah pada waktu yang sangat panjang.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa pembaharuan tanah untuk institusi terutamanya institusi yang bukan berasaskan keuntungan seperti gereja juga dimasukkan ke dalam skim ini. Sekarang skim ini hanya untuk rumah kediaman saya difahamkan. Institusi-institusi ini pun menghadapi masalah untuk buat *renewal* dengan izin atau sekarang di kawasan Petaling Jaya di kawasan asalnya sudah sampai tempoh untuk membuat pembaharuan. Jadi macam mana kita hendak mengatasi keadaan di

mana institusi-institusi yang mempunyai tanah pajakan ini, macam mana mereka akan membuat *renewal*, macam mana kita akan kira kadar. Kalau komersial itu cukup jelas, industri cukup jelas, tetapi untuk industri ini ada sedikit ke tidak jelasan.

Isu seterusnya dengan pajakan tanah ini adalah untuk lot komersial rumah kedai. Ini bukan lot komersial seperti *shopping mall* dengan izin ataupun pejabat-pejabat tetapi untuk rumah kedai di mana tingkat bawah adalah tempat perniagaan mereka dan tingkat atas adalah tempat di mana keluarga pemilik itu tinggal. Dalam kes-kes sebegini adakah kerajaan negeri akan memberi sebarang pengurangan ataupun insentif untuk memberi pengurangan premium yang cukup tinggi pada hari ini. Saya mendapati di kawasan Seksyen 1 di mana hanya 10 tahun tinggal ke atas tempoh pajakan mereka, mereka dikenakan bayaran premium lebih daripada RM500,000.00 kalau mereka hendak memperbaharui. Kebanyakan pemilik sekarang adalah warga emas, mereka telah berniaga untuk berpuluh-puluh tahun di sana. Mereka tidak mampu untuk membayar premium sebegini besar, banyak pun tidak dapat mendapat bank *loan* dengan izin sebab mereka adalah warga emas, adalah orang tua dan bank memerlukan waktu yang mencukupi untuk membayar pinjaman tersebut. Jadi apakah yang kita boleh tolong golongan ini.

Terima kasih Puan Speaker, ingin saya teruskan kepada satu lagi isu yang hangat di kawasan Petaling Jaya ialah siasatan ke atas pegangan bebas atau *free hold* dengan izin. Pejabat Tanah dan Galian serta Pejabat Penasihat Undang-undang telah memulakan siasatan ke atas soalan ini. Mengapa kawasan-kawasan Seksyen 1 hingga Seksyen 16 Petaling Jaya merupakan tanah pajakan dan bukan tanah pegangan bebas. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, rumah-rumah kawasan Seksyen 1 hingga 16 Petaling Jaya, kebanyakan dahulu sebahagian daripada Petaling Estet. Pada asalnya Petaling Estet ini adalah tanah pegangan bebas tetapi apabila bandar Petaling Jaya dibangunkan rumah-rumah ini diberi geran tanah pajakan. Mengapa tidak kekal lagi sebagai pegangan bebas seperti yang dilihat di kawasan-kawasan yang lain seperti bandar utama arah Damansara, Setia Alam dan Subang Jaya. Saya memohon apakah, untuk tanya, apakah status kajian yang dibuat oleh Pejabat Tanah dan Galian ini dan bilakah kajian ini boleh siap. Bilakah siasatan ini boleh siap sebab ramai yang menunggu untuk keputusan ini.

Puan Speaker, ingin saya juga bahaskan mengenai perumahan mampu milik. Bukit Gasing amat mengalu-alukan pengumuman Yang Amat Dato' Menteri Besar berkenaan RM100 juta yang diperuntukkan untuk rumah mampu milik dalam bajet ini. Kita perlu merancang untuk membina perumahan mampu milik ini bukan sahaja di kawasan luar bandar tetapi juga kawasan bandar seperti Petaling Jaya dan bukan kawasan-kawasan yang selama ini di luar pusat bandar malah, walaupun kita tidak membina hari ini kita perlu memulakan pengezonan *re-zoning* dengan izin kawasan-kawasan bandar untuk kita membina, dan merancang untuk membina rumah mampu milik di mana paling banyak diperlukan. Pada hari ini anak-anak muda Petaling Jaya yang dulu bersekolah di Petaling Jaya yang hidup di Petaling Jaya seumur hidup mereka tidak mampu membeli satu rumah disebabkan *even* rumah kondominium pun tidak kurang daripada RM500,000.00 di kawasan Petaling Jaya. Jadi apakah rancangan kerajaan negeri

untuk memastikan bahawa di kawasan bandar seperti Petaling Jaya, di Subang Jaya, di Ampang. Kita ada menyediakan rancangan yang mencukupi untuk membina perumahan rumah mampu milik. Saya mencadangkan insentif diberikan kepada industri-industri yang ingin bertukar daripada industri kepada bangunan lain. Selama ini kita selalu melihat industri bertukar kepada komersial sahaja tetapi saya ingin mencadangkan kerajaan negeri memberi insentif kepada pemilik tanah supaya industri akan bertukar *zoning* dia kepada rumah mampu milik ataupun rumah mampu milik bercampur dengan komersial ataupun bercampur dengan rumah harga bebas. Insentif yang kita boleh mencadangkan ialah pengecualian daripada premium lanjutan pajakan *list re-hold renewal extension* dengan izin. Kita juga memberi *charge* pembangunan yang kurang ataupun kita boleh kecualikan sepenuhnya *charge* pembangunan dan juga premium untuk penukaran syarat guna tanah. Saya mencadangkan, saya harap cadangan-cadangan ini boleh dikaji untuk merealisasikan impian mewujudkan rumah mampu milik untuk generasi akan datang. Sekarang generasi yang berumur antara 20 hingga 30 tahun yang baru mula kerja selepas pelajaran-pelajaran mereka menghadapi kesusahan cuma mereka yang ada bantuan kewangan ibu-bapa yang boleh membeli rumah di kawasan bandar.

Saya juga ingin membangkitkan isu penyelenggaraan rumah pangsa kos rendah. Terima kasih saya ingin ucapkan kepada kerajaan negeri kerana memperkenalkan Skim Ceria. RM2.4 juta adalah satu permulaan yang baik. Ia membantu rumah pangsa yang agak boleh menguruskan diri untuk mendapat bantuan kewangan untuk memperbaiki lif ataupun mengecatkan bangunan yang sangat diperlukan. Walaupun, walau bagaimanapun, kita perlu melakukan lebih banyak daripada itu. Banyak rumah pangsa tidak mendapat manfaat Skim Ceria kerana GMB tidak dapat dibentuk dan penduduk tidak dapat bersepadu. Banyak tidak mempunyai penyelenggaraan kerana tidak ada agen yang sedia mengambil alih dan pemaju tidak minat lagi untuk menjalankan penyelenggaraan.

Bukit Gasing ingin mencadangkan Kerajaan Negeri membentuk satu badan untuk mengambil alih pengurusan rumah pangsa seperti ini dan tidak boleh diuruskan oleh mana-mana pihak di mana pemaju tidak ingin buat, di mana agen tidak ingin buat, di mana *fc* tidak dapat dibentuk. Di dalam kes-kes ini, saya rasa memang perlu, memang patut kerajaan negeri mengkaji dan menubuhkan satu badan untuk mengambil alih pengurusan flat-flat ini. Bagi mereka yang ingin menguruskan sendiri, syabas saya ucapkan. Mereka harus digalakkan untuk berbuat demikian.

Satu contoh seperti ini adalah di Singapura di mana *Town Council*, dengan izin, bertanggungjawab untuk menguruskan rumah rakyat dikenali sebagai HDB flat. Jadi saya harap, demi kebaikan dan demi menjaga kebajikan penduduk yang paling miskin di kalangan kami, kami boleh menimbang idea ini, supaya *basic maintenance*, dengan izin, penyelenggaraan yang amat-amat *basic* seperti lif, seperti lampu di koridor, seperti rel tangga diselenggarakan dengan cukup memuaskan demi keselamatan penduduk dan demi kesejahteraan penduduk. Isu ke8 yang saya ingin bawa, isu ke7, maaf, yang saya ingin bawa pada hari ini ialah pilihan raya kerajaan tempatan. Saya amat gembira pada sidang dewan yang lepas, ia telah diumumkan bahawa kerajaan bercadang untuk

memulakan pilihan raya Kerajaan Tempatan pada hujung tahun hadapan di mana penggal pertama yang dilantik akan bermula pada 2015. Saya ingin tanya pada hari ini, apakah bajet yang diketepikan untuk melaksanakan pilihan raya kerajaan tempatan? Adakah rancangan kita untuk melakukan pilihan raya kerajaan tempatan pada hujung tahun hadapan masih lagi *on track*, dengan izin. Puan Speaker, ingin saya juga bangkitkan insentif untuk *Green Building*, dengan izin, bangunan yang *low carbon*, dengan izin. Banyak bangunan yang sedia ada, ada *potential*, dengan izin, dilaksanakan inisiatif-inisiatif untuk membentuk bangunan *Green Building*. Antara yang boleh dilakukan ialah pemasangan *solar panel rain water harvesting*, dengan izin, ada pelbagai lagi seperti *recycling*, kitar semula. Adakah kerajaan negeri bercadang untuk memberi insentif-insentif kepada bangunan ini. Bangunan seperti kondominium, bangunan pejabat, bangunan komersial dan juga industri. Untuk melaksanakan inisiatif-inisiatif *Green Building* ini terhadap memelihara persekitaran yang baik, untuk mengurangkan ke arah *Low Carbon City* yang diidamkan oleh kerajaan negeri. Perkara ini tidak jelas dalam ucapan bajet, jadi saya mohon sedikit penjelasan.

Perkara seterusnya ialah trafik. Masalah trafik yang dihadapi. Saya amat mengalu-alukan *Transport Council* yang dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar, yang perkara ini memang amat diperlukan pada zaman ini untuk kita proaktif untuk memikirkan dan mencari penyelesaian untuk masalah trafik yang kita ada. Jika tidak ada perancangan untuk pengangkutan awam, pastinya dia tidak boleh berjaya. Satu perancangan yang rapi diperlukan untuk melukis jajaran apa ni, *network*, dengan izin, laluan bas. Sekarang kita ada banyak stesen LRT yang wujud di Selangor. Kita ada juga stesen MRT yang sedang dibina. Kita pun ada banyak stesen komuter di seluruh Selangor tetapi banyak stesen ini tidak mempunyai jaringan bas untuk memberi laluan untuk memberi perkhidmatan kepada penduduk dalam lingkungan 2 – 3 kilometer daripada stesen itu. Jadi, saya harap *Transport Council* ini akan membelanjakan sedikit wang untuk membuat satu kajian trafik menyeluruh. Kajian trafik yang melibatkan semua jenis pengangkutan awam dan juga untuk menyelesaikan masalah trafik secara umumnya. Kita sudah ada Pelan Rancangan Tempatan, kita boleh tau dah semua *zoning-zoning* yang sedia ada dan macam mana kita boleh *make sure*, dengan izin, semua pembangunan yang akan datang tu telah ada persiapan *infrastructure* jalan dan juga pengangkutan awam. Puan Pengerusi, saya juga ingin membangkitkan isu untuk ketelusan kerajaan negeri. Saya rasa kerajaan negeri Selangor memang amat baik dan antara yang terbaik di antara semua negeri di Malaysia, tetapi, saya ingin membangkitkan 3 perkara untuk meningkatkan lagi ketelusan kerajaan negeri. Yang pertama, saya memohon satu laporan perbelanjaan Geran Selangorku sebanyak RM300 juta telah dibelanjakan. Adakah kesemua RM300 juta ini sudah habis dibelanjakan. Bagaimana prestasinya, bagaimana laporan *intact* daripada perbelanjaan ini. Yang kedua, untuk meningkatkan penggunaan dan kesedaran awam terhadap kebebasan maklumat. Apakah langkah-langkah yang telah dilaksanakan oleh kerajaan negeri untuk 6 bulan yang lepas untuk mempromosikan enakmen ini, untuk mempromosikan penggunaan enakmen ini. Selama ini, berapa banyak permohonan maklumat yang telah dibuat? Saya rasa kita perlu membuat lagi banyak promosi untuk rakyat lebih tahu dan lebih faham fasal enakmen ini dan apa hak-hak mereka untuk mendapat maklumat dan yang ketiga, perisytiharan aset oleh ahli pentadbiran. Saya

ingin mohon penjelasan adakah ini telah dibuat ataupun akan dibuat oleh pentadbiran kerajaan untuk penggal ini.

Saya juga ingin membangkitkan sedikit lagi isu iaitu prestasi JKR di negeri Selangor. Kita lihat banyak aduan yang tidak dapat diselesaikan dalam masa yang cepat, *response time*, dengan izin, perlu ditingkatkan terutamanya untuk isu lubang jalan dan kerosakan jalan. Saya sendiri pun telah ada aduan kepada JKR selama 2-3 bulan tak selesai lagi. Rekod-rekodnya pun ada. Macam mana kita memantau prestasi kerja JKR terhadap aduan-aduan ini. Macam mana kita memastikan bahawa lubang-lubang jalan dan juga lampu-lampu jalan yang tidak berfungsi ini dibaiki secepat mungkin. Contohnya Lebuhraya Persekutuan, *Federal Highway*, dengan izin, Persiaran Kewajipan Subang Jaya pun kerap ada aduan yang tidak dapat diselesaikan dengan cepat dan Subang Kelana Link walaupun baru selalu mendapat masalah lampu yang tidak berfungsi.

Puan Speaker, akhir sekali saya ingin menekankan isu pentadbiran PBT. PBT merupakan perkara yang paling dapat dilihat oleh semua penduduk di negeri Selangor. Prestasi kerja PBT amatlah penting kerana itu yang dapat dilihat oleh semua 5.6 juta penduduk di negeri Selangor. Antara satu faktor yang saya mohon sedikit pendekatan diberi supaya penambahbaikan adalah sistem pengurusan aduan. Pada hari ini terdapat banyak aduan yang dibuat yang tidak dijawab dengan sempurna. Barangkali, aduan-aduan yang masih lagi tidak dijawab langsung. Saya harap kita boleh mewujudkan satu sistem untuk memantau setiap aduan yang dibuat, untuk memastikan aduan-aduan itu dijawab dengan sempurna dengan maklum balas yang diberi kepada penduduk secara berkala. Kadang-kadang aduan itu tidak boleh diselesaikan dalam 2-3 hari, saya faham, tetapi ada kala dalam 3 bulan selepas aduan dibuat, tiada sebarang maklum balas diberi balik kepada pengguna. Biasanya, bila mereka membuat aduan, maklumat asas seperti nombor telefon, e-mel, telah diangkat oleh pegawai tetapi *follow-up*, dengan izin, perlu ditambahbaik. Jadi, untuk imej kerajaan Pakatan Rakyat sempurna di masyarakat, saya amat berharap kita mengambil tindakan untuk memastikan sebarang *contact point*, dengan izin, masyarakat dengan kerajaan terutamanya di dalam PBT adalah sempurna. Pengendalian aduan itu adalah satu *contact point* yang selalu berlaku. Lebih daripada 20,000 aduan direkodkan oleh Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Saya harap dapat ditingkatkan prestasinya supaya rakyat dapat berpuas hati dengan pentadbiran kerajaan ini. Terima kasih untuk mengizinkan saya masuk ke dalam *injury time*, dan dengan ini saya mohon menyokong.

TUAN SPEAKER: Baiklah, ada pihak pembangkang nak berbahas, saya bagi keutamaan. Ada lagi Adun yang nak bahas? Kalau tidak, saya kena minta EXCO menggulung kalau tak ada Adun nak bahas.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Saya boleh sambung Puan Speaker? (ketawa)

TUAN SPEAKER: (Ketawa) Ada lagi isu yang nak bangkitkan? Baiklah Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Puan Speaker kerana memberi satu masa tambahan. Berkenaan dengan PBT kerana saya mempunyai sedikit masa tambahan. Saya ingin bertanya beberapa lagi perkara ataupun membincangkan beberapa lagi perkara. Satu perkara yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapannya, adalah permohonan *online* yang harus ditingkatkan. Pada pandangan saya, ini lah, adalah sangat diperlukan pada zaman teknologi ini. Memang sedikit permohonan sudah boleh dilakukan oleh sesetengah PBT tetapi pada masa ini, masih lagi banyak permohonan-permohonan yang kita perlu, yang rakyat perlu pergi ke kaunter, hadir secara fizikal untuk melakukan permohonan tersebut seperti nak tempah dewan, seperti nak mohon lesen anjing, nak mohon untuk tukar alamat pun kadang-kadang kita perlu pergi ke kaunter untuk beratur. Pada pandangan saya, dalam zaman teknologi ini kita boleh menambahbaik perkhidmatan kami kepada penduduk. Saya ingin tanya, apakah tempoh masa yang dicadangkan untuk diberi kepada setiap PBT di Selangor supaya setiap transaksi kaunter pada hari ini akan dilakukan, akan boleh dilakukan secara *online*. Saya tidak mencadangkan kita tutup kaunter. Mungkin cadangan MPSJ untuk tutup kaunter *Zero* ini patut dikaji semula tetapi saya mencadangkan sementara kaunter itu masih ada, setiap transaksi yang boleh dilakukan di kaunter, perlu juga boleh dilakukan secara *online*. Dengan perkhidmatan-perkhidmatan terkini, semua transaksi kewangan juga boleh dilakukan secara *online*. Pembaharuan lesen perniagaan mungkin sebagai satu contoh antara yang lain.

Economic of scales, juga diberi pendekatan dalam ucapan Menteri Besar. Saya juga ingin memohon penjelasan adakah *Economic of scales* ini hanya untuk pembelian barangan seperti pembelian alatulis dan sebagainya ataupun dicadangkan *Economic of scales* ini dilanjutkan kepada perkhidmatan kontraktor? Antara perkhidmatan kontraktor yang sedang, yang sering dihadapi cabaran untuk memastikan kualitinya ialah kontraktor pembersihan. Kontraktor pembersihan PBT ditugaskan untuk membersihkan longkang, untuk sapu jalan dan untuk potong rumput dan membersihkan padang permainan. Ada PBT yang telah mensyaratkan kontraktor pembersihan ini juga untuk membersihkan *sticker-sticker Along* dan iklan haram. Saya ingin tanya di sini, adakah wajar kontrak-kontrak ini diberi kepada kontraktor-kontraktor kecil? Kontraktor-kontraktor kecil ini ada kebaikannya, kita memberi peluang *business* kepada ramai orang tetapi setakat ini, ada tak kita *monitor* atau kita memantau untuk memastikan bahawa bukan satu orang yang pegang ramai kontrak tapi boleh tak kita memikirkan untuk menggabungkan zon-zon yang sedia ada kepada zon yang lebih besar. Jika kita menggabungkan zon kontraktor pembersihan kepada zon yang lebih besar, ini membolehkan *supervisor*, dengan izin, pengawas-pengawas boleh digerakkan oleh kontraktor dan dia ada *Economic of scales*, dengan izin, untuk menjaga kawasan tersebut. Katakanlah dalam zon yang kecil, hanya 2 orang yang potong rumput. Katakan 1 orang demam, ataupun dia cuti, ataupun dia hilang, kadang-kadang orang berhenti kerja. Masa yang diperlukan untuk mencari orang gantian itu akan menyebabkan kerja tergendala untuk minggu tersebut ataupun 2 minggu tersebut. Tapi jika kontrak itu adalah kontrak yang lebih besar, meliputi zon yang lebih besar, dia ada 20 orang pemotong rumput apabila 1 orang demam, ataupun 2 orang demam, ada lebih

banyak pekerja yang boleh tolong *cover*, dengan izin, kerja-kerja beliau. Juga untuk pengawas, biasanya kontraktor yang kecil ini tidak mampu untuk ada pengawas sepenuh masa di tapak. Kalau kontrak yang zonnya lebih besar, pengawas yang sepenuh masa boleh ditempatkan untuk memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan betul. Isu untuk membeli lori untuk kontraktor-kontraktor ini juga menjadi satu cabaran jika zon mereka terlalu kecil. Mereka memerlukan lori mungkin hanya untuk beberapa jam sehari jika zon mereka kecil dan tidak berapa *economical* jadi semua ini boleh menjejaskan prestasi kerja kontraktor-kontraktor kecil.

Saya juga ingin membangkitkan isu pembaikan jalan raya, *pothole patching*, dengan izin, kontraktor-kontraktor yang kecil, dia tidak mampu untuk menyewa *roller*, *mini roller*, dia hanya mampu buat kerja-kerja *patching manual* dengan *hand presser* tu. Ini menyebabkan *patching* jalan tidak sempurna. Saya pernah melawat dan

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Mohon mencelah.

TUAN SPEAKER: Ya, Sungai Panjang hendak mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Biar saya habis ayat dulu. Saya pernah lawat pembaikan-pembaikan jalan raya ini oleh PBT untuk memerhati bagaimana kontraktor melakukan kerja dan kontraktor kecil ini memang menghadapi kekangan untuk membeli alat ataupun menyewa alat yang diperlukan untuk pembaikan secara sempurna. Jadi jika kontrak itu adalah kontrak yang lebih besar di mana kita menggabungkan zon beberapa zon yang sedia ada kepada zon yang lebih besar, saya yakin kontraktor-kontraktor yang mempunyai keupayaan kewangan yang lebih dan peralatan yang cukup dapat membuat kerja dengan lebih bagus. Kalau kita tengok macam lebuhraya di mana satu kontrak yang besar untuk membuat pembaikan untuk jalan lebuhraya itu kontrak hasil kerja itu lebih memuaskan. Ok-ok.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Minta pandangan daripada Bukit Gasing adakah ini bermakna pemilihan kontraktor itu merupakan kontraktor yang betul-betul tidak mempunyai keupayaan ataupun kerana nilai kontrak seperti yang disebut tadi terlalu kecil sehingga tidak melayakkan dia untuk mempunyai kekuatan aset dalam menjalankan kerja tersebut.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Memang betul kita kena ambil kira semua faktor. Pemilihan kontraktor saya yakin pada hari ini memang mengikut kriteria memang tak ada penyelewengan dan saya yakin jika ada pihak audit Kerajaan Negeri tolonglah bangkitkan. Itu untuk pemilihan kontraktor yang betul tetapi jika walaupun apa cara pun yang dipilih yang digunakan untuk memilih tapi jika kontrak itu terlalu kecil, kontraktor itu tidak mempunyai keupayaan untuk memberi servis yang sebaiknya kepada kawasan itu. Jadi *economic of scales* ini perlu dikaji juga bukan sahaja untuk pembelian barangan-barangan tetapi juga untuk pembelian perkhidmatan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Yang Berhormat Puan Speaker, saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing ya berkenaan berapa huraian tadi tentang

kontraktor-kontraktor pembersihan yang dilantik kontraktor kecil. Pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya kita beri semua kepada kontraktor yang besar sejak sampai bila kita tak bagi peluang kepada kontraktor-kontraktor kecil. Bagaimana kontraktor kecil-kecilan ramai yang kelas F ini untuk mereka menimba pengalaman supaya mereka juga akan satu hari nanti jadi boleh jadi kontraktor yang besar. Kalau kita tak bagi langsung jadi saya nampak kena ada sesuatu untuk bantu kontraktor yang kecil ini kalau tidak bagaimana penjelasan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Yang Berhormat Sekinchan. Kita bolehlah membagi sedikit kerja kepada kontraktor kecil kita perlu menilai jenis kerja. Ada kerja yang sesuai ada kerja yang mungkin kurang sesuai dan saya harap kita dapat menilainya secara terbuka. Kita jangan cakap semua kerja mesti beri kepada kontraktor besar ataupun semua kerja kena pergi kepada kontraktor kecil. Mungkin sedikit kelonggaran boleh diberi bergantung kepada jenis-jenis kerja tersebut. Puan Speaker izinkan saya untuk bertanya kepada satu lagi isu ialah di bawah cukai hiburan tetapi isu saya lain yang dibawa oleh pihak pembangkang. Di bawah cukai hiburan ada satu cukai tiket pertunjukan hiburan iaitu di bawah Kod 62803. Puan Speaker, selama 2 hingga 3 tahun yang lepas saya perhatikan daripada dokumen bajet yang dibekalkan hanya kutipan yang sangat kecil dikutipkan untuk cukai ini, 1,425 pada Tahun 2012, 1,381 pada Tahun 2013 sehingga kini dan hanya RM1,000.00 dijangka dikutip untuk tahun hadapan. Saya ingin tanya mengapakah begitu rendah cukai tiket pertunjukan hiburan ini. Adakah betul-betul tiada hiburan di Selangor? Walaupun kecekapan pengutipan cukai ini kurang berkesan. Dan juga jika cukai ini betul-betul begitu rendah mungkin kadar cukai yang begitu rendah sekali adakah wajar kita membelanjakan apa ini *administration cost*, kos pentadbiran untuk mengutip cukai yang tidak banyak. Kalau cukai itu dalam kiraan jutaan saya faham tetapi ini hanya dalam lingkungan RM1,000.00 yang dijangka kutip untuk tahun hadapan. Mungkin penguatkuasaan juga perlu dilihat semula dan akhir sekali saya ingin tanya kepada pelaburan hasil yang diterima daripada pelaburan. Memandangkan pada hari ini kita ada *reserve* Kerajaan Negeri yang sangat tinggi berbanding tahun-tahun terdahulu di bawah pentadbiran Barisan Nasional. Saya ingin mengucapkan tahniah sekali lagi kerana *reserve* ini dapat ditubuhkan dengan begitu baik tetapi pelaburan ini menjadi semakin penting. Macam mana *reserve* ini dilaburkan? Berapa banyak dalam *fix* deposit kerana hasil pulangan mungkin tidak begitu bagus. Berapa banyak diletakkan dalam pelaburan jenis lain? Macam mana kita memberi satu *bench mark* dengan izin *reserve* hasil pelaburan *reserve* kami berbanding dengan apa *bench mark* pelaburan ini. Jadi saya harap isu itu dapat diberi satu jawapan yang bagus disebabkan sekarang kita ada cukup banyak duit di dalam *reserve* kami. Mungkin *sorry* minta maaf, Puan Speaker yang terakhir sekali saya ingin tanya fasal isu miskin bandar. Saya ingin mencadangkan kita meningkatkan peruntukan di bawah perancangan miskin bandar buat masa ini lebih kurang 2 juta diperuntukkan untuk program-program kemiskinan bandar tapi miskin bandar ini bukan satu yang kecil. Di kawasan Petaling Jaya juga ada Desa Mentari, kawasan PJS dan juga Kota Damansara yang mana terdapat banyak miskin bandar itu.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing, Sungai Panjang minta mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sekejap, sekejap. Jadi saya mohon kita tingkatkan dengan lebih drastik peruntukan yang dapat diberikan kepada port folio ini untuk kemiskinan bandar supaya program-program, inisiatif aktiviti dapat dilakukan dengan lebih berkesan mungkin 10 juta atau mungkin 20 juta kita tingkatkan sebagai satu permulaan supaya kita dapat melihat bantuan diberi kepada yang amat memerlukannya.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: Saya melihat dari segi kemiskinan ini sama ada dari segi kampung desa ataupun bandar. Saya fikir kemiskinan adalah soal kemiskinan. Saya pohon pandangan daripada Yang Berhormat.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Betul. Semua kemiskinan..

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHD: Ada lagi, ada lagi jangan jawab lagi. Baru nak pohon pandangan dahulu, terutama yang berkaitan dengan kemiskinan bandar. Terhadap perbandingan ada perbandingan ada miskin di desa dan bandar tetapi kita melihat kaedah penyelesaian itu seolah-olah sama antara mereka yang miskin di bandar, mereka yang miskin di desa. Ada tak penambahbaikan pada pandangan Yang Berhormat dari segi aspek ini?

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Pada pandangan saya kita haruslah memberi peluang untuk penambahbaikan pertama sekali dengan penambahbaikan bajet yang diberi untuk menangani masalah kemiskinan. Kemiskinan desa pun juga perlu ditandatangani tetapi mungkin saya lebih fokus kepada kemiskinan bandar disebabkan saya mewakili kawasan memang di pusat bandar jadi saya harus menyuarakan untuk mereka di kawasan bandar tapi mungkin saya bagi laluan kepada Sekinchan untuk memberi hujah di luar bandar.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya nak tanya penjelasan Yang Berhormat Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Saya khusyuk mendengar perbahasan daripada Yang Berhormat Bukit Gasing tentang kemiskinan bandar ini. Saya hendak tanya apa definisi dan takrifan kemiskinan bandar, berapa tarif itu? 2,000 itu miskin ke, 3,000 ke, 5,000 ke? Mana dikatakan kemiskinan bandar? Berapa tahap dia? Baru saya boleh menjustifikasikan dia miskin atau sengaja kata dia miskin. Ini satu mohon penjelasan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Takrifan itu nampaknya ada beberapa takrifan. Kerajaan Pusat buat takrifan 700 lebih kalau tak silap saya RM784.00 tapi dalam sekitar RM700.00 lebih sahaja untuk kemiskinan bandar. Pada pandangan saya keadaan itu...

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Mohon mencelah

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing, Batang Kali minta mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Sekejap, pada pandangan saya taraf itu memang tak sesuai dipakai lagi. Taraf 1,500 itu memang lebih sesuai dipakai untuk kawasan bandar.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Pembetulan.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Ya.

Y.B. TUAN MAT NADZARI BIN AHMAD DAHLAN: Sebab saya rasa apa ini *value* ataupun nilai kemiskinan bandar RM700.00 tak tepat itu ya, tak tepat. Dalam kajian saya kemiskinan bandar ini tahap dia sehinggakan kita harus fikir bahawasanya keperluan mereka hingga ke sebuah kereta kancil ialah RM2,000.00 lebih itu apa ya, RM2,400.00 lebih kurang adalah merupakan nilai miskin bandar. Terima kasih.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Terima kasih Yang Berhormat. Jelas sekali paras garis kemiskinan yang ditetapkan oleh Barisan Nasional ini tidak lagi sesuai pada zaman ini. Yang Berhormat daripada Barisan Nasional pun telah memberi hujah yang cukup bagus untuk menunjukkan garis kemiskinan Kerajaan Pusat memang tidak lagi sesuai untuk digunakan pada hari ini. Saya cadangkan kadar garis kemiskinan yang baru perlu ditetapkan supaya kita dapat memberi bantuan kepada mereka yang betul-betul memerlukannya. Pada hari ini mungkin ada yang terlepas daripada bantuan disebabkan garis kemiskinan yang tidak sesuai. Jadi di sini saya ingin membuat pengakhiran kepada ucapan saya mungkin pihak pembangkang boleh sambung dengan ucapan-ucapan mereka jadi terima kasih Puan Speaker untuk masa tambahan.

TUAN SPEAKER: Dia tak bagi mencelah.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Tidak memberi laluan. Terima kasih kepada Puan Speaker kerana memberi masa yang lebih. Ok, ok, di atas permintaan orang ramai.

TUAN SPEAKER: Sungai Panjang kalau nak bahas saya boleh bagi masa untuk bahas tak payah mencelah. Bukit Gasing nak..

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Boleh-boleh.

Y.B. TUAN BUDIMAN BIN MOHD. ZOHDI: Sebab saya melihat daripada tadi sama ada dari Bukit Gasing ataupun daripada Yang Berhormat tadi mencetuskan isu kemiskinan ini seolah-olah satu isu kemelutnya tidak selesai. Seolah-olah ini satu *leaving issue* akhirnya siapa pun pemimpin tidak ada seolah-olah satu penyelesaian. Sebab itu saya pohon pandangan saya pohon pendapat apakah sebenarnya kaedah itu sebenarnya dari peringkat awal tadi saya bertanyakan tadi apakah sebenarnya kaedah sebab bila melihat kemiskinan bandar punya kaedah penyelesaian yang berbeza dengan mereka yang ada kaedah kemiskinan yang berada di kampung ditambah pula

dengan nilai kemiskinan itu tahap garis kemiskinan yang dilihat sama ada yang dikemukakan oleh di Pusat ataupun di Negeri kelihatan tahapnya itu tidak relevan sampai Yang Berhormat tadi katakan saya tadi sebutkan sehingga sampai kereta kancil, sebab itu saya pohon penjelasan daripada Yang Berhormat adakah selama ini program kemiskinan dalam tempoh 5 tahun ini tidak ada satu penyelesaian.

Y.B. TUAN RAJIV A/L RISHYAKARAN: Bukan kata tiada penyelesaian. Memang ada penyelesaiannya. Memang penyelesaiannya dilaksanakan dan untuk membantu kita mempercepatkan penyelesaian ini saya mohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri untuk membantu dalam perkara ini ditingkatkan. Pada masa yang sama saya memohon rakan-rakan pembangkang kami juga untuk membetulkan untuk meminta rakan-rakan mereka di Kerajaan Pusat membetulkan garis kemiskinan sebab garis kemiskinan seperti yang di hujah oleh pihak Barisan Nasional memang sudah *autodated*, memang tidak boleh dipakai lagi.

TUAN SPEAKER: Bukit Gasing, Bukit Gasing, sebenarnya Bukit Gasing bukan Ahli EXCO dia sepatut tak payah jawab macam ini. Baiklah tak payah jawab Bukit Gasing. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian masa telah menunjukkan jam 7.00 petang dengan ini saya menangguhkan Sesi Perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan 2014, 2013 sehingga hari esok Khamis, 21hb November 2013 jam 10.00 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan jam 7.00 malam)